

# Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd

## Terma dan Syarat Khusus

(Tarikh Kuat Kuasa: 5 haribulan Ogos 2024)

Dokumen ini menetapkan terma dan syarat khusus yang mentadbir akaun-akaun, produk-produk dan perkhidmatan yang **AL RAJHI BANKING & INVESTMENT CORPORATION (MALAYSIA) BHD (No. Pendaftaran: 200501036909 (719057-X))** ("Bank", "kita" atau "kami") mungkin menawarkan anda dari semasa ke semasa (**Terma dan Syarat Khusus**). Pastikan anda baca dan fahami Terma dan Syarat Khusus ini dengan teliti sebelum memperoleh sebarang akaun, produk atau perkhidmatan daripada kami. Sila hubungi kami jika anda memerlukan sebarang penjelasan.

Terma dan Syarat Khusus ini haruslah dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am (yang tersedia di laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>) dan sebarang terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu. Beberapa istilah berhuruf besar yang digunakan dalam dokumen ini telah ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara apa yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Khusus ini dan Terma dan Syarat Am, terma-terma dalam Terma dan Syarat Khusus ini hanya akan digunapakai berhubung dengan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan tertentu. Dengan membuka dan menggunakan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan kami, anda bersetuju dan menerima Terma dan Syarat Am dan Terma dan Syarat Khusus ini.

### SEKSYEN I: LIABILITI

#### A. Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Simpanan-*i* / Semasa-*i* / Semasa-*i* Matawang Asing Komoditi *Murabahah*

Dilindungi oleh PIDM (Perbadanan Insurans Deposit Malaysia) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

##### 1. UMUM

- 1.1 Pihak Bank menawarkan akaun-akaun Komoditi *Murabahah* yang berikut (setiap satu, **Akaun CM**):
  - (a) Akaun Semasa-*i* Komoditi *Murabahah* (dalam ringgit);
  - (b) Akaun Simpanan-*i* Komoditi *Murabahah* (dalam ringgit);
  - (c) Akaun Semasa-*i* Matawang Asing Komoditi *Murabahah* (dalam matawang asing).
- 1.2 Pembukaan Akaun CM adalah tertakluk kepada keperluan pihak Bank termasuk kelayakan, umur, kapasiti, dokumen pengenalan, deposit permulaan minimum, kewarganegaraan, status cukai dan semakan latar belakang kredit. Pihak Bank mungkin mempunyai keperluan yang berbeza bagi Pelanggan individu atau entiti undang-undang.
- 1.3 Pihak Bank boleh menyatakan jumlah minimum untuk didepositkan apabila Akaun CM dibuka dan baki minimum yang harus dikekalkan oleh Pelanggan pada setiap masa. Maklumat mengenai deposit permulaan minimum dan baki minimum akaun adalah tersedia di laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>.
- 1.4 Pihak Bank boleh menghadkan bilangan Akaun CM yang dibenarkan untuk dikekalkan oleh setiap Pelanggan.
- 1.5 Pihak Bank boleh membenarkan Akaun CM dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.
- 1.6 Pihak Bank boleh membenarkan akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.

- 1.7 Setiap Akaun CM adalah akaun dengan keuntungan (*profit bearing account*). Kadar keuntungan yang terpakai akan ditentukan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa (**Kadar Keuntungan**). Kadar Keuntungan boleh didapati dari laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>, cawangan kami atau tersedia atas permintaan. Pihak Bank akan mengira keuntungan berdasarkan bilangan sebenar hari berlalu dalam tempoh akruan keuntungan sepanjang tahun 365 (atau 366 dalam tahun lompat) atau 360, bergantung pada konvensyen yang terpakai untuk matawang yang berkenaan.

## 2. AKAUN SEMASA-*i* MATAWANG ASING KOMODITI MURABAHAH (CM FCA)

- 2.1 Anda boleh membuka dan menyenggara beberapa CM FCA merentas pelbagai matawang asing dengan syarat anda tidak boleh melebihi jumlah maksimum satu (1) akaun CM FCA untuk setiap matawang asing.
- 2.2 CM FCA adalah tersedia dalam matawang asing yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.3 CM FCA hendaklah dikendalikan oleh Pelanggan dan ditadbir oleh pihak Bank mengikut undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, arahan-arahan yang terpakai mengenai transaksi matawang antarabangsa dan domestik termasuk Dasar Pertukaran Wang Asing (**DPWA**) yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia.
- 2.4 Sebelum membuka CM FCA dan apabila diperlukan, pihak Bank mungkin memerlukan Pelanggan untuk memberikan maklumat dan/atau dokumen-dokumen berkaitan yang diperlukan bagi memastikan pematuhan DPWA termasuk pengisytiharan berkaitan kemudahan kredit domestik Pelanggan.
- 2.5 Pelanggan dikehendaki mengekalkan akaun semasa atau akaun simpanan ringgit dengan pihak Bank. Pihak Bank boleh mendebitkan yuran dan caj kepada akaun ringgit tersebut.
- 2.6 **Deposit dan penghantaran wang masuk (*Deposit and inward remittance*)**. Pelanggan boleh menandatangani ke dalam CM FCA sebarang jumlah matawang yang ditetapkan sehingga jumlah maksimum yang ditentukan oleh pihak Bank. Semua pemindahan ke dalam CM FCA boleh dibuat dengan cara berikut:
- (a) pemindahan dana daripada akaun lain dalam matawang yang sama atau berbeza yang disenggara dengan pihak Bank;
  - (b) menukarkan sebarang jumlah daripada akaun semasa atau akaun simpanan ringgit yang dikekalkan dengan pihak Bank yang kemudiannya pihak Bank akan mengkreditkan matawang asing tersebut ke dalam CM FCA;
  - (c) melalui pemindahan telegrafik / SWIFT di mana pemindahan tersebut boleh dilaksanakan terus dari akaun luar negara atau melalui RENTAS; atau
  - (d) melalui cek matawang asing atau perintah juruwang (*cashier's order*).
- 2.7 **Pengeluaran**. Pelanggan boleh mengeluarkan dana-dana daripada CM FCA dengan:
- (a) pemindahan dana daripada akaun lain dalam matawang yang sama atau berbeza yang disenggara dengan pihak Bank;
  - (b) menukarkan sebarang jumlah matawang asing kepada ringgit untuk memindahkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan ringgit yang dikekalkan dengan pihak Bank;
  - (c) melalui pemindahan telegrafik / SWIFT di mana pemindahan tersebut boleh dilaksanakan terus dari akaun luar negara atau melalui RENTAS; atau
  - (d) pembelian instrumen pembayaran kiriman wang asing.
- 2.8 Semua penukaran matawang akan dilaksanakan pada kadar penukaran semasa pihak Bank. Bagi pemindahan wang yang memerlukan penukaran matawang bersilang, penukaran kepada matawang lain adalah tertakluk kepada penukaran kepada ringgit menggunakan kadar belian

matawang semasa pihak Bank terhadap ringgit sebelum menukarkan kepada matawang yang dikehendaki dengan menggunakan kadar jualan matawang semasa pihak Bank yang dikehendaki.

- 2.9 Deposit atau pengeluaran wang tunai adalah tidak dibenarkan.
- 2.10 Tiada buku cek akan dikeluarkan.
- 2.11 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam transaksi matawang asing termasuk tapi tidak terhad kepada risiko yang disebabkan oleh turun naik dalam kadar pertukaran, implikasi cukai, kawalan modal atau perubahan dalam polisi kerajaan atau sebarang sebab lain di luar kawalan pihak Bank.

### 3. PRINSIP SHARIAH

3.1 **Komoditi *Murabahah* melalui aturan *Tawarruq*.** Akaun CM adalah berdasarkan prinsip Syariah *Murabahah* melalui *Tawarruq*. *Murabahah* merujuk kepada pembelian dan penjualan aset dengan pendedahan kos aset dan kadar keuntungan. *Tawarruq* mengandungi dua kontrak pembelian dan penjualan. Pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertanggung. Selepas itu, pembeli dalam penjualan pertama akan menjual aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta. Mekanisma yang terlibat adalah:

- (a) anda membuat tawaran kepada kami dengan menyerahkan borang permohonan yang lengkap bersama dokumen yang diperlukan. Kami mungkin (mengikut budi bicara kami) menerima dengan membuka Akaun CM untuk anda apabila anda memindahkan atau menandatangani sekurang-kurangnya jumlah deposit minimum yang berkenaan.
- (b) anda akan melantik ejen di bawah prinsip *Wakalah bil Ujrah* (agensi dengan yuran), seperti yang diterangkan dalam Klausa 3.2 di bawah, untuk membeli barang atau aset yang diluluskan oleh Lembaga Syariah pihak Bank kecuali emas, perak, matawang, aset yang akan dibina atau dalam pembinaan dan aset yang bersifat hutang (**Komoditi**) bagi pihak anda dari pedagang atau pembekal Komoditi pada hari-hari berikutnya (setiap satu **Hari Perdagangan Komoditi**):
  - (i) pada hari pembukaan akaun, apabila deposit permulaan dibuat;
  - (ii) pada hari tertentu selepas pembukaan akaun, apabila terdapat Kenaikan Harian Bersih (setiap (i) dan (ii) **Komoditi *Murabahah* Harian**); dan
  - (iii) pada 31 Disember setiap tahun, sama ada terdapat sebarang Kenaikan Harian Bersih atau tidak (**Komoditi *Murabahah* Tahunan**),  
pada waktu batas tertentu yang ditentukan oleh Bank dan pada harga belian berikut (setiap satu **Harga Belian**),
    - (iv) berhubung dengan hari pembukaan akaun, jumlah yang setara dengan Baki PH pada hari tersebut;
    - (v) berhubung dengan Kenaikan Harian Bersih berlaku, jumlah yang bersamaan dengan Kenaikan Harian Bersih; dan
    - (vi) pada 31 Disember setiap tahun, jumlah yang bersamaan dengan Baki PH pada hari itu, dan jika transaksi Komoditi *Murabahah* tidak dilaksanakan pada Hari Perdagangan Komoditi, maka transaksi Komoditi *Murabahah* tersebut akan dilaksanakan pada hari berikutnya.  
*“Baki PH” bermaksud baki kredit penghujung hari (PH) dalam Akaun CM tidak termasuk apungan pada mana-mana hari, pada waktu batas tertentu yang ditentukan oleh Bank. Sebarang jumlah yang didepositkan selepas waktu batas tersebut seperti yang dikenalpasti oleh Bank akan dicatatkan pada Baki PH pada hari berikutnya.*  
*“Kenaikan Harian Bersih” bermaksud perbezaan positif antara Baki PH hari ini dan Baki PH hari sebelumnya.*
- (c) anda bersetuju bahawa Komoditi akan dibeli oleh ejen atas dasar “seperti mana sedia ada”, tanpa sebarang representasi atau waranti daripada ejen tentang kualiti, keadaan dan deskripsi, dan tanpa liabiliti pada pihak ejen untuk sebarang kerugian, kerosakan atau kemerosotan, kecuali sekiranya berlaku salah laku, kecuaiian atau kemungkiran terma-terma tertentu pada pihak ejen.

- (d) segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual akan dibebaskan daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi dalam apa cara sekalipun. Sebarang kecacatan atau kegagalan dalam penyerahan atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan dalam apa-apa cara menjejaskan atau membebaskan segala kewajipan atau akujanji oleh pihak yang berkontrak.
- (e) **permintaan untuk penyerahan fizikal Komoditi.** Sekiranya anda bercadang untuk mengambil milikan fizikal Komoditi yang dibeli, anda hendaklah memastikan bahawa:
- (i) anda memiliki lesen, permit, kelulusan dan kebenaran yang diperlukan untuk mengambil penyerahan fizikal Komoditi tersebut selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai;
  - (ii) permintaan anda untuk mengambil penyerahan fizikal Komoditi haruslah dimaklumkan kepada ejen sebelum pembukaan Akaun CM; dan
  - (iii) semua kos-kos berkaitan dengan penyerahan fizikal Komoditi akan ditanggung oleh anda.
- (f) sekiranya tiada permintaan untuk penyerahan fizikal, setelah penamatan pembelian Komoditi daripada pedagang atau pembekal (yang termasuk penyempurnaan pindahmilik dan pemilikan konstruktif Komoditi yang diwakili oleh sijil(-sijil)), ejen akan menjual Komoditi tersebut kepada Bank pada Harga Jualan *Murabahah* yang dikira seperti berikut:
- (i) Harga Belian; dan
  - (ii) Keuntungan (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan dan Tempoh seperti formula yang ditunjukkan di **Lampiran 1** kepada Terma dan Syarat Khusus ini),

yang perlu dibayar oleh Bank atas dasar pembayaran tertanggung seperti berikut:

- (iii) berkenaan dengan bahagian Keuntungan dari Harga Jualan *Murabahah*, Keuntungan yang terakru akan dikreditkan pada setiap bulan pada hari terakhir setiap bulan kalendar atau pada selang waktu yang didedahkan kepada Pelanggan (**Tarikh Pembayaran Keuntungan**);
- (iv) berkenaan dengan bahagian Harga Belian dari Harga Jualan *Murabahah* bagi Komoditi *Murabahah* Harian, pada akhir hari 31 Disember dalam tahun semasa transaksi Komoditi *Murabahah* dilaksanakan;
- (v) berkenaan dengan bahagian Harga Belian dari Harga Jualan *Murabahah* bagi Komoditi *Murabahah* Tahunan, pada akhir hari 31 Disember dalam tahun depan (setiap (iv) dan (v), **Tarikh Pembayaran Harga Belian**);

seperti yang diilustrasikan di **Lampiran 1** kepada Terma dan Syarat Khusus ini. Harga Jualan *Murabahah* akan dibayar bersih daripada yuran agensi.

*“Tempoh” berkaitan dengan sesuatu Komoditi Murabahah Harian, bermaksud, satu tempoh dalam hari dari Hari Perdagangan Komoditi (termasuk) sehingga 31 Disember (termasuk) pada tahun dimana transaksi Komoditi Murabahah dilaksanakan dan berkaitan dengan sesuatu Komoditi Murabahah Tahunan, bermaksud, satu tempoh dalam hari dari Hari Perdagangan Komoditi (termasuk) sehingga 31 Disember (termasuk) pada tahun hadapan.*

- (g) tertakluk kepada Klausula 4.1, pihak Bank boleh (mengikut budi bicara mutlaknya) memilih untuk membayar Harga Jualan *Murabahah* lebih awal daripada Tarikh Pembayaran Keuntungan dan Tarikh Pembayaran Harga Belian apabila Bank melaksanakan haknya untuk menamatkan Akaun CM selaras dengan Terma dan Syarat Am.
- (h) tertakluk kepada Klausula 4.1, Pelanggan boleh membuat pengeluaran dari Akaun CM pada bila-bila masa. Sebarang jumlah bersih yang dikeluarkan daripada Akaun CM akan dianggap sebagai tuntutan oleh Pelanggan untuk pembayaran awal bagi bahagian Harga Belian dari Harga Jualan *Murabahah* yang tertunggak dan Harga Jualan *Murabahah* yang tertunggak tersebut akan dikurangkan dengan sewajarnya.
- (i) pada setiap Tarikh Pembayaran Harga Belian, Pelanggan akan dianggap telah menerima bayaran untuk Harga Belian tertunggak yang berkenaan daripada Bank sebagai memenuhi kewajipan pembayaran Bank berhubung dengan Harga Jualan *Murabahah*, dan serta-merta selepas menerima Harga Belian tertunggak tersebut, telah mendepositkan Harga Belian tertunggak tersebut ke dalam Akaun CM. Bagi mengelakkan keraguan, jumlah yang dianggap telah didepositkan ke dalam Akaun CM pada setiap Tarikh Pembayaran Harga Belian hendaklah menjadi sebahagian daripada jumlah deposit untuk tujuan pengiraan Baki PH pada hari tersebut.

- (j) setiap kontrak jual dan beli Komoditi *Murabahah* mengikat secara automatik dan tidak akan ditamatkan secara sebelah pihak oleh salah satu pihak yang berkontrak.
- (k) sekiranya terdapat perubahan menaik bagi Kadar Keuntungan, daripada membubarkan transaksi Komoditi *Murabahah* yang sedia ada dan memasuki transaksi baru, pihak Bank mungkin memberikan dan membayar sebagai *hibah* (hadiah) jumlah yang mewakili perbezaan positif antara Keuntungan yang dikontrak dengan Keuntungan yang dihitung berdasarkan Kadar Keuntungan yang dipinda.

3.2 **Wakalah bil Ujrah (Agensi dengan Yuran).** *Wakalah bil Ujrah* merujuk kepada pelantikan ejen oleh anda, dengan mengenakan bayaran, untuk melaksanakan tugas tertentu bagi perkara yang mungkin diwakilkan.

Anda bersetuju dan akan melengkapkan borang pelantikan agensi untuk melantik Ejen di bawah aturan dwi-agensi. Kewajipan Ejen berkaitan dengan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah* dinyatakan dalam borang pelantikan agensi.

Dengan menandatangani borang pelantikan agensi, anda mengaku dan bersetuju:

- (a) bahawa **AI Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran: 201001026991 (910910-A)) (Ejen)** akan menjadi Ejen anda untuk menjalankan peranan dan fungsi bebas dan untuk melaksanakan tugas-tugas khusus bagi memudahkan kemasukan ke dalam dan berkenaan dengan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah* dan bukannya dalam mana-mana hal lain berdasarkan kontrak *Wakalah bil Ujrah* (agensi dengan yuran). Ejen telah menubuhkan unit khusus yang dikenali sebagai "*Commodity Trading Unit*" (CTU) untuk, bagi pihak anda, memudahkan penyempurnaan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah*, termasuk tanpa had:
  - untuk membeli Komoditi bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi secara tunai.
  - sekiranya anda tidak meminta penyerahan fizikal Komoditi tersebut, untuk menjual Komoditi tersebut kepada pihak Bank pada Harga Jualan *Murabahah*.
  - untuk melaksanakan semua tindakan bagi penyempurnaan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah* sejajar dengan Terma dan Syarat Khusus ini.
- (b) adalah difahamkan bahawa pelantikan ini tidak boleh ditarik balik untuk keseluruhan tempoh Akaun CM melainkan sebaliknya dipersetujui oleh pihak yang berkontrak.
- (c) Ejen tidak akan mengambil alih, atau dianggap telah mengambil alih, sebarang kewajipan tambahan kepada, atau untuk mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan anda selain daripada peruntukan tertentu yang dibuat dalam borang pelantikan agensi.
- (d) bahawa anda masih akan bertanggungjawab sebagai prinsipal di bawah kontrak-kontrak Komoditi *Murabahah* yang dimeterai oleh Ejen sebagai ejen anda kecuali dimana Ejen bertindak secara sengaja ingkar.
- (e) untuk membayar yuran agensi (*Ujrah*), pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Yuran agensi:
  - (i) dihitung berdasarkan ilustrasi di **Lampiran 1** kepada Terma dan Syarat Khusus ini.
  - (ii) akan ditolak daripada Harga Jualan *Murabahah* bagi setiap transaksi Komoditi *Murabahah* dan akan dikreditkan ke dalam akaun Ejen yang disenggara dengan pihak Bank.
  - (iii) akan digunakan untuk bayaran perbelanjaan agensi.
- (f) Ejen tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memasuki sebarang transaksi mahupun mengikut sebarang arahan anda sekiranya Ejen berpendapat bahawa ia akan mengakibatkan Ejen melanggar atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang, polisi, kaedah atau peraturan.
- (g) bahawa Ejen boleh menjalankan peranan sebagai ejen untuk lebih daripada seorang pelanggan dan akan melaksanakan peranan untuk setiap pelanggan secara bebas. Untuk penjelasan, Ejen boleh membeli dan menjual Komoditi secara agregat.
- (h) anda akan menanggung rugi Ejen terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Ejen akibat daripada bertindak sebagai ejen anda kecuali dalam situasi di

mana berlakunya salah laku, kecuaiian atau kemungkiran terma-terma spesifik pada pihak Ejen. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun agensi Bank telah ditamatkan.

- (i) pihak Bank dikehendaki memantau dan memastikan Ejen menjalankan kewajibannya dengan cekap dan profesional.
- (j) bahawa pelantikan Ejen akan ditamatkan berikutan penutupan semua Akaun(-Akaun) CM anda.

3.3 **Bai' al-Sarf** (untuk CM FCA sahaja): Tambahan kepada *Tawarruq* dan *Wakalah bil Ujrah*, pihak Bank juga menggunakan *Bai' al-Sarf*. *Bai' al-Sarf* merujuk kepada kontrak penukaran wang untuk matawang jenis yang sama atau berbeza.

Anda akan menjual sesuatu matawang kepada pihak Bank untuk matawang asing yang lain secara serta-merta (*spot basis*) dan pada kadar penukaran semasa pihak Bank. Hasil penukaran tersebut akan digunakan untuk pembelian dan penjualan Komoditi berdasarkan *Tawarruq*.

#### 4. REBAT (*IBRA'*)

4.1 Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (*ibra'*) kepada pihak Bank bagi bahagian Keuntungan Harga Jualan *Murabahah* seperti yang ditentukan oleh pihak Bank (dimana penentuan, kecuali daripada kesilapan nyata, adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap anda):

- (a) dalam situasi pengeluaran pra matang selaras dengan Klausula 3.1(h);
- (b) dalam situasi penamatan Akaun CM selaras dengan Klausula 3.1(g); dan
- (c) dalam situasi perubahan ke bawah dalam Kadar Keuntungan.

#### 5. SALURAN DIGITAL

5.1 Kami mungkin menawarkan akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan melalui aplikasi mudah alih yang baharu selaras dengan inisiatif perbankan digital kami. Akaun, produk atau perkhidmatan tersebut mungkin mengandungi ciri-ciri dan faedah-faedah yang berbeza daripada tawaran sedia ada kami.

5.2 **"Saving Pot"**.

- (a) Akaun CM anda mungkin disertakan dengan "*Saving Pot*" yang merupakan ciri untuk anda menguruskan simpanan dan perbelanjaan anda dengan mengasingkan wang anda dalam Akaun CM dan menyimpan wang anda selain daripada baki akaun yang tersedia. Sesuatu "*Saving Pot*" hanya boleh digunakan untuk menguruskan simpanan anda dan anda tidak boleh berbelanja, mengurus niaga atau membuat sebarang bayaran daripada wang dalam "*Saving Pot*". Wang dalam "*Saving Pot*" tidak akan menjadi sebahagian daripada baki akaun anda yang tersedia. Ini bermakna walaupun anda mempunyai wang dalam "*Saving Pot*", tetapi baki akaun anda yang tersedia tidak mencukupi untuk melengkapkan sebarang pengeluaran, pemindahan dana, transaksi pembelian atau pembayaran, transaksi anda tidak akan berjaya. Wang dalam "*Saving Pot*" tidak akan dilepaskan kepada baki akaun anda secara automatik. Sekiranya anda perlu mengakses "*Saving Pot*" pada bila-bila masa, anda boleh log masuk ke aplikasi mudah alih untuk melepaskan wang daripada "*Saving Pot*" anda kepada baki akaun yang tersedia. Tiada sekatan ke atas bilangan pengeluaran yang boleh anda lakukan daripada "*Saving Pot*". Penggunaan ciri "*Saving Pot*" ini oleh anda adalah tertakluk kepada bilangan maksimum "*Saving Pot*" dan jumlah maksimum dana yang boleh disimpan oleh Pelanggan dalam "*Saving Pot*" seperti mana yang ditentukan oleh Bank.
- (b) Kadar keuntungan yang berbeza mungkin dikenakan kepada wang anda dalam "*Saving Pot*" dan baki akaun anda yang tersedia. Anda boleh menentukan matlamat simpanan atau menetapkan tujuan kepada "*Saving Pot*" anda. Matlamat atau tujuan simpanan anda tidak boleh mengandungi sebarang kandungan yang tidak sah, menyalahi undang-undang, tidak sesuai, bersifat tidak sensitif terhadap budaya, lucah, tidak patuh Syariah, ofensif, provokatif, unsur libel, unsur fitnah atau melanggar mana-mana hak harta intelek. Anda boleh memilih pilihan caruman automatik di mana amaun yang telah ditetapkan akan ditolak daripada baki akaun anda yang tersedia kepada "*Saving Pot*" secara berkala pada kekerapan yang anda pilih.

- (c) Setelah “*Saving Pot*” diwujudkan, anda boleh menjemput orang yang anda kenali untuk menyumbang kepada matlamat simpanan anda. Dalam modul “*Saving Pot*” dalam aplikasi mudah alih, anda akan dapat menjana dan berkongsi jemputan yang mengandungi maklumat tentang matlamat simpanan anda dan status semasanya, DuitNow QR dan/atau nombor akaun. Anda mesti memastikan bahawa anda hanya berkongsi jemputan dengan orang yang anda kenali dan yang ingin menyumbang kepada matlamat simpanan anda. Anda tidak boleh menggunakan ciri ini untuk meminta pemindahan dana untuk sebarang tujuan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak patuh Syariah. Anda mesti memaklumkan kepada penerima jemputan anda bahawa jika penerima jemputan tersebut bersetuju untuk menyokong matlamat simpanan anda, penerima jemputan tersebut boleh melaksanakan pemindahan dana DuitNow kepada Akaun CM anda dan sebarang jumlah yang dipindahkan boleh dibalikkan (*non-reversible*). Anda mesti menyelesaikan semua aduan, tuntutan, pertikaian atau prosiding undang-undang yang penerima jemputan anda mungkin ada dengan anda dan tidak melibatkan Bank dalam sebarang aduan, tuntutan, pertikaian atau prosiding undang-undang sedemikian.
- (d) Bagi mengelakkan keraguan, “*Saving Pot*” bukanlah akaun yang berasingan dan berbeza yang anda kekalkan dengan kami dan pemindahan wang antara baki akaun anda yang tersedia dan “*Saving Pot*” bukanlah merupakan transaksi yang melibatkan pemindahan dana masuk atau keluar daripada Akaun CM anda. Penggunaan “*Saving Pot*” oleh anda tidak akan menjejaskan pelaksanaan hak atau budi bicara pihak Bank berkenaan dengan Akaun CM selaras dengan Terma dan Syarat Am serta Terma dan Syarat Khusus ini.
-

## Lampiran 1

### Pengiraan Harga Jualan *Murabahah* dan Yuran Agensi

#### Formula:

**Harga Belian** = PH pada 31 Disember, PH pada Pembukaan Akaun atau Kenaikan Harian Bersih (jika ada)

**Harga Jualan *Murabahah*** = Harga Belian + Keuntungan

**Keuntungan** = Harga Belian x (Kadar Keuntungan + Kadar Yuran Agensi\*\*) x (Tempoh / Bil. Hari dalam Tahun\*)

**Yuran Agensi** = Harga Belian x 0.01% x (Tempoh / Bil. Hari dalam Tahun\*)

\*Tahun adalah tempoh 365 hari (atau 366 hari dalam tahun lompat) atau 360, bergantung kepada konvensyen yang terpakai untuk matawang yang berkenaan bagi deposit.

\*\*Sila rujuk jadual kadar kami untuk Kadar Yuran Agensi semasa

#### Ilustrasi:

##### Scenario 1:

PH pada 31 Dis 2020 = RM50,000.00

**Kadar Keuntungan =**

Jalur Baki	*Kadar Keuntungan
Sehingga RM20,000	0.34%
Antara RM20,000 - RM50,000	0.44%
Antara RM50,000 - RM200,000	0.54%
Lebih daripada RM200,000	0.64%

Nota: Kadar Keuntungan adalah untuk ilustrasi sahaja

\*Kadar Keuntungan tidak termasuk Yuran Agensi

##### Scenario 2:

Kenaikan Harian Bersih pada 22/12/2020 = RM20,000.00

**Kadar Keuntungan =**

Jalur Baki	*Kadar Keuntungan
Sehingga RM20,000	0.34%
Antara RM20,000 - RM50,000	0.44%
Antara RM50,000 - RM200,000	0.54%
Lebih daripada RM200,000	0.64%

Nota: Kadar Keuntungan adalah untuk ilustrasi sahaja

\*Kadar Keuntungan tidak termasuk Yuran Agensi

**Bilangan Hari dalam Tahun** = 365 hari

**Tempoh** = 365 hari  
(01/01/2021 sehingga 31/12/2021)

**Kadar Yuran Agensi** = 0.01%

**Keuntungan** = RM50,000 x  
(0.44%+0.01%) x  
(365/365)

**Bilangan Hari dalam Tahun** = 366 hari (Tahun Lompat)

**Tempoh** = 10 hari  
(22/12/2020 sehingga 31/12/2020)

**Kadar Yuran Agensi** = 0.01%

**Keuntungan** = RM20,000 x  
(0.34% + 0.01%) x  
(10/366)

$\text{Harga Murabahah} = \text{RM}225.00$ $\text{Harga Murabahah} = \text{RM}50,000 + \text{RM}225$ $= \text{RM}50,225$ $\text{Yuran Agensi} = \text{RM}50,000 \times 0.01\% \times (365/365)$ $= \text{RM}5.00$ $\text{Jumlah yang dibayar kepada Pelanggan setelah tolak Yuran Agensi} = \text{RM} 50,225.00 - \text{RM} 5.00$ $= \text{RM}50,220$	$= \text{RM}1.91$ $\text{Harga Murabahah} = \text{RM}20,000 + \text{RM}1.91$ $= \text{RM}20,001.91$ $\text{Yuran Agensi} = \text{RM}20,000 \times 0.01\% \times (10/366)$ $= \text{RM}0.05$ $\text{Jumlah yang dibayar kepada Pelanggan setelah tolak Yuran Agensi} = \text{RM}20,001.91 - \text{RM}0.05$ $= \text{RM}20,001.86$																				
<p><b>Scenario 3:</b></p> <p>PH Pembukaan Akaun pada 23/09/2021 = USD50,000.00</p> <p><b>Kadar Keuntungan =</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 70%;">Jalur Baki</th> <th style="width: 30%;">*Kadar Keuntungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sehingga USD20,000</td> <td>0.35%</td> </tr> <tr> <td>Antara USD20,000 - USD 50,000</td> <td>0.45%</td> </tr> <tr> <td>Antara USD50,000 - USD 200,000</td> <td>0.55%</td> </tr> <tr> <td>Lebih daripada USD200,000</td> <td>0.65%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: Kadar Keuntungan adalah untuk ilustrasi sahaja</p> <p>*Kadar Keuntungan tidak termasuk Yuran Agensi</p> <p><b>Bilangan Hari dalam Tahun</b> = 360 hari (Terpakai untuk USD)</p> <p><b>Tempoh</b> = 100 hari (23/09/2021 sehingga 31/12/2021)</p> <p><b>Kadar Yuran Agensi</b> = 0.01%</p>	Jalur Baki	*Kadar Keuntungan	Sehingga USD20,000	0.35%	Antara USD20,000 - USD 50,000	0.45%	Antara USD50,000 - USD 200,000	0.55%	Lebih daripada USD200,000	0.65%	<p><b>Scenario 4:</b></p> <p>Kenaikan Harian Bersih pada 12/11/2020 = SAR 10,000.00</p> <p><b>Kadar Keuntungan =</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 70%;">Jalur Baki</th> <th style="width: 30%;">*Kadar Keuntungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sehingga SAR20,000</td> <td>0.35%</td> </tr> <tr> <td>Antara SAR20,000 - SAR 50,000</td> <td>0.45%</td> </tr> <tr> <td>Antara SAR50,000 - SAR 200,000</td> <td>0.55%</td> </tr> <tr> <td>Lebih daripada SAR200,000</td> <td>0.65%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: Kadar Keuntungan adalah untuk ilustrasi sahaja</p> <p>*Kadar Keuntungan tidak termasuk Yuran Agensi</p> <p><b>Bilangan Hari dalam Tahun</b> = 360 hari (Terpakai untuk SAR)</p> <p><b>Tempoh</b> = 50 hari (12/11/2020 sehingga 31/12/2020)</p> <p><b>Kadar Yuran Agensi</b> = 0.01%</p>	Jalur Baki	*Kadar Keuntungan	Sehingga SAR20,000	0.35%	Antara SAR20,000 - SAR 50,000	0.45%	Antara SAR50,000 - SAR 200,000	0.55%	Lebih daripada SAR200,000	0.65%
Jalur Baki	*Kadar Keuntungan																				
Sehingga USD20,000	0.35%																				
Antara USD20,000 - USD 50,000	0.45%																				
Antara USD50,000 - USD 200,000	0.55%																				
Lebih daripada USD200,000	0.65%																				
Jalur Baki	*Kadar Keuntungan																				
Sehingga SAR20,000	0.35%																				
Antara SAR20,000 - SAR 50,000	0.45%																				
Antara SAR50,000 - SAR 200,000	0.55%																				
Lebih daripada SAR200,000	0.65%																				

<b>Keuntungan</b>	=	USD50,000	x		<b>Keuntungan</b>	=	SAR10,000	x	
		(0.55%+0.01%)	x				(0.35%+0.01%)	x	
		(100/360)					(50/360)		
	=	USD77.78				=	SAR5.00		
<b>Harga <i>Murabahah</i> Jualan</b>	=	USD50,000	+		<b>Harga <i>Murabahah</i> Jualan</b>	=	SAR10,000	+	
		USD77.78					SAR5.00		
	=	USD50,077.78				=	SAR10,005.00		
<b>Yuran Agensi</b>	=	USD50,000	x		<b>Yuran Agensi</b>	=	SAR10,000	x	
		0.01% x (100/360)					0.01% x (50/360)		
	=	USD1.39				=	SAR0.14		
<b>Jumlah bersih yang dibayar kepada Pelanggan setelah tolak Yuran Agensi</b>	=	USD50,077.78	-		<b>Jumlah bersih yang dibayar kepada Pelanggan setelah tolak Yuran Agensi</b>	=	SAR10,005.00	-	
		USD1.39					SAR0.14		
	=	USD50,076.39				=	SAR10,004.86		

## B. Terma dan Syarat Khusus untuk Deposit Berjangka-*i* Komoditi *Murabahah*

Dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

### 1. UMUM

- 1.1 Pembukaan akaun dan penempatan Deposit Berjangka-*i* Komoditi *Murabahah* (Akaun TD) adalah tertakluk kepada keperluan pihak Bank termasuk kelayakan, umur, kapasiti, dokumen pengenalan, deposit permulaan minimum, kewarganegaraan, status cukai dan semakan latar belakang kredit. Pihak Bank mungkin mempunyai keperluan yang berbeza bagi Pelanggan individu atau entiti undang-undang.
- 1.2 Pihak Bank mungkin memerlukan Pelanggan untuk mengekalkan akaun semasa atau akaun simpanan ringgit dengan pihak Bank.
- 1.3 Pihak Bank boleh membenarkan Akaun CM dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.
- 1.4 Pihak Bank boleh membenarkan akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.

### 2. SKIM, PENEMPATAN DAN TEMPOH

- 2.1 Pihak Bank menawarkan dua jenis skim penempatan deposit berjangka-*i*. Jadual di bawah menyatakan aspek komersial bagi skim penempatan semasa seperti pembayaran keuntungan, tempoh penempatan dan jumlah minimum deposit yang perlu ditempatkan. Bagi mengelakkan keraguan, skim penempatan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan anda hendaklah mengajukan pertanyaan tentang aspek komersial terkini sebelum penempatan anda. Selanjutnya, kedua-dua Bank dan Pelanggan boleh bersetuju bersama mengenai aspek komersial yang berbeza daripada jadual di bawah.

Skim		Tempoh Penempatan (bulan)	Jumlah Deposit Minimum (RM)
<b>Jenis A (Keuntungan pada kematangan)</b>	Keuntungan dibayar pada kematangan penempatan.	Antara 1 hingga 60	<ul style="list-style-type: none"><li>• 1,000 bagi tempoh kurang daripada 3 bulan</li><li>• 500 bagi tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan</li></ul>
<b>Jenis B (Keuntungan pendahuluan)</b>	Keuntungan dibayar terlebih dahulu selepas penyempurnaan transaksi Komoditi <i>Murabahah</i> . Pembayaran keuntungan adalah tertakluk kepada klausa-klausa di bawah mengenai pengeluaran.	1, 3, 6, 9 atau 12	5,000

### 3. DEPOSIT

- 3.1 Semua penempatan akan dibuat dalam ringgit.
- 3.2 Pihak Bank mungkin memerlukan semua penempatan dibuat dari akaun semasa atau akaun simpanan ringgit yang disenggara dengan pihak Bank.
- 3.3 Tempoh Penempatan akan bermula pada hari penempatan dibuat.
- 3.4 Pihak Bank mungkin mengeluarkan makluman penempatan atau resit apabila penempatan dibuat pada kaunter. Makluman penempatan atau resit berfungsi hanya sebagai pengesahan transaksi dan bukan dokumen hakmilik. Ia tidak boleh dipindahmilik, diserahkan atau dirunding dalam apa-apa cara. Bagi kaedah-kaedah penempatan yang lain, pihak Bank mungkin mengeluarkan sebarang bentuk dokumen atau pengakuan lain seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

### 4. KEUNTUNGAN

- 4.1 Kadar keuntungan yang terpakai akan ditentukan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa (**Kadar Keuntungan**). Kadar Keuntungan boleh didapati dari laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>, cawangan kami atau tersedia atas permintaan. Sebarang perubahan dalam Kadar Keuntungan akan terpakai kepada penempatan baru atau pada masa pembaharuan penempatan semasa.
- 4.2 Keuntungan akan dikira berdasarkan bilangan hari sebenar dalam tempoh penempatan dan termasuk yuran agensi yang perlu dibayar oleh anda kepada Ejen.
- 4.3 Sebarang keuntungan yang diperolehi akan dibayar mengikut arahan kematangan anda yang diberikan.

### 5. PEMBAHARUAN

- 5.1 Anda perlu memberikan kami arahan kematangan dalam borang penempatan apabila penempatan dibuat. Pihak Bank akan mematuhi arahan kematangan melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pelanggan. Penerimaan sebarang pembaharuan penempatan adalah mengikut budi bicara mutlak Bank dan pada Kadar Keuntungan semasa pada masa pembaharuan. Jika tiada arahan kematangan diberikan, Bank akan membayar Harga Jualan *Murabahah* ke akaun Pelanggan yang disenggarakan dengan Bank.
- 5.2 Apabila anda diberikan kadar keuntungan yang istimewa, bagi tempoh masa tertentu, kadar keuntungan yang istimewa tersebut tidak akan terpakai kepada sebarang pembaharuan penempatan melainkan dibenarkan sebaliknya oleh pihak Bank pada masa pembaharuan.

### 6. PENGELUARAN

- 6.1 Anda boleh menarik balik atau mengeluarkan penempatan sebelum kematangan tertakluk kepada keperluan Bank. Pengeluaran sebahagian pramatang adalah tidak dibenarkan. Tiada keuntungan akan dibayar ke atas pengeluaran pramatang atau penamatan penempatan pra matang, tanpa mengira bilangan bulan genap pada masa pengeluaran atau penamatan pramatang. Bagi penempatan yang dibuat pada kaunter, pihak Bank mungkin memerlukan anda untuk mengemukakan permohonan penarikan balik atau pengeluaran pramatang kepada cawangan tempat penempatan pada mulanya dibuat.
- 6.2 Pengeluaran atau notis penamatan pramatang tidak boleh ditarik balik dan tiada perubahan atau pembatalan dibenarkan.

- 6.3 Sekiranya sebarang keuntungan dibayar kepada anda sebelum tarikh kematangan, termasuk dalam kes penempatan Jenis B, pihak Bank akan menolak keuntungan yang dibayar daripada jumlah prinsipal penempatan apabila pengeluaran atau penamatan pramatang tersebut.
- 6.4 Tertakluk kepada Klausula 6.5, pihak Bank boleh (mengikut budi bicara mutlaknya) memilih untuk membayar Harga Jualan *Murabahah* lebih awal daripada tarikh kematangan apabila Bank Bank melaksanakan haknya untuk menamatkan penempatan selaras dengan Terma dan Syarat Am.
- 6.5 Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (*ibra'*) kepada pihak Bank bagi bahagian Keuntungan Harga Jualan *Murabahah* seperti yang ditentukan oleh pihak Bank (dimana penentuan, kecuali daripada kesilapan nyata, adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap anda) sekiranya terdapat pengeluaran pramatang atau sekiranya terdapat penamatan penempatan selaras dengan Klausula 6.4. Sekiranya penempatan ditamatkan oleh pihak Bank, Bank boleh mengikut budi bicaranya membayar jumlah keuntungan mengikut kadar bilangan hari deposit itu dipegang.

## 7. PRINSIP SHARIAH

7.1 **Komoditi *Murabahah*.** Penempatan Deposit Berjangka-*i* Komoditi *Murabahah* dibuat berdasarkan prinsip Syariah *Murabahah*. *Murabahah* merujuk kepada pembelian dan penjualan aset dengan pendedahan kos aset dan kadar keuntungan. Mekanisma yang terlibat adalah:

- (a) anda membuat tawaran kepada kami dengan menyerahkan borang penempatan yang lengkap bersama dokumen yang diperlukan. Kami mungkin (mengikut budi bicara kami) menerima dengan membuka Akaun TD untuk anda apabila anda memindahkan atau mendepositkan jumlah penempatan minimum.
- (b) anda akan melantik ejen di bawah prinsip *Wakalah bil Ujrah* (agensi dengan yuran), seperti yang diterangkan dalam Klausula 7.2 di bawah, untuk membeli barang atau aset yang diluluskan oleh Lembaga Syariah pihak Bank kecuali emas, perak, matawang, aset yang akan dibina atau dalam pembinaan dan aset yang bersifat hutang (**Komoditi**) pada harga belian (yang bersamaan dengan deposit yang ditempatkan oleh anda) bagi pihak anda dari pedagang atau pembekal Komoditi (**Transaksi Pembelian**).
- (c) sekiranya tiada permintaan untuk penyerahan fizikal, setelah penamatan Transaksi Pembelian (yang termasuk penyempurnaan pindahmilik dan pemilikan konstruktif Komoditi yang diwakili oleh sijil(-sijil)), ejen akan menjual Komoditi tersebut kepada Bank secara bayaran tertunda (**Transaksi Jualan *Murabahah***). Harga jualan mewakili:

- (i) jumlah deposit; dan
- (ii) pulangan ke atas deposit (keuntungan),

(**Harga Jualan *Murabahah***). Tertakluk kepada Klausula 6.1 sehingga 6.5, kami akan membayar jumlah yang bersamaan dengan:

(A) dimana anda telah memilih skim Jenis A, Harga Jualan *Murabahah* ditolak yuran agensi pada tarikh matang penempatan; atau

(B) dimana anda telah memilih skim Jenis B:

- keuntungan (sebagai sebahagian daripada Harga Jualan *Murabahah*) ditolak yuran agensi apabila Transaksi Jualan *Murabahah* disempurnakan; dan
- bagi Harga Jualan *Murabahah* pada tarikh matang penempatan,

berdasarkan arahan kematangan yang diberikan kepada kami.

- (d) setiap kontrak jual dan beli Komoditi *Murabahah* tidak boleh ditarik balik, mengikat secara automatik dan tidak akan ditamatkan secara sebahal pihak oleh salah satu pihak yang berkontrak.
- (e) anda bersetuju bahawa Komoditi akan dibeli oleh ejen atas dasar "seperti mana sedia ada", tanpa sebarang representasi atau waranti daripada ejen tentang kualiti, keadaan dan deskripsi, dan tanpa liabiliti pada pihak ejen untuk sebarang kerugian, kerosakan atau kemerosotan, kecuali sekiranya berlaku salah laku, kecuaihan atau kemungkiran terma-terma tertentu pada pihak ejen.
- (f) segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual akan dibebaskan daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi dalam apa cara

sekalipun. Sebarang kecacatan atau kegagalan dalam penyerahan atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan dalam apa-apa cara menjejaskan atau membebaskan segala kewajipan atau akujanji oleh pihak yang berkontrak.

- (g) **permintaan untuk penyerahan fizikal Komoditi.** Sekiranya anda bercadang untuk mengambil milikan fizikal Komoditi yang dibeli, anda hendaklah memastikan bahawa:
- (i) anda memiliki lesen, permit, kelulusan dan kebenaran yang diperlukan untuk mengambil penyerahan fizikal Komoditi tersebut selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai;
  - (ii) permintaan anda untuk mengambil penyerahan fizikal Komoditi haruslah dimaklumkan kepada ejen sebelum penempatan; dan
  - (iii) semua kos-kos berkaitan dengan penyerahan fizikal Komoditi akan ditanggung oleh anda.

7.2 **Wakalah bil Ujrah (Agensi dengan Yuran).** *Wakalah bil Ujrah* merujuk kepada pelantikan ejen oleh anda, dengan mengenakan bayaran, untuk melaksanakan tugas tertentu bagi perkara yang mungkin diwakilkan.

Anda bersetuju dan akan melengkapkan borang pelantikan agensi untuk melantik Ejen di bawah aturan dwi-agensi. Kewajipan Ejen berkaitan dengan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah* dinyatakan dalam borang pelantikan agensi.

Dengan menandatangani borang pelantikan agensi, anda mengaku dan bersetuju:

- (a) bahawa **AI Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran: 201001026991 (910910-A)) (Ejen)** akan menjadi Ejen anda untuk menjalankan peranan dan fungsi bebas dan untuk melaksanakan tugas-tugas khusus untuk memudahkan pelaksanaan penempatan simpanan tetap (termasuk pembaharuan penempatan tersebut) dengan Bank dan bukannya dalam mana-mana hal lain berdasarkan kontrak *Wakalah bil Ujrah* (agensi dengan yuran). Ejen telah menubuhkan unit khusus yang dikenali sebagai "*Commodity Trading Unit*" (CTU) untuk, bagi pihak anda, memudahkan penyempurnaan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah*, termasuk tanpa had:
- untuk membeli Komoditi bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi secara tunai.
  - sekiranya anda tidak meminta penyerahan fizikal Komoditi tersebut, untuk menjual Komoditi tersebut kepada pihak Bank pada Harga Jualan *Murabahah*.
  - untuk melaksanakan semua tindakan bagi penyempurnaan transaksi-transaksi Komoditi *Murabahah* sejajar dengan Terma dan Syarat Khusus ini.
- (b) Ejen tidak akan mengambil alih, atau dianggap telah mengambil alih, sebarang kewajipan tambahan kepada, atau untuk mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan anda selain daripada peruntukan tertentu yang dibuat dalam borang pelantikan agensi.
- (c) bahawa anda masih akan bertanggungjawab sebagai prinsipal di bawah kontrak-kontrak Komoditi *Murabahah* yang dimeterai oleh Ejen sebagai ejen anda kecuali dimana Ejen bertindak secara sengaja ingkar.
- (d) untuk membayar yuran agensi (*Ujrah*), pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Yuran agensi:
- (i) dihitung berdasarkan ilustrasi di **Lampiran 2** kepada Terma dan Syarat Khusus ini.
  - (ii) akan ditolak daripada Harga Jualan *Murabahah* bagi setiap transaksi Komoditi *Murabahah* dan akan dikreditkan ke dalam akaun Ejen yang disenggara dengan pihak Bank.
  - (iii) akan digunakan untuk bayaran perbelanjaan agensi.
- Anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk menentukan kadar peratusan yuran agensi dari semasa ke semasa.
- (e) Ejen tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memasuki sebarang transaksi mahupun mengikut sebarang arahan anda sekiranya Ejen berpendapat bahawa ia akan mengakibatkan Ejen melanggar atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang, polisi, kaedah atau peraturan.

- (f) bahawa Ejen boleh menjalankan peranan sebagai ejen untuk lebih daripada seorang pelanggan dan akan melaksanakan peranan untuk setiap pelanggan secara bebas. Bagi penjelasan, Ejen boleh membeli dan menjual Komoditi secara agregat.
  - (g) anda akan menanggung rugi Ejen terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Ejen akibat daripada bertindak sebagai ejen anda kecuali dalam situasi di mana berlakunya salah laku, kecuaiian atau kemungkiran terma-terma spesifik pada pihak Ejen. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun agensi Bank telah ditamatkan.
  - (h) pihak Bank dikehendaki memantau dan memastikan Ejen menjalankan kewajipannya dengan cekap dan profesional.
  - (i) bahawa pelantikan Ejen akan ditamatkan berikutan penutupan semua Akaun(-Akaun) TD atau penempatan(-penempatan) anda.
-

## Lampiran 2

### Pengiraan Harga Jualan *Murabahah* dan Yuran Agensi

#### Formula:

**Harga Belian** = Jumlah deposit

**Harga Jualan *Murabahah*** = Harga Belian + Keuntungan

**Keuntungan** = Jumlah deposit x Kadar Keuntungan\* x (Bil. Hari dalam Tempoh Penempatan / Bil. of Hari dalam Tahun)

**Yuran Agensi** = Harga Belian x Kadar Yuran Agensi\*\* x (Bil. Hari dalam Tempoh Penempatan / Bil. of Hari dalam Tahun)

\**Termasuk Kadar Yuran Agensi.*

\*\**Sila rujuk jadual kadar kami untuk Kadar Yuran Agensi semasa*

#### Ilustrasi:

Deposit = RM10,000.00

Kadar Keuntungan = 3.01%

Bilangan Hari dalam Tempoh Penempatan = 120 hari

Bilangan Hari dalam Tahun = 365 hari

Kadar Yuran Agensi: 0.01%

**Keuntungan** =  $RM10,000 \times 3.01\% \times (120/365) = RM98.96$

**Harga Jualan *Murabahah*** =  $RM10,000 + RM98.96 = RM10,098.96$

**Yuran Agensi** =  $RM10,000 \times 0.01\% \times (120/365) = RM0.33$

Amaun perlu dibayar kepada Pelanggan ialah RM10,098.63 iaitu ditolak Yuran Agensi (RM10,098.96 – RM0.33) dan amaun Yuran Agensi yang perlu dibayar kepada Ejen ialah RM0.33

## C. **Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Simpanan-*i*/ Semasa-*i*/ Semasa-*i* Matawang Asing *Qard***

**Dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

### 1. **UMUM**

- 1.1 Pihak Bank menawarkan akaun-akaun *Qard* yang berikut (setiap satu, **Akaun *Qard***):
  - (a) Akaun Semasa-*i* *Qard* (dalam ringgit);
  - (b) Akaun Simpanan-*i* *Qard* (dalam ringgit);
  - (c) Akaun Semasa-*i* Matawang Asing *Qard* (dalam matawang asing).
- 1.2 Pembukaan Akaun *Qard* adalah tertakluk kepada keperluan pihak Bank termasuk kelayakan, umur, kapasiti, dokumen pengenalan, deposit permulaan minimum, kewarganegaraan, status cukai dan semakan latar belakang kredit. Pihak Bank mungkin mempunyai keperluan yang berbeza bagi Pelanggan individu atau entiti undang-undang.
- 1.3 Pihak Bank boleh menyatakan jumlah minimum untuk didepositkan apabila Akaun *Qard* dibuka dan baki minimum yang harus dikekalkan oleh Pelanggan pada setiap masa. Maklumat mengenai deposit permulaan minimum dan baki minimum akaun adalah tersedia di laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>.
- 1.4 Pihak Bank boleh menghadkan bilangan Akaun *Qard* yang dibenarkan untuk dikekalkan oleh setiap Pelanggan.
- 1.5 Pihak Bank boleh membenarkan Akaun *Qard* dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.
- 1.6 Pihak Bank boleh membenarkan akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah dibuka secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank.
- 1.7 Setiap Akaun *Qard* bukanlah akaun dengan pulangan (*non-return bearing account*). Oleh sedemikian, tiada keuntungan, dividen atau pulangan akan dibayar kepada Pelanggan.

### 2. **AKAUN SEMASA-*i* MATAWANG ASING *QARD* (*QARD FCA*)**

- 2.1 Anda boleh membuka dan menyenggarakan beberapa *Qard FCA* merentas pelbagai matawang asing dengan syarat anda tidak boleh melebihi jumlah maksimum satu (1) akaun untuk setiap matawang asing.
- 2.2 *Qard FCA* adalah tersedia dalam matawang asing yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.3 *Qard FCA* hendaklah dikendalikan oleh Pelanggan dan ditadbir oleh pihak Bank mengikut undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, arahan-arahan yang terpakai mengenai transaksi matawang antarabangsa dan domestik termasuk Dasar Pertukaran Asing (**DAP**) yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia.
- 2.4 Sebelum membuka *Qard FCA* dan apabila diperlukan, pihak Bank mungkin memerlukan Pelanggan untuk memberikan maklumat dan/atau dokumen-dokumen berkaitan yang diperlukan untuk memastikan pematuhan DAP termasuk pengisytiharan berkaitan kemudahan kredit domestik Pelanggan.
- 2.5 Pelanggan dikehendaki mengekalkan akaun semasa atau akaun simpanan ringgit dengan pihak Bank. Pihak Bank boleh mendebitkan yuran dan caj kepada akaun ringgit tersebut.
- 2.6 **Deposit dan penghantaran wang masuk (*inward remittance*)**. Pelanggan boleh mendepositkan ke dalam *Qard FCA* sebarang jumlah matawang yang ditetapkan sehingga jumlah maksimum yang

ditentukan oleh pihak Bank. Semua pemindahan ke dalam *Qard* FCA boleh dibuat dengan cara berikut:

- (a) pemindahan dana daripada akaun lain dalam matawang yang sama atau berbeza yang disenggara dengan pihak Bank;
- (b) menukarkan sebarang jumlah daripada akaun semasa atau akaun simpanan ringgit yang dikekalkan dengan pihak Bank yang kemudiannya pihak Bank akan mengkreditkan matawang asing tersebut ke dalam *Qard* FCA;
- (c) melalui pemindahan telegrafik / SWIFT di mana pemindahan tersebut boleh dilaksanakan terus dari akaun luar negara atau melalui RENTAS; atau
- (d) melalui cek matawang asing atau perintah juruwang (*cashier's order*).

2.7 **Pengeluaran.** Pelanggan boleh mengeluarkan dana-dana daripada *Qard* FCA dengan:

- (a) pemindahan dana daripada akaun lain dalam matawang yang sama atau berbeza yang disenggara dengan pihak Bank;
- (b) menukarkan sebarang jumlah matawang asing kepada ringgit untuk memindahkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan ringgit yang dikekalkan dengan pihak Bank;
- (c) melalui pemindahan telegrafik / SWIFT di mana pemindahan tersebut boleh dilaksanakan terus dari akaun luar negara atau melalui RENTAS; atau
- (d) pembelian instrumen pembayaran kiriman wang asing.

2.8 Semua penukaran matawang akan dilaksanakan pada kadar penukaran semasa pihak Bank. Bagi pemindahan wang yang memerlukan penukaran matawang bersilang, penukaran kepada matawang lain adalah tertakluk kepada penukaran kepada ringgit menggunakan kadar belian matawang semasa pihak Bank terhadap ringgit sebelum menukarkan kepada matawang yang dikehendaki dengan menggunakan kadar jualan matawang semasa pihak Bank.

2.9 Deposit atau pengeluaran wang tunai adalah tidak dibenarkan.

2.10 Tiada buku cek akan dikeluarkan.

2.11 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam transaksi matawang asing termasuk tapi tidak terhad kepada risiko yang disebabkan oleh turun naik dalam kadar pertukaran, implikasi cukai, kawalan modal atau perubahan dalam polisi kerajaan atau sebarang sebab lain di luar kawalan pihak Bank.

### 3. PRINSIP SHARIAH

3.1 **Qard.** Akaun *Qard* adalah berdasarkan prinsip Syariah *Qard* (pinjaman).

- (a) Anda membuat tawaran kepada kami dengan menyerahkan borang permohonan yang lengkap dengan dokumen yang diperlukan. Kami mungkin (mengikut budi bicara kami) menerima dengan membuka Akaun *Qard* untuk anda apabila anda memindahkan atau menandatangani sekurang-kurangnya jumlah deposit minimum yang berkenaan.
- (b) Anda meminjamkan kami jumlah yang dikreditkan ke dalam Akaun *Qard* untuk kegunaan kami sendiri. Anda tidak berhak untuk menerima sebarang dividen atau keuntungan yang kami perolehi daripada penggunaan wang tersebut dalam Akaun *Qard* anda.
- (c) Kami akan membayar balik wang yang dipinjam daripada Akaun *Qard* anda atas permintaan anda.

## D. Terma dan Syarat Khusus yang terpakai untuk Kad Debit / ATM

### 1. DEFINISI

#### Definisi

“Akaun”	:	bermaksud akaun semasa atau simpanan yang disenggara dengan Bank di mana Kad dipautkan.
“ATM”	:	bermaksud suatu mesin juruwang automatik sama ada atau tidak dioperasi oleh pihak Bank.
“Baki Sedia Ada”	:	bermaksud, pada bila-bila masa, jumlah dana dalam Akaun(-Akaun) anda tetapi tidak termasuk cek-cek yang belum ditunaikan dan sebarang jumlah yang ditahankan.
“Nombor Kad”	:	bermaksud 16-digit pada bahagian depan Kad Debit- <i>i</i> .
“Kad”	:	bermaksud Kad Debit- <i>i</i> .
“Kad Debit- <i>i</i> ”	:	bermaksud kad debit yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad bagi tujuan membuat pengeluaran tunai atau membuat bayaran daripada Akaun atau sebarang tujuan lain seperti yang dinyatakan di sini, dan termasuk Kad Debit- <i>i</i> Rafahia dan kad debit yang dikeluarkan di bawah nama jenama yang berasingan dan berbeza selaras dengan inisiatif perbankan digital kami.
“Kad Debit- <i>i</i> Rafahia”	:	bermaksud Kad Debit- <i>i</i> yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad bagi tujuan membuat pengeluaran tunai atau membuat bayaran daripada Akaun atau sebarang tujuan lain seperti yang dinyatakan di sini yang disertakan dengan perlindungan Takaful tambahan selaras dengan dengan terma dan syarat tambahan di <b>Lampiran 3</b> .
“KSA”	:	bermaksud Kerajaan Arab Saudi.
“MyDebit”	:	Bermaksud skim Kad Debit domestik yang membolehkan Pemegang Kad membuat pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan di dalam kedai, kedai dalam talian atau mengeluarkan wang tunai di Pedagang yang Dibenarkan yang mengambil bahagian dengan mendebit terus daripada akaun simpanan / semasa yang dinamakan oleh Pemegang Kad.
“OTP”	:	bermaksud kata laluan/kod laluan satu kali yang dihantar melalui perkhidmatan pesanan ringkas ( <b>SMS</b> ) kepada nombor telefon mudah alih anda yang berdaftar dengan kami.
“Pedagang yang Dibenarkan”	:	bermaksud suatu institusi yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan yang patuh Syariah yang menerima penggunaan Kad Debit- <i>i</i> untuk pembayaran.

“Pemegang Kad”	:	bermaksud Pelanggan atau orang yang kepadanya Kad dikeluarkan.
“Pengenalan Keselamatan”	:	bermaksud Nombor Kad, PIN dan kod pengesahan keselamatan yang terdapat pada bahagian belakang Kad anda, OTP, sebarang kod keselamatan yang dikeluarkan oleh Bank dan sebarang kod keselamatan yang dihasilkan oleh mana-mana peranti keselamatan, aplikasi mudah alih atau melalui kaedah terjamin lain yang dibenarkan oleh Bank.
“Pengendali Transit”	:	Bermaksud Pedagang yang Dibenarkan yang memiliki dan/atau mengendalikan penyediaan pengangkutan penumpang, tol/lebuhraya dan tempat letak kereta kepada orang ramai, sebagai pertukaran dengan bayaran atau caj.
“PIN”	:	bermaksud nombor pengenalan peribadi Pemegang Kad sama ada dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad atau yang dipilih oleh Pemegang Kad.
“ringgit” atau “Ringgit Malaysia”	:	bermaksud matawang sah Malaysia.
“Saudi Riyal” atau “SAR”	:	bermaksud matawang sah KSA.
“Terminal POS”	:	bermaksud terminal tempat jualan.
“Transaksi”	:	bermaksud sebarang transaksi yang dilaksanakan atau kononnya dilaksanakan menerusi penggunaan Kad dan merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran tunai di ATM atau Terminal POS tertentu, pembelian, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai atau cek, penjelasan bil-bil, Transaksi Kad-Tidak-Hadir dan sebarang perkhidmatan perbankan elektronik yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada menerusi ATM, Terminal POS, transaksi internet atau terminal atau saluran yang disediakan kepada Pemegang Kad).
“Transaksi Kad-Hadir”	:	bermaksud transaksi Kad Debit- <i>i</i> yang bukan Transaksi Kad-Tidak-Hadir
“Transaksi Kad-Tidak-Hadir”	:	bermaksud transaksi Kad Debit- <i>i</i> yang dilaksanakan tanpa mengemukakan Kad Debit- <i>i</i> secara fizikal bagi pemeriksaan visual pedagang di tempat jualan. Transaksi Kad-Tidak-Hadir termasuk dan tidak terhad kepada transaksi auto debit, transaksi pesanan mel pesanan telefon dan transaksi dalam talian.

- 2. Tafsiran.** Terma dan Syarat Khusus ini terpakai kepada Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank.
- (a) Terma dan Syarat Khusus ini terpakai kepada kad Debit-*i* / ATM akan mengatasi (*prevail*) sekiranya bercanggah dengan Terma dan Syarat Khusus yang mengawal akaun Pelanggan atau Pemegang Kad dengan Bank.
- (b) berkenaan dengan Kad Debit-*i* Rafahia, terma-terma dalam **Lampiran 3** akan mengatasi (*prevail*) sekiranya bercanggah dengan Terma dan Syarat Khusus ini.

### 3. PRINSIP SHARIAH

- 3.1 **Ujrah.** Kad Debit-*i* dikeluarkan sebagai instrumen pembayaran, di mana pihak Bank akan membolehkan Pemegang Kad untuk mengakses rangkaian pembayaran yang ditetapkan dan menggunakan perkhidmatannya, selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai. Kami berhak untuk mengenakan anda *ujrah* (yuran) sebagai pertukaran untuk perkhidmatan dan faedah yang berkaitan dengan Kad Debit-*i* yang tersedia untuk anda yang dinyatakan dalam terma dan syarat yang berkenaan.

### 4. MEMASTIKAN KAD ANDA SELAMAT

- 4.1 **Laksanakan langkah berjaga-jaga yang munasabah.** Anda harus menganggap Kad anda seperti tunai dalam dompet. Sekiranya ia hilang atau dicuri, anda mungkin kehilangan sebahagian atau semua wang dalam Akaun anda, dengan cara yang sama seperti anda kehilangan wang tunai. Oleh sedemikian, anda mesti melaksanakan semua langkah penjagaan dan keselamatan yang munasabah berhubung dengan penggunaan Kad anda. Kami mungkin dari semasa ke semasa menukar keperluan dan prosedur keselamatan saluran perbankan kami bagi mengakses Akaun anda termasuk penggunaan Kad. Anda mesti mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh kami mengenai Kad anda. Anda tidak akan dapat menggunakan Kad anda jika anda tidak mematuhi keperluan dan prosedur keselamatan terkini.

#### 4.2 Tanggungjawab keselamatan. Anda mesti:

- (a) melaksanakan semua langkah penjagaan dan keselamatan yang munasabah bagi mengelakkan kehilangan, kecurian, pendedahan tidak disengajakan Kad atau Pengenalan Keselamatan anda;
- (b) melaksanakan semua langkah penjagaan dan keselamatan yang munasabah bagi mengelakkan penipuan atau penggunaan tanpa kebenaran atau akses kepada, Kad anda;
- (c) tidak menggunakan Kad apabila anda mengesyaki atau menyedari bahawa Kad atau Pengenalan Keselamatan telah hilang (walaupun ia ditemui kemudiannya), dicuri (walaupun ia ditemui kemudiannya), dilanggar (*breached*) atau dikompromi atau orang lain mengetahui Pengenalan Keselamatan;
- (d) memastikan bahawa jumlah Transaksi adalah betul sebelum menandatangani sebarang baucar atau rekod Transaksi dan sebelum memasukkan PIN Pemegang Kad di sebarang Terminal POS yang memerlukan kemasukan PIN Pemegang Kad; dengan menandatangani baucar atau rekod Transaksi atau memasukkan PIN Pemegang Kad atau sebaliknya menggunakan Kad Pemegang Kad di sebarang Terminal POS, Pemegang Kad dianggap telah bersetuju dengan Transaksi tersebut dan mengesahkan jumlah itu adalah betul;
- (e) memeriksa dan mengesahkan setiap dan semua Transaksi yang disenaraikan dalam penyata bank Akaun anda bagi memastikan sama ada terdapat sebarang kesilapan, ketidakteraturan, Transaksi yang tidak dibenarkan atau penipuan;
- (f) mengambil langkah berjaga-jaga bagi mencegah pelanggaran keselamatan seperti, tetapi tidak terhad kepada:
  - (i) tidak menggunakan sebagai PIN sebarang nombor yang mudah diteka seperti tarikh lahir, nombor telefon, nombor pasport, nombor kad pengenalan, butiran lesen memandu, nombor yang berulang atau berturutan dalam tertib pengiraan (cth. 111111, 112233 or 123456) atau sebarang nombor yang dikaitkan dengan nombor Akaun;
  - (ii) memastikan Pengenalan Keselamatan anda selamat dan tidak mendedahkannya kepada sesiapa (termasuk kakitangan Bank) dalam sebarang situasi dan tidak menyimpan rekod bertulis mengenai Pengenalan Keselamatan;
  - (iii) tidak membenarkan mana-mana orang untuk melihat PIN anda apabila ia dimasukkan dalam peranti elektronik;
  - (iv) mengekalkan Kad anda di bawah kawalan peribadi pada setiap masa dan tidak membenarkan mana-mana orang lain menggunakan atau mempunyai akses terhadap Kad anda;
  - (v) tidak membuat rekod bertulis mengenai Pengenalan Keselamatan;

- (vi) melupuskan dengan selamat mana-mana resit atau dokumen yang dikeluarkan oleh Bank mengenai Pengenalan Keselamatan anda;
- (vii) memastikan Kad tersebut dipulangkan kepada anda selepas penyempurnaan sebarang Transaksi di Pedagang yang Dibenarkan atau di ATM;
- (viii) memusnahkan dengan selamat sebarang Kad yang telah tamat tempoh, ditamatkan, dibatalkan atau diganti; dan
- (ix) mengambil semua langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan dan menghalang sebarang penggunaan Pengenalan Keselamatan anda yang tidak dibenarkan atau penipuan pada setiap masa dan bagi memastikan telefon mudah alih anda yang menerima OTP atau Pengenalan Keselamatan yang berkaitan selamat apabila anda melakukan sebarang Transaksi Kad- Tidak-Hadir.

**4.3 Laporan dengan segera.** Anda mesti memaklumkan pihak Bank dengan segera apabila anda:

- (a) mengesyaki atau menyedari sebarang transaksi yang mencurigakan atau tidak dibenarkan atau penggunaan tanpa kebenaran berkenaan dengan Kad;
- (b) mengesyaki atau menyedari sebarang aktiviti-aktiviti penipuan atau menyalahi undang-undang berkenaan dengan Kad;
- (c) mengesyaki atau menyedari sebarang Kad dan/atau Pengenalan Keselamatan anda telah hilang, dicuri, dilanggar (*breached*) atau dikompromi atau orang lain mengetahui Pengenalan Keselamatan;
- (d) menerima makluman SMS mengenai transaksi yang tidak dibenarkan;
- (e) menemui sebarang kesilapan, ketidakteraturan, Transaksi yang tidak dibenarkan atau penipuan dalam penyata bank Akaun anda.

**4.4 Pembelian dalam talian.** Apabila Pemegang Kad menggunakan Kad Debit-*i* untuk melakukan Transaksi dalam talian atau pembelian melalui aplikasi mudah alih, Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan Kad dan Transaksinya pada setiap masa. Anda mesti berwaspada apabila menggunakan Kad untuk Transaksi dalam talian atau pembelian aplikasi mudah alih. Banyak laman web beli-belah dalam talian dan aplikasi beli-belah mudah alih menawarkan kemudahan untuk menyimpan butiran Kad anda dalam talian untuk kemudahan. Anda dikehendaki mempertimbangkan risiko yang terlibat apabila anda diminta untuk menyimpan butiran Kad anda pada platform-platform tersebut. Butiran Kad anda mungkin berada dalam risiko sekiranya laman web atau aplikasi mudah alih tersebut digodam atau dilanggar.

**4.5 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang dialami oleh anda akibat daripada Transaksi yang tidak dibenarkan yang berpunca daripada anda tidak mematuhi langkah keselamatan yang dinasihatkan oleh pihak Bank atau kelewatan anda yang tidak munasabah dalam memaklumkan Bank mengenai kehilangan, kecurian, kecuaiian dalam pendedahan sebarang Pengenalan Keselamatan.**

**4.6 Langkah dan petua keselamatan.** Kami mungkin memberikan panduan tentang cara anda boleh memastikan akses kepada akaun, produk atau perkhidmatan anda selamat tetapi panduan ini tidak boleh dianggap sebagai menyeluruh bagi semua langkah berjaga-jaga yang munasabah yang perlu diambil oleh anda.

**4.7 Laporan polis.** Berhubung dengan sebarang Transaksi tanpa kebenaran atau penipuan, pihak Bank mungkin memerlukan Pemegang Kad untuk memberikan kepada Bank laporan polis dalam tempoh yang munasabah dari tarikh kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan Pengenalan Keselamatan kepada pihak ketiga. Pemegang Kad juga dikehendaki memberikan maklumat yang berkenaan dan bantuan yang munasabah seperti yang diperlukan oleh Bank dalam sebarang penyiasatan mengenai kejadian itu.

## 5. PERMOHONAN UNTUK KAD

- 5.1 Sekiranya anda seorang individu di atas 18 tahun atau pemilik tunggal, anda boleh memohon Kad pada masa anda memohon Akaun. Anda juga boleh memohon Kad termasuk penggantian atau pembaharuan selepas pembukaan Akaun. Pengeluaran Kad adalah mengikut budi bicara Bank.
- 5.2 Sekiranya anda memohon untuk Kad Debit-*i*, anda mesti menyenggara Akaun ringgit dengan pihak Bank bagi tujuan memautkannya kepada Kad Debit-*i*.
- 5.3 Pihak Bank mungkin akan membenarkan Kad Debit-*i* dikeluarkan kepada kanak-kanak berhubung dengan akaun Kanak-kanak Di Bawah Umur / Amanah setelah memenuhi kriteria kelayakan pihak Bank. Penjaga sah, ibu bapa atau pemegang amanah sebagai Pelanggan akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada pihak Bank untuk penggunaan Kad Debit-*i* oleh kanak-kanak tersebut.
- 5.4 Anda hanya boleh menggunakan Kad anda selagi Kad anda masih sah (sila rujuk tempoh sah yang dicetak pada Kad anda atau yang dipaparkan dalam aplikasi mudah alih) dan Akaun belum ditutup atau digantung. Apabila Akaun telah ditutup, anda tidak boleh lagi menggunakan Kad anda.
- 5.5 Semua Transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad dan sebarang yuran lain yang dipersetujui akan didebitkan daripada Akaun. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada anda sekiranya Akaun anda tidak mempunyai dana atau dana tidak mencukupi berikutan pendebitan tersebut. Anda mesti memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun anda. Semua Transaksi tersebut akan disenaraikan dalam penyata Akaun yang disediakan menurut Terma dan Syarat Am.
- 5.6 Kesemua Kad kekal menjadi hakmilik pihak Bank dan perlu diserahkan oleh anda atas permintaan kami, apabila Akaun ditukar atau ditutup, dan dikembalikan kepada Bank apabila anda meninggal dunia.
- 5.7 Pihak Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya mengeluarkan Kad kepada pemegang akaun bersama bagi Akaun bersama dengan syarat bahawa syarat untuk mengendalikan Akaun bersama adalah untuk ditandatangani oleh mana-mana satu. Pelanggan kepada Akaun bersama yang telah tidak lagi mempunyai kuasa bersama hendaklah berhenti menggunakan Kad tersebut dan menyerahkan Kad tersebut kepada Bank dengan segera. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, guaman, prosiding, tuntutan, kerugian, kos, kerosakan dan sebarang perbelanjaan yang mungkin ditanggung berkaitan dengan penggunaan berterusan Kad oleh Pemegang Kad tersebut dan bagi sebarang kerugian yang disebabkan oleh mana-mana orang.
- 5.8 Pemegang Kad bersetuju bahawa PIN adalah sebagai satu cara untuk mengesahkan arahan dan identiti anda kepada pihak Bank bagi tujuan Transaksi Kad Debit-*i* dan Transaksi ATM dan permohonan anda bagi sebarang akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak Bank. Anda memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menerima, mengikuti dan bertindak atas semua arahan anda yang telah disahkan oleh PIN anda (termasuk permohonan untuk membuka akaun-akaun, produk-produk atau perkhidmatan). Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kerana menerima, mengikuti dan bertindak atas arahan sedemikian dengan niat yang baik. Arahan Pemegang Kad adalah dianggap tidak boleh ditarik balik dan mengikat Pemegang Kad apabila pihak Bank menerimanya.

## 6. PENGELUARAN, PEMBAHARUAN DAN PENGGANTIAN KAD

- 6.1 **Pengaktifan.** Setelah menerima Kad baharu anda, anda dikehendaki untuk:-
  - (a) menandatangani bahagian belakang Kad dengan segera melainkan sebaliknya tidak diperlukan oleh Bank; dan
  - (b) mengikut arahan yang diberikan kepada anda bagi mengaktifkan Kad tersebut dan bagi menyediakan PIN anda.
- 6.2 **Kad ditahan pada ATM.** Sebarang Kad yang ditahan pada ATM atau kemudahan-kemudahan automatik yang terletak:
  - (a) di dalam premis Bank dan tidak dikutip selepas 2 Hari Perniagaan dari tarikh penahanan; atau
  - (b) di luar premis Bank,

mungkin akan dimusnahkan. Yuran pengeluaran untuk Kad baru akan dikenakan sekiranya anda kemudiannya memohon bagi Kad baru.

### 6.3 Penggantian dan caj

- (a) Anda boleh memohon Kad baru bagi menggantikan yang sedia ada (i) apabila tempohnya tamat, (ii) yang hilang atau dicuri, (iii) yang telah cacat atau rosak, (iv) jika anda tidak mengingati PIN atau (v) yang telah digunakan dalam penipuan, dengan yuran yang dinyatakan dalam Yuran dan Caj pihak Bank di laman webnya. Pelanggan akan menanggung kos penggantian.
- (b) Anda boleh mendapatkan Kad ganti di mana-mana cawangan pihak Bank. Setelah pengaktifan Kad ganti dan PIN, anda mesti memusnahkan Kad sedia ada yang ada bersama anda. (Untuk penggantian Kad yang dipohon melalui Saluran Digital, sila rujuk kepada seksyen Saluran Digital untuk kaedah penggantian.)

## 7. PENGGUNAAN KAD DEBIT-*i* DAN PERKHIDMATAN SEDIA ADA

- 7.1 Kad Debit-*i* adalah kad ATM dan instrumen pembayaran. Ia boleh digunakan untuk membuat pembayaran kepada Pedagang yang Dibenarkan untuk barang-barang dan perkhidmatan, untuk melaksanakan pengeluaran tunai di Terminal POS tertentu, untuk melaksanakan Transaksi ATM pada ATM, atau untuk sebarang transaksi lain seperti yang kami maklumkan dari semasa ke semasa. Semua Transaksi yang dibuat akan didebitkan daripada Akaun anda (atau dikreditkan ke Akaun anda sekiranya berlaku sebarang pembalikan), walaupun pendebitan sedemikian mungkin mengakibatkan Akaun melebihi had (*overdrawn*). Jika Akaun anda melebihi had (*overdrawn*), anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk memulakan proses pemulihan hutang untuk mendapatkan semula jumlah yang terlebih keluar.
- 7.2 Kad Debit-*i* tidak boleh dipindahmilik dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad sebagai individu yang dikeluarkan kepadanya sahaja. Sekiranya Pemegang Kad membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad tersebut dengan melanggar Terma dan Syarat Khusus ini, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas semua jumlah yang ditanggung oleh pihak ketiga tersebut menggunakan Kad dan jumlah tersebut akan didebitkan ke Akaun.
- 7.3 Kad Debit-*i* hanya boleh digunakan semasa tempoh sah (sila rujuk tempoh sah yang dicetak pada Kad Debit-*i* anda atau yang dipaparkan dalam aplikasi mudah alih). Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit-*i* setelah ia digantikan atau dibatalkan.
- 7.4 Anda tidak boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk atau berhubungkait dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau aktiviti atau tujuan yang tidak patuh Syariah (perjudian dalam talian tanpa had). Anda hanya boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk pembayaran kepada Pedagang yang Dibenarkan. Sekiranya anda menggunakan Kad Debit-*i* untuk aktiviti atau tujuan yang dilarang, kami mungkin menolak Transaksi-Transaksi yang terjejas di Terminal POS dan menggantung dan/atau menamatkan penggunaan Kad Debit-*i* dengan serta-merta, tanpa sebarang liabiliti kepada anda.
- 7.5 Pihak Bank boleh menolak untuk meluluskan Transaksi anda yang dibuat menggunakan Kad Debit-*i* selaras dengan Terma dan Syarat Am.
- 7.6 Kami boleh membatalkan Kad Debit-*i* yang belum digunakan untuk melaksanakan pengeluaran atau pembayaran dalam tempoh masa yang ditentukan oleh kami. Yuran pengeluaran akan dikenakan untuk Kad Debit-*i* sekiranya anda kemudiannya memohon untuk Kad Debit-*i* dan yuran tersebut akan didebitkan ke Akaun.
- 7.7 Penggunaan Kad Debit-*i* oleh anda adalah tertakluk pada baki minimum akaun yang perlu dikekalkan oleh Pelanggan pada setiap masa dalam Akaun.
- 7.8 Penggunaan Kad Debit-*i* anda untuk pembayaran dan Transaksi ATM mungkin terhad kepada Pedagang yang Dibenarkan atau rangkaian ATM yang menerima Kad Debit-*i*.
- 7.9 **Berurus niaga di ATM**
  - (a) Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk pengeluaran tunai di mana-mana ATM

Bank yang ditetapkan dan ATM bank lain yang mengambil bahagian dalam rangkaian antara bank yang dikongsi sama.

- (b) Anda dikehendaki:
  - (i) Memasukkan PIN anda untuk mengesahkan identiti anda; dan
  - (ii) memeriksa semua Transaksi debit atau kredit setelah menggunakan kemudahan-kemudahan automatik. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kepincangan, anda mesti menghubungi pihak Bank dengan segera. Selain daripada kesilapan atau kepincangan yang telah anda laporkan kepada pihak Bank dengan segera, anda akan dianggap telah mengesahkan bahawa jumlah Transaksi adalah betul.
- (c) Semua Transaksi ATM (yang disahkan melalui PIN) akan dianggap telah dibuat oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas semua caj dan pengeluaran apa jua yang timbul daripada semua Transaksi ATM.
- (d) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan akibat daripada kecacatan mekanikal yang disebabkan secara terus atau tidak terus atau apa-apa keadaan di luar kawalan Bank.
- (e) Pada masa ini, ATM dan kemudahan automatik lain tidak mesra pengguna untuk cetakan oleh orang kurang upaya atau cacat penglihatan. Orang tersebut mungkin tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut sepenuhnya atau sama sekali dan harus menggunakan perkhidmatan di kaunter. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang pengehadan perkhidmatan di kemudahan-kemudahan automatik tersebut kepada golongan tersebut.
- (f) Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan sekiranya PIN salah dimasukkan oleh Pemegang Kad semasa menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di ATM atau di Pedegang yang Dibenarkan.

#### 7.10 Had atas Transaksi-Transaksi ATM

- (a) **Had pengeluaran tunai.** Semua pengeluaran tunai adalah tertakluk kepada had pengeluaran tunai harian RM5,000 atau jumlah lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan boleh dikurangkan oleh anda dengan memberi arahan melalui saluran yang disediakan oleh pihak Bank;
- (b) **Had pemindahan.** Semua Transaksi-Transaksi pemindahan dana dari ATM adalah tertakluk kepada had pemindahan harian RM30,000 atau jumlah lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan boleh dikurangkan oleh anda dengan memberi arahan melalui saluran yang disediakan oleh pihak Bank;
- (c) **Caj Transaksi.** Caj yang dinyatakan dalam Yuran dan Caj Bank di laman web Bank akan dikenakan; dan
- (d) **Kecukupan dana.** Baki Sedia Ada dalam Akaun mesti mencukupi bagi menampung kedua-dua jumlah yang akan dikeluarkan dan caj.

#### 7.11 Pembayaran di Terminal POS terminal Pedegang yang Dibenarkan. Anda boleh membuat bayaran dengan Kad Debit-*i* untuk pembelian di Terminal POS dengan syarat-syarat berikut:

- (a) **Had jumlah dan caj.** Pembayaran akan dibenarkan sekiranya:
  - (i) ia adalah dalam had yang ditetapkan oleh Bank yang boleh anda tambahkan atau kurangkan sehingga had yang ditentukan seperti yang dinyatakan di laman web Bank di <https://www.alrajhibank.com.my/> dengan memberikan arahan melalui saluran yang disediakan oleh Bank;
  - (ii) anda membayar caj dan yuran yang dinyatakan di Yuran dan Caj Bank, dalam laman web Bank, yang terpakai kepada pembayaran tersebut, yang akan ditolak daripada Akaun; dan
  - (iii) Akaun anda mempunyai dana mencukupi untuk menampung jumlah yang akan dibayar dan caj.
- (b) **Prosedur.** Kami mungkin mengubah prosedur untuk meningkatkan keselamatan dan penggunaan teknologi. Pada masa ini:

- (i) anda mesti memasukkan PIN anda apabila diminta berbuat demikian bagi menyempurnakan pembelian atau Transaksi tersebut mungkin ditolak;
  - (ii) anda mungkin tidak dikehendaki memasukkan PIN bagi Transaksi-Transaksi yang dilakukan di luar negara di mana tandatangan anda diperlukan;
  - (iii) anda boleh menggunakan fungsi “wave” tanpa sentuh Kad Debit-*i* dengan melambatkan Kad Debit-*i* di Terminal POS Pedagang yang Dibenarkan tanpa PIN untuk transaksi runcit yang dilakukan di dalam negeri sehingga RM250 atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Visa dan/atau Bank;
  - (iv) Pedagang yang Dibenarkan boleh menyemak bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun dengan menghantar satu permintaan kebenaran kepada Bank; dan
  - (v) apabila menggunakan Kad Debit-*i* pada Pedagang yang Dibenarkan di Malaysia, Pedagang yang Dibenarkan boleh memilih dan memproses pembayaran dengan menggunakan MyDebit atau Visa.
- (c) **Bank mungkin memegang jumlah dalam Akaun untuk Transaksi pra-kebenaran tertentu.** Pedagang yang Dibenarkan tertentu boleh meminta pra-kebenaran Transaksi Kad Debit-*i*. Pra-kebenaran bukan caj dan tiada dana akan didebitkan daripada Akaun, tetapi baki Akaun dikurangkan buat sementara waktu dengan jumlah pra-kebenaran. Bagi Transaksi- Transaksi pra-kebenaran berikut, amaun dalam baki Akaun boleh dipegang sehingga Transaksi tersebut disempurnakan:
- (a) untuk Transaksi-Transaksi petrol di Malaysia: pembelian Dispenser Bahan Api Automatik (AFD), RM200 akan ditahan daripada Akaun anda dan jumlah pra-kebenaran akan dilepaskan secara automatik tiga (3) Hari Perniagaan selepas tarikh Transaksi.
  - (b) bagi Transaksi bukan AFD, jumlah pra-kebenaran adalah jumlah Transaksi yang akan ditahan daripada Akaun anda dan jumlah pra-kebenaran akan dikeluarkan secara automatik tujuh (7) Hari Perniagaan selepas tarikh Transaksi.
- (d) **Pembayaran tanpa sentuh dengan Kad Debit-*i*.** Kad Debit-*i* dikonfigurasi bagi melaksanakan pembayaran tanpa sentuh secara automatik. Anda boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk membuat pembayaran tanpa sentuh tanpa PIN (atau tandatangan) di bawah Visa payWave or MyDebit Contactless bagi Transaksi sehingga RM250. Sebelum membuat pembayaran tanpa sentuh pertama, anda mesti memastikan bahawa anda telah menggunakan PIN anda dengan membuat sekurang-kurangnya satu Transaksi. Anda juga boleh:
- (i) meminta untuk melumpuhkan (mematikan) fungsi tanpa sentuh melalui saluran yang disediakan oleh Bank; atau
  - (ii) menetapkan had transaksi kumulatif yang lebih rendah untuk Transaksi tanpa sentuh dalam gandaan keseluruhan RM50 hingga RM250.
- Anda mesti menggunakan PIN atau tandatangan untuk pembayaran melebihi RM250.
- (e) **Operator Transit.** Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara jumlah yang dicaj kepada Pemegang Kad dan jumlah sebenar yang dikenakan oleh Operator Transit, anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk membuat pelarasan yang perlu kepada Transaksi dengan cara berikut:
- (i) **Jika anda terkurang caj.** Apabila jumlah sebenar adalah lebih daripada jumlah yang dikenakan, anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk mendebit jumlah yang betul daripada Akaun anda apabila menerima permintaan daripada Operator Transit.
  - (ii) **Jika anda terlebih caj.** Apabila jumlah sebenar adalah kurang daripada jumlah yang dikenakan, anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk mengkredit sebarang bayaran balik yang diterima daripada Operator Transit ke dalam Akaun anda.
  - (iii) **Jumlah tidak dibayar kerana kekurangan dana.** Anda mengakui bahawa Operator Transit boleh memulakan proses pemulihan hutang untuk mendapatkan semula sebarang jumlah yang tidak dibayar. Anda bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk mendebit jumlah yang betul daripada Akaun anda apabila menerima sebarang permintaan daripada Operator Transit.

7.12 **Pengeluaran Tunai di Terminal POS Pedagang yang Dibenarkan di Malaysia.** Kad Debit-*i* dikonfigurasi untuk melaksanakan pengeluaran tunai di Terminal POS Pedagang yang Dibenarkan di Malaysia. Anda boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk melaksanakan pengeluaran tunai di Terminal POS tertentu dengan syarat:

- (a) **Had jumlah dan caj.** Pengeluaran tunai akan dibenarkan sekiranya:
  - (i) ia adalah dalam had yang ditetapkan oleh Bank yang boleh anda tambahkan atau kurangkan sehingga had yang ditentukan seperti yang dinyatakan di laman web Bank di <https://www.alrajhibank.com.my/> dengan memberikan arahan melalui saluran yang disediakan oleh Bank;
  - (ii) anda membayar caj dan yuran yang dinyatakan di Yuran dan Caj Bank, dalam laman web Bank, yang terpakai kepada pembayaran tersebut, yang akan ditolak daripada Akaun; dan
  - (iii) Akaun anda mempunyai dana mencukupi untuk menampung jumlah yang akan dikeluarkan dan caj.
- (b) **Prosedur.** Kami mungkin mengubah prosedur bagi meningkatkan keselamatan dan penggunaan teknologi. Pada masa ini:
  - (i) pengeluaran tunai hanya boleh dilaksanakan di Pedagang yang Dibenarkan tertentu;
  - (ii) pengeluaran tunai hanya boleh dilaksanakan apabila pembelian dibuat dengan menggunakan Kad Debit-*i*;
  - (iii) anda mesti memasukkan PIN anda apabila diminta berbuat demikian bagi menyempurnakan pembelian dan pengeluaran tunai atau Transaksi tersebut mungkin ditolak;
  - (iv) anda tidak dapat menggunakan fungsi gelombang tanpa sentuh pada Kad Debit-*i* apabila anda telah membuat pengeluaran tunai di Terminal POS; dan
  - (v) Pedagang yang Dibenarkan mungkin tidak dapat menyokong permintaan pengeluaran tunai sekiranya Pedagang yang Dibenarkan tidak memegang tunai yang mencukupi.

7.13 **Transaksi Kad-Tidak-Hadir.** Kad Debit-*i* tidak dikonfigurasi untuk menyokong Transaksi Kad-Tidak-Hadir secara automatik kecuali untuk transaksi Kad-Tidak-Hadir tersebut di mana pihak Bank dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan yang berkenaan untuk dikonfigurasi secara automatik. Anda mesti mengarahkan kami untuk memilih masuk (*opt-in*) dan mengaktifkan ciri ini melalui saluran yang disediakan oleh Bank. Anda memahami bahawa terdapat risiko yang terlibat apabila melaksanakan Transaksi Kad-Tidak-Hadir. Apabila anda telah mengaktifkan ciri ini, anda sentiasa boleh menyahaktifkan kemudiannya dengan mengarahkan kami untuk menyahaktifkan ciri ini melalui saluran yang disediakan oleh Bank. Sekiranya anda ingin menggunakan Kad Debit-*i* untuk pembayaran berkenaan dengan Transaksi-Transaksi dalam talian atau pembelian melalui aplikasi mudah alih, anda biasanya dikehendaki memasukkan OTP atau Pengenalan Keselematan yang berkaitan yang diterima bagi melengkapkan pembayaran bagi Transaksi dalam talian. Pemegang Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad Debit-*i* dan Pengenalan Keselamatan di tapak internet atau aplikasi mudah alih untuk pembelian yang dikatakan akan menjadi bukti yang mencukupi tentang kesahihan Transaksi. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan identiti atau kuasa orang yang memasukkan maklumat Kad Debit-*i* dan Pengenalan Keselamatan. Anda memahami bahawa anda tidak boleh melumpuhkan ciri Kad-Tidak-Hadir yang berkaitan dengan transaksi Kad-Tidak-Hadir yang mana pihak Bank dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk membolehkan secara kekal secara automatik.

7.14 **Bank tidak terlibat dalam sebarang pertikaian dengan Pedagang yang Dibenarkan**

- (a) Pihak Bank bukan pihak kepada mana-mana Transaksi antara anda dan Pedagang yang Dibenarkan, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan atau peninggalan mana-mana dan Pedagang yang Dibenarkan termasuk sebarang keengganan untuk menghormati Kad Debit-*i*, atau sebarang kecacatan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan dibekalkan kepada anda.
- (b) Anda mesti menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap sebarang dan Pedagang yang Dibenarkan secara langsung dan anda bersetuju untuk tidak melibatkan kami dalam sebarang tuntutan, pertikaian atau prosiding undang-undang sedemikian.
- (c) Walaupun anda mempunyai pertikaian dengan Pedagang yang Dibenarkan, anda masih perlu

membayar jumlah yang ditanggung akibat penggunaan Kad Debit-*i* dan kami akan mendebitkannya daripada Akaun. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang bayaran yang dihantar kepada Pedagang yang Dibenarkan walau apa pun sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang anda mungkin ada terhadap Pedagang yang Dibenarkan itu.

7.15 **Auto debit.** Sekiranya anda membenarkan Pedagang yang Dibenarkan untuk melaksanakan pembayaran berulang atau auto debit melalui Kad Debit-*i*, pihak Bank berhak untuk bertindak atas arahan tersebut tanpa merujuk lebih lanjut kepada anda. Pembayaran hanya akan dibuat skiranya terdapat Baki Sedia Ada yang mencukupi dalam Akaun. Pihak Bank tidak menjamin pembayaran automatik akan dibuat tepat pada masanya. Pihak Bank boleh menolak pembayaran mengikut budi bicara Bank melalui notis bertulis kepada anda. Sekiranya Kad Debit-*i* anda digantikan atas sebarang sebab, anda bertanggungjawab untuk memaklumi/mengemaskini semua Pedagang yang Dibenarkan yang anda langgani untuk transaksi auto debit nombor Kad Debit-*i* baru bagi mengelakkan transaksi ditolak. Tiada pembayaran akan dilaksanakan sekiranya penggunaan Kad Debit-*i* oleh Pemegang Kad ditamatkan atau digantung bagi apa sebab sekalipun atau apabila Kad Debit-*i* yang telah tamat tempoh tidak diperbaharui. Pemegang Kad akan kekal bertanggungjawab (bukan pihak Bank) untuk membayar Pedagang yang Dibenarkan. Sekiranya tiada pembayaran yang dibuat oleh pihak Bank, Pemegang Kad dikehendaki menyelesaikan dan melaksanakan pembayaran dengan Pedagang yang Dibenarkan secara langsung. Pemegang Kad bersetuju dan memberi kuasa secara nyata kepada pihak Bank untuk berkomunikasi dengan Pedagang yang Dibenarkan mengenai sebarang pembayaran automatik yang tidak berjaya.

#### 7.16 **Transaksi-Transaksi di luar negara atau Transaksi-Transaksi matawang asing**

- (a) **Kad Debit-*i* boleh digunakan di luar Malaysia.** Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit-*i* secara fizikal di luar Malaysia (tetapi hanya di negara-negara yang boleh diterima oleh kami) dengan Pedagang yang Dibenarkan dan di ATM. Berkenaan dengan Transaksi di luar negara di mana Pemegang Kad hadir secara fizikal di tempat jualan, Pemegang Kad mungkin dikehendaki memasukkan PIN atau memberikan tandatangannya bergantung pada negara di mana Transaksi tertentu dibuat. Pemegang Kad dikehendaki memaklumkan pihak Bank terlebih dahulu mengenai niatnya untuk menggunakan Kad bagi Transaksi di luar negara. Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk melaksanakan pembayaran rentas sempadan (seperti pembelian talian) kepada Pedagang yang Dibenarkan yang terletak di luar Malaysia (tetapi hanya di negara-negara yang boleh diterima oleh kami).
- (b) **Memilih masuk (*opt-in*) bagi Transaksi-Transaksi di luar negara.** Kad Debit-*i* tidak dikonfigurasi untuk melaksanakan Transaksi di luar negara secara automatik. Anda mesti mengarahkan kami untuk memilih masuk (*opt-in*) dan mengaktifkan ciri ini melalui saluran yang disediakan oleh Bank. Anda memahami bahawa terdapat risiko yang terlibat apabila melaksanakan Transaksi di luar negara. Apabila anda telah mengaktifkan ciri ini, anda sentiasa boleh menyahaktifkan kemudiannya dengan mengarahkan kami untuk menyahaktifkan ciri ini melalui saluran yang disediakan oleh Bank.
- (c) **Pertukaran matawang.** Sekiranya anda menggunakan Kad Debit-*i* untuk melaksanakan Transaksi dalam matawang selain daripada ringgit, jumlah Transaksi tersebut hanya akan didebitkan ke Akaun selepas pertukaran kepada ringgit pada kadar pertukaran dan pada masa yang ditentukan oleh Visa. Anda juga akan dikenakan kos pertukaran matawang asing sebanyak 2.75% oleh Bank dan juga sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa.
- (d) **Anda mesti mematuhi keperluan Dasar Pertukaran Asing.** Anda hanya boleh menggunakan Kad Debit-*i* untuk Transaksi-Transaksi di luar negara dengan mematuhi dasar pertukaran asing yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia yang terpakai kepada anda dan Transaksi tersebut. Semua Transaksi-Transaksi di luar negara adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada di negara tempat Transaksi bermula.

## 8. **KESAHIHAN TRANSAKSI-TRANSAKSI**

8.1 **Pemegang Kad bertanggungjawab bagi semua Transaksi-Transaksi.** Anda akan bertanggungjawab kepada Bank bagi semua Transaksi-Transaksi (termasuk yuran dan caj yang berkaitan) yang dilaksanakan menggunakan Kad. Sekiranya Kad telah disalahgunakan, hilang atau dicuri atau Pengenaln Keselamatan telah dilanggar dan Kad digunakan untuk melaksanakan Transaksi tanpa kebenaran, Pemegang Kad dikehendaki bertanggungjawab ke atas semua Transaksi tanpa kebenaran sehingga tarikh dan masa penerimaan oleh Bank bagi notifikasi daripada Pemegang Kad.

Dengan menandatangani baucar atau memasuki PIN di mana-mana Terminal POS atau ATM atau sebaliknya menggunakan Kad di mana-mana Terminal POS atau ATM, atau (berkenaan dengan mana-mana Transaksi Kad-Tidak-Hadir) dengan memberikan Pengenalan Keselamatan anda, anda dianggap telah bersetuju dengan Transaksi dan mengesahkan bahawa jumlah Transaksi adalah betul. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa jumlah Transaksi adalah betul.

8.2 **Beban membuktikan Transaksi-Transaksi yang tidak dibenarkan.** Sekiranya anda mempertikaikan sebarang Transaksi Kad-hadir yang (i) memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan, atau (ii) digunakan secara tanpa sentuh, anda masih akan bertanggungjawab atas Transaksi yang dipertikaikan sekiranya kami membuktikan bahawa Pemegang Kad tersebut telah:

- (a) bertindak secara menipu;
- (b) berlengah untuk memaklumkan pihak Bank secepat mungkin selepas menyedari tentang kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
- (c) meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat atau dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Pemegang Kad;
- (d) membenarkan orang lain menggunakan Kad atau Nombor Kad secara sukarela; atau
- (e) mencatatkan PIN anda pada Kad, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran Kad anda.

8.3 **Rekod Bank mengenai Transaksi-Transaksi mengikat.** Pihak Bank berhak untuk menganggap rekod Bank mengenai sebarang Transaksi yang dilaksanakan dengan penggunaan Kad sebagai bukti muktamad dan mengikat bahawa Transaksi tersebut dilaksanakan dengan betul oleh Pemegang Kad. Pihak Bank juga berhak untuk menganggap sebarang resit Transaksi dengan tandatangan Pemegang Kad atau (berkenaan dengan Transaksi bukan berasaskan tandatangan) sebarang Transaksi yang dikenalpasti oleh PIN Pemegang Kad atau sebarang Transaksi yang disahkan secara elektronik oleh Pemegang Kad tanpa tandatangan Pemegang Kad sebagai bukti muktamad dan mengikat bahawa Transaksi dilaksanakan dengan betul oleh Pemegang Kad.

8.4 Sekiranya Pemegang Kad telah mengenalpasti Transaksi Kad yang tidak berjaya di mana Akaun telah didebitkan, pihak Bank akan menjalankan siasatan dan akan melakukan pembalikan dalam masa yang munasabah.

8.5 Sekiranya Pemegang Kad tidak berpuas hati dengan penyiasatan dan keputusan Bank berhubung dengan transaksi yang tidak dibenarkan, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian itu kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk penyelesaian pertikaian tersebut.

8.6 **Kredit sementara.** Jika pihak Bank dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan untuk membuat kredit sementara kepada akaun Pemegang Kad sementara menunggu kesimpulan untuk sebarang penyiasatan atau penyelesaian Transaksi yang dipertikaikan, pihak Bank akan membuat peruntukan kredit tersebut atas dasar Pemegang Kad perlu membayar balik secara penuh peruntukan kredit tersebut jika Pemegang Kad didapati bertanggungjawab sepenuhnya atas Transaksi yang dipertikaikan (atau membayar balik sebahagian peruntukan kredit jika Pemegang Kad didapati bertanggungjawab sebahagiannya atas Transaksi yang dipertikaikan). Pihak Bank berhak untuk mendebit mana-mana akaun Pemegang Kad yang dikekalkan dengan pihak Bank untuk melaksanakan bayaran balik. Jika tiada dana yang mencukupi di dalam akaun Pemegang Kad, pihak Bank boleh, setelah memberikan Pemegang Kad tempoh yang munasabah untuk menyelesaikan kekurangan, memulakan proses pemulihan hutang untuk mendapatkan semula kekurangan tersebut.

## 9. PENGECUALIAN LIABILITI

9.1 Pemegang Kad bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dalam apa-apa cara sekalipun atas sebab apa-apa kehilangan, kerosakan, atau kecederaan walau bagaimanapun disebabkan atau jika Kad tidak diterima, disebabkan oleh sebarang kecacatan atau kepinangan mekanikal sebarang ATM, Terminal POS, rangkaian internet atau terminal atau saluran lain yang yang disediakan kepada Pemegang Kad atau disebabkan oleh kehilangan atau gangguan bekalan kuasa.

## 10. YURAN DAN CAJ

- 10.1 Pihak Bank berhak untuk mengenakan yuran dan caj bagi sebarang perkhidmatan yang disediakan kepada Pemegang Kad. Semua yuran dan caj boleh didebitkan daripada sebarang akaun yang dikekalkan oleh Pemegang Bank dengan Bank. Sila lawat laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/> atau cawangan-cawangan kami bagi senarai yuran dan caj.
- 10.2 **Yuran tahunan.** Apabila anda dikeluarkan dengan Kad, kami akan mengenakan yuran berulang setiap tahun.

Sila lawati laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/>, hubungi perunding penjagaan pelanggan kami atau cawangan kami untuk yuran tahunan semasa, caj dan pilihan yang tersedia kepada Pemegang Kad mengenai perkhidmatan perbankan asas.

## 11. PEMBATALAN KAD

- 11.1 **Penamatan, pembatalan dan penggantungan.** Pihak Bank merizabkan hak untuk menamatkan, membatalkan atau menggantungkan hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad dia pada bila-bila masa selaras dengan Terma dan Syarat Am. Penamatan atau pembatalan Kad bukan dan tidak akan membentuk apa-apa gambaran tentang sifat atau kelayakan kredit Pemegang Kad dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara bagi sebarang kenyataan yang dibuat atau dianggap dibuat oleh penamatan atau pembatalan.
- 11.2 **Kesan pembatalan atau penamatan Kad.** Setelah penamatan atau pembatalan Kad anda:
- (a) semua hak dan liabiliti terakru di bawah Terma dan Syarat Khusus ini serta Terma dan Syarat Am akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan bertahan sehingga pelepasan dan penyelesaian sepenuhnya;
  - (b) anda mesti memulangkan Kad kepada pihak Bank dengan segera; dan
  - (c) anda bersetuju untuk menyetepikan hak anda untuk membayar balik sebarang yuran yang dikenakan untuk tempoh Kad yang belum tamat.

## 12. MENGHANTAR KAD BARU, DIPERBAHARUI ATAU GANTIAN

- 12.1 Pihak Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk menghantar Kad baru, diperbaharui atau gantian ke alamat surat-menyurat pihak Pemegang Kad dalam rekod Bank melainkan pihak Bank telah dinasihatkan secara khusus oleh Pemegang Kad untuk tidak berbuat demikian. Atas sebab keselamatan, Kad akan dikeluarkan secara tidak aktif. Pemegang Kad perlu mematuhi arahan pengaktifan yang disertakan untuk mengaktifkan Kad. Adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad untuk memastikan maklumatnya termasuk alamat surat-menyurat dengan Bank sentiasa dikemaskini.

## 13. SALURAN DIGITAL

- 13.1 Kami mungkin menawarkan Kad melalui aplikasi mudah alih baru di bawah nama jenama yang berasingan dan berbeza selaras dengan inisiatif perbankan digital kami. Kad tersebut mungkin mengandungi ciri-ciri dan faedah-faedah yang berbeza daripada tawaran sedia ada kami di bawah nama jenama semasa Al Rajhi Bank.
- 13.2 Pihak Bank akan menghantar Kad kepada Pemegang Kad melalui kaedah penghantaran yang dipilih oleh pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung daripada penghantaran Kad tersebut melalui cara penghantaran yang dipilih oleh pihak Bank melainkan kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiannya, salah laku yang disengajakan atau penipuan oleh pihak Bank.
- 13.3 Pemegang Kad boleh meminta untuk Kad baharu untuk menggantikan kad yang sedia ada (i) apabila tamat tempohnya, (ii) yang hilang atau dicuri, (iii) yang telah rosak, (iv) jika Pemegang Kad tidak dapat mengingati PIN atau (v) yang telah disalahgunakan, dengan bayaran yang dinyatakan di dalam Yuran dan Caj Bank di laman webnya. Pelanggan akan menanggung kos penggantian

## Lampiran 3

### KAD DEBIT-*i* RAFAHIA

#### KEGUNAPAKAIAN LAMPIRAN INI

Lampiran 3 ini hanya terpakai sekiranya anda telah memohon, dan dikeluarkan, Kad Debit-*i* Rafahia.

#### KELAYAKAN

1. **Individu yang layak.** Anda mestilah seorang individu, sama ada pemastautin atau bukan pemastautin, berumur antara 16 hingga 70 tahun.

#### FAEDAH-FAEDAH TAMBAHAN

2. Kad Debit-*i* Rafahia ialah Kad Debit-*i* yang disertakan dengan perlindungan Takaful tambahan dan keistimewaan perbankan eksklusif.
3. **Perlindungan Takaful**
  - (a) Sebagai Pemegang Kad, anda akan layak mendapat perlindungan Takaful yang disediakan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang boleh diperbaharui sehingga anda berumur 75 tahun di bawah Terma dan Syarat Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok (sesalinannya boleh didapati di laman web kami <https://www.alrajhibank.com.my/> dan disediakan atas permintaan).
  - (b) **Pembaharuan Takaful.** Perlindungan Takaful adalah sah untuk satu tahun dari tarikh pengeluaran Kad. Anda boleh memilih pembaharuan automatik bagi perlindungan Takaful dengan menandakan pilihan ikut serta (*opt-in*) semasa pendaftaran dan jumlah sumbangan tahunan Takaful anda akan ditolak dari Akaun anda apabila sijil semasa habis tempoh.  
  
Sekiranya anda (i) tidak memilih pembaharuan automatik atau (ii) tidak mempunyai dana mencukupi dalam Akaun anda untuk pembayaran sumbangan tahunan untuk perlindungan Takaful anda, perlindungan Takaful tersebut akan habis tempoh.
  - (c) **Pembatalan Takaful.** Anda boleh membatalkan perlindungan Takaful pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 7 Hari Perniagaan kepada Bank. Anda hanya boleh mendapatkan bayaran balik untuk sumbangan Takaful sekiranya anda membatalkan dalam tempoh 15 hari kalendar dari tarikh pembayaran.
4. **Keistimewaan perbankan eksklusif**
  - (a) Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk terkini atau menghubungi perunding penjagaan pelanggan atau cawangan kami bagi mendapatkan maklumat tentang keistimewaan perbankan eksklusif untuk Pemegang Kad Kad Debit-*i* Rafahia.
  - (b) Bagi mengelakkan keraguan, pihak Bank boleh dari semasa ke semasa menambah, mengubah atau mengeluarkan keistimewaan perbankan eksklusif tersebut tanpa notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.

**E. Terma dan Syarat Khusus yang digunakan untuk Deposit-i Berjangka dengan Kadar Terapung Komoditi *Murabahah***

Dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

**1. DEFINISI**

Definisi

- “Penanda Aras”** : bermaksud penanda aras semasa (dalam % setahun) bagi sesuatu tempoh matang yang bersamaan dengan Tempoh Penetapan Semula Harga, sebagaimana yang ditentukan oleh Bank sebagai bersesuaian untuk Tempoh Penetapan Semula Harga itu dengan niat yang baik dan melalui kaedah komersial yang sewajarnya.
- “Kadar Keuntungan Efektif” atau “EPR”** : bermaksud Penanda Aras dicampur Spread, iaitu kadar efektif yang akan digunakan untuk mengira Jumlah Keuntungan yang perlu dibayar pada penghujung Tempoh Keuntungan yang dipilih dan pada tarikh matang peletakan tersebut.
- “Jumlah Keuntungan”** : bermaksud jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ditolak jumlah pemulangan atau pelucutan hak (jika berkenaan disebabkan pengeluaran atau penamatan pramatang).
- “Tempoh Peletakan”** : bermaksud Tempoh Peletakan sebagaimana yang dinyatakan dalam borang peletakan, iaitu tempoh yang bermula dari hari peletakan dibuat sehingga mencapai tarikh matang.
- “Tarikh Pembayaran Keuntungan”** : (a) berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan pendahuluan perlu dibayar, tarikh ini bermakna mana-mana Hari Perniagaan pada atau sekitar hari terakhir Tempoh Keuntungan;
- (b) berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan perlu dibayar apabila matang, tarikh ini bermakna mana-mana Hari Perniagaan pada atau sekitar tempoh matang peletakan.
- “Tempoh Keuntungan”** : (a) berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan pendahuluan perlu dibayar, tarikh ini bermakna sebarang tempoh masa yang sepadan dengan kekerapan pembayaran keuntungan sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Peletakan. Tempoh Keuntungan mungkin lebih pendek daripada atau digabungkan dengan Tempoh Penetapan Semula Harga.
- (b) berhubung dengan mana-mana Akaun FRTD di mana keuntungan perlu dibayar apabila matang, tarikh ini bermakna sebarang tempoh masa yang digabungkan dengan Tempoh Penetapan Semula Harga.
- “Borang Peletakan”** : merujuk pada borang peletakan standard pihak Bank yang dikemukakan oleh Pelanggan pada peringkat permohonan.
- “Tempoh Penetapan Semula Harga”** : bermaksud sebarang tempoh masa yang sepadan dengan kitaran penetapan semula harga EPR sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Peletakan. Tempoh ini mungkin lebih lama daripada atau digabungkan dengan Tempoh Keuntungan.

**“Spread”** : bermaksud margin (dalam % setahun) untuk mengira Kadar Keuntungan Efektif sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Peletakan atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh Bank.

## **2. TERMA & SYARAT AM**

- 2.1 Pembukaan akaun dan peletakan Deposit-i Berjangka dengan Kadar Terapung Komoditi *Murabahah (Akaun FRTD)* adalah tertakluk kepada kelayakan, umur, keupayaan, dokumen pengenalan, deposit permulaan minimum, kewarganegaraan, status cukai dan semakan latar belakang kredit. Bank mungkin mempunyai keperluan yang berbeza untuk Pelanggan individu dan entiti undang-undang.
- 2.2 Akaun FRTD ialah akaun deposit untuk suatu tempoh di mana keuntungan (jika ada) dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif.
- 2.3 Pihak Bank mungkin menghendaki Pelanggan mengekalkan akaun semasa atau akaun simpanan Ringgit dengan Bank.

## **3. AKUAN DAN PENGESAHAN PELANGGAN**

- 3.1 Anda sedar bahawa jika dibandingkan dengan deposit tetap konvensional, pulangan Akaun FRTD mungkin berubah-ubah sepanjang Tempoh Peletakan. Akaun FRTD mungkin tidak sesuai untuk anda sekiranya anda tidak dapat menerima risiko ini. Adalah mustahil untuk kami memperincikan segala risiko yang mungkin timbul. Kami menasihati anda supaya mendapatkan nasihat bebas bagi membantu anda memahami risiko yang terlibat dengan Akaun FRTD.
- 3.2 Dengan membuka Akaun FRTD, anda mengesahkan bahawa anda mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang secukupnya atau telah menerima nasihat profesional supaya anda boleh membuat penilaian sendiri tentang merit dan risiko Akaun FRTD. Anda mengesahkan bahawa anda (atau melalui penasihat profesional anda) memahami sepenuhnya risiko yang terlibat dan bersedia menerima semua risiko tersebut. Anda juga mengesahkan bahawa anda telah membuat keputusan anda sendiri secara bebas (termasuk keputusan yang dibuat berdasarkan bimbingan penasihat profesional anda) berhubung dengan Akaun FRTD tanpa bergantung pada sebarang nasihat, pendapat atau maklumat yang dinyatakan oleh mana-mana sekutu, wakil atau pekerja Bank, atau syarikat yang berkaitan dengannya.
- 3.3 Anda memahami bahawa Akaun FRTD perlu dikekalkan atau diselenggara sehingga matang. Sebarang pengeluaran pramatang atau penamatan peletakan sebelum matang (tanpa mengira bilangan bulan yang penuh sewaktu pengeluaran atau penamatan pramatang itu dibuat) boleh mengakibatkan pemulangan dan pelucutan hak keuntungan.

## **4. SKIM**

- 4.1 Bank menawarkan ciri-ciri pelekatan berikut. Jadual di bawah menunjukkan aspek komersial ciri-ciri peletakan semasa seperti pembayaran keuntungan, Tempoh Peletakan dan jumlah minimum deposit yang perlu diletakkan. Untuk mengelakkan keraguan, ciri-ciri peletakan mungkin berubah dari semasa ke semasa, dan anda hendaklah bertanya tentang aspek komersial terkini sebelum melakukan peletakan anda. Selanjutnya, Bank dan juga Pelanggan boleh bersama-sama bersetuju dengan aspek komersial yang berbeza daripada jadual di bawah.

Aspek	Ciri-ciri
<b>Tempoh Peletakan (bulan)</b>	Antara 12 hingga 60 bulan.
<b>Kadar Keuntungan Efektif (% setahun)</b>	Penanda Aras + Spread
<b>Kekerapan Pembayaran Keuntungan</b>	Bulanan, Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan tertakluk kepada Tempoh Peletakan dan kitaran penetapan semula harga EPR. Sebagai alternatif, keuntungan terkumpul akan dibayar sekali gus apabila peletakan mencapai tarikh matang.
<b>Kitaran Penetapan Semula Harga EPR</b>	Bulanan, Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan. Penetapan semula harga EPR akan berlaku pada penghujung setiap Tempoh Penetapan Semula Harga dan akan berkuat kuasa pada Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan yang berikutnya. Untuk melengkapkan setiap penetapan semula harga, EPR akan dikemas kini berdasarkan nilai terkini Penanda Aras. EPR akan disediakan oleh Bank kepada Pelanggan berdasarkan permintaan.
<b>Jumlah Deposit Minimum (RM)</b>	Sepertimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa
<b>Arahan Kematangan</b>	Pelanggan boleh memilih daripada senarai pilihan yang tersedia dalam Borang Peletakan. Sekiranya "tiada pemilihan", Amaun Prinsipal dan Jumlah Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan pada tarikh matang.
<b>Pengeluaran Pramatang</b>	Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank, 100% daripada keuntungan yang dibayar atau perlu dibayar adalah tertakluk kepada pemulangan dan pelucutan hak. Untuk mengelakkan keraguan, tiada keuntungan dibayar kepada Pelanggan sekiranya berlaku pengeluaran pramatang.

## 5. DEPOSIT

- 5.1 Semua peletakan akan dibuat dalam matawang Ringgit.
- 5.2 Bank mungkin menghendaki agar semua peletakan dibuat hanya daripada akaun semasa atau akaun simpanan yang diselenggara oleh Bank.
- 5.3 Tempoh Peletakan hendaklah bermula pada hari peletakan dibuat.
- 5.4 Bank boleh mengeluarkan penyata atau resit peletakan apabila peletakan dibuat di kaunter. Penyata atau resit peletakan hanya berperanan sebagai rekod transaksi dan bukan merupakan

dokumen hak milik. Ia tidak boleh dipindahkan, diserahkan atau dirunding dalam apa jua cara. Untuk kaedah peletakan lain, Bank mungkin mengeluarkan jenis dokumen atau perakuan lain sepertimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

## 6. KEUNTUNGAN

- 6.1 Komponen terapung bagi Kadar Keuntungan Efektif (iaitu Penanda Aras) mungkin berubah-ubah sepanjang Tempoh Peletakan.
- 6.2 Bank berhak meminda Kadar Keuntungan Efektif sekiranya Penanda Aras diubah oleh pentadbirnya selepas ia diterbitkan.
- 6.3 Jika tiada Penanda Aras tersedia untuk sesuatu Tempoh Penetapan Semula Harga, Bank hendaklah menentukan Kadar Keuntungan Efektif berdasarkan kadar keuntungan semasa (kadar niaga) yang ditawarkan untuk peletakan deposit tetap dengan tempoh matang yang bersamaan dengan Tempoh Penetapan Semula Harga.
- 6.4 Penentuan Kadar Keuntungan Efektif oleh Bank adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda, kecuali dalam kes kesilapan yang nyata.
- 6.5 Kadar Keuntungan Efektif yang digunakan akan dilaraskan semula pada penghujung setiap Tempoh Penetapan Semula Harga dan Kadar Keuntungan Efektif yang dikemas kini akan digunakan untuk Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan yang berikutnya. Pelarasan semula keuntungan tidak beroperasi secara retrospektif.
- 6.6 Bank akan mengira jumlah keuntungan yang perlu dibayar kepada anda berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif menggunakan formula berikut:

$$\text{Pengiraan keuntungan berdasarkan EPR} = \text{Jumlah deposit} \times \text{Kadar Keuntungan Efektif} \times \frac{\text{Bilangan Hari dalam Tempoh Peletakan atau Tempoh Keuntungan (sebagaimana bersesuaian)}}{\text{Bilangan Hari dalam Setahun}}$$

- 6.7 Jumlah Keuntungan akan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam Borang Peletakan.
- 6.8 Untuk mengelakkan keraguan, melainkan peletakan dikekalkan sehingga matang, semua keuntungan yang dibayar pada penghujung mana-mana Tempoh Keuntungan akan dianggap sebagai keuntungan pendahuluan dan tertakluk kepada pemulangan apabila sebarang pengeluaran atau penamatan pramatang dilakukan.
- 6.9 Sekiranya Jumlah Keuntungan untuk sesuatu Tempoh Keuntungan melebihi keuntungan siling (mengikut Fasal 33), Bank mungkin akan memberi dan membayar sebagai hibah (hadiah) jumlah yang mewakili perbezaan antara Jumlah Keuntungan dan keuntungan siling itu.
- 6.10 Tertakluk kepada Fasal 23, anda boleh memilih Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan dalam Borang Peletakan sewaktu peletakan Akaun FRTD dimulakan, dan Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan akan ditetapkan sepanjang Tempoh Peletakan melainkan dipersetujui sebaliknya sewaktu peletakan dimulakan.
- 6.11 Kami mungkin meminta agar anda memilih Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan bagi tempoh sedemikian supaya Tempoh Peletakan, apabila dibahagikan kepada Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan yang dipilih, akan menghasilkan nombor bulat untuk Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan hingga matang (iaitu tanpa pecahan). Tempoh Penetapan Semula Harga dan Tempoh Keuntungan tidak boleh dilanjutkan melebihi tempoh matang.
- 6.12 Anda boleh merujuk **Lampiran 4** Terma dan Syarat Khusus ini untuk melihat ilustrasi pengiraan keuntungan.

## 7. PEMBAHARUAN

- 7.1 Anda dikehendaki memberi kami arahan kematangan dalam Borang Peletakan apabila peletakan dibuat. Bank akan mematuhi arahan kematangan itu, melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pelanggan melalui borang yang ditetapkan oleh Bank untuk memohon perubahan tersebut. Penerimaan sebarang pembaharuan peletakan adalah mengikut budi bicara mutlak Bank, dan pembaharuan ini akan dilaraskan pada Kadar Keuntungan Efektif yang sah sewaktu pembaharuan. Jika tiada arahan kematangan diberikan, Bank akan membayar Harga Jualan *Murabahah* ke dalam akaun Pelanggan yang diselenggara oleh Bank.
- 7.2 Jika anda telah diberikan kadar keuntungan istimewa untuk suatu tempoh masa tertentu, kadar keuntungan istimewa itu tidak boleh digunakan untuk sebarang pembaharuan peletakan melainkan dibenarkan secara khusus oleh Bank sewaktu pembaharuan.

## 8. PENGELUARAN

- 8.1 Tempoh tiga puluh (30) hari kalendar ditetapkan sebagai tempoh terkunci, dan sepanjang tempoh terkunci, Bank berhak menolak sebarang permintaan untuk menarik balik atau mengeluarkan peletakan.
- 8.2 Tertakluk kepada Fasal 26, anda boleh menarik balik atau mengeluarkan peletakan sebelum tarikh matang, tertakluk kepada keperluan Bank. Pengeluaran separa sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan. Untuk peletakan yang dibuat di kaunter, Bank mungkin menghendaki anda mengemukakan permohonan penarikan balik atau pengeluaran pramatang kepada cawangan asal di mana peletakan telah dibuat.
- 8.3 Notis pengeluaran atau penamatan pramatang tidak boleh ditarik balik, dan tiada perubahan atau pembatalan dibenarkan.
- 8.4 Akaun FRTD bertujuan untuk dikekalkan sehingga matang. Sebarang pengeluaran pramatang atau penamatan peletakan sebelum matang (tanpa mengira bilangan bulan yang penuh sewaktu pengeluaran atau penamatan pramatang itu dibuat) akan mengakibatkan pemulangan/pelucutan hak keuntungan, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.
- 8.5 Sebarang keuntungan dibayar yang tertakluk kepada pemulangan/pelucutan hak akan ditolak oleh Bank daripada jumlah prinsipal peletakan.
- 8.6 Tertakluk kepada Fasal 32, Bank boleh (mengikut budi bicara mutlaknya) memilih untuk membayar Harga Jualan *Murabahah* lebih awal daripada tarikh matang apabila Bank melaksanakan haknya untuk menamatkan peletakan mengikut Terma dan Syarat Am.
- 8.7 Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (*ibra'*) kepada Bank di atas bahagian keuntungan Harga Jualan *Murabahah* sepertimana yang ditentukan oleh Bank (penentuan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda, kecuali dalam kes kesilapan yang nyata) sekiranya berlaku pengeluaran pramatang atau penamatan peletakan selaras dengan Fasal 31. Jika peletakan itu ditamatkan oleh Bank, Bank boleh mengikut budi bicaranya membayar jumlah keuntungan mengikut bilangan hari deposit itu disimpan.

## 9. PRINSIP SYARIAH

- 9.1 **Komoditi *Murabahah* melalui kaedah *Tawarruq*.** Peletakan Deposit-i Berjangka dengan Kadar Terapung untuk Komoditi *Murabahah* dibuat berdasarkan prinsip *Syariah Murabahah*. *Murabahah* merujuk kepada transaksi pembelian dan penjualan di mana harga kos aset dan margin keuntungan telah diketahui oleh pembeli. *Tawarruq* merujuk kepada dua kontrak pembelian dan penjualan. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertunda. Selepas itu, pembeli dalam penjualan pertama akan menjual aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta (spot basis). Mekanisme yang terlibat adalah:

- (a) anda membuat tawaran kepada kami dengan menyerahkan Borang Peletakan yang lengkap bersama segala dokumen yang diperlukan. Kami mungkin (mengikut budi bicara kami) bersetuju dengan membuka Akaun FRTD untuk anda apabila anda memindahkan atau menandatangani jumlah peletakan minimum yang berkenaan.
- (b) anda akan melantik ejen di bawah prinsip *Wakalah bil Ujah* (agensi yang mengenakan bayaran), sebagaimana yang diterangkan dalam Fasal 34 di bawah, untuk membeli barang atau aset yang diluluskan oleh Lembaga Syariah pihak Bank kecuali emas, perak, matawang, aset yang akan dibina atau dalam pembinaan dan aset yang bersifat hutang (**Komoditi**) pada harga belian (yang bersamaan dengan deposit yang diletakkan oleh anda) bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi (**Transaksi Pembelian**).
- (c) sekiranya tiada permintaan untuk penyerahan fizikal, maka sebaik sahaja selesai Transaksi Pembelian (termasuk penyempurnaan pindah milik dan pemilikan konstruktif Komoditi yang diwakili oleh sijil), ejen akan menjual Komoditi tersebut kepada Bank secara bayaran tertunda (**Transaksi Jualan Murabahah**). Harga jualan mewakili:
  - (j) jumlah deposit; dan
  - (iii) Keuntungan Siling (dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling dan tempoh mengikut formula yang dibentangkan dalam **Lampiran 4** Terma dan Syarat Khusus ini),

**(Harga Jualan Murabahah).**

*Bagi mengelakkan keraguan, istilah "Keuntungan Siling" digunakan untuk menerangkan struktur asas Akaun FRTD bagi memenuhi keperluan pematuhan Syariah. Keuntungan Siling tidak mewakili pulangan sebenar. Jumlah keuntungan yang akan diterima oleh Pelanggan dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif. Perbezaan antara Keuntungan Siling dan jumlah keuntungan dianggap sebagai rebat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank, selaras dengan Terma dan Syarat.*

- (d) tertakluk kepada Fasal 26 hingga 32, bahagian keuntungan yang perlu dibayar oleh Bank pada penghujung Tempoh Keuntungan hendaklah dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif bagi setiap Tempoh Keuntungan, manakala perbezaan antara bahagian keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling dan Kadar Keuntungan Efektif dianggap telah diketepikan oleh Pelanggan atau ejennya (mana-mana yang berkenaan) melalui kaedah *ibra'* (rebat).
- (e) tertakluk kepada Fasal 26 hingga 32, bahagian prinsipal Harga Jualan *Murabahah* akan dibayar pada tarikh matang peletakan mengikut arahan kematangan yang diberikan kepada kami.
- (f) setiap kontrak jual dan beli Komoditi *Murabahah* mengikat secara automatik, tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh ditamatkan secara sebelah pihak oleh mereka yang terlibat dalam kontrak.
- (g) anda bersetuju bahawa Komoditi akan dibeli dan dijual oleh ejen atas dasar "seperti sedia ada", tanpa sebarang representasi atau waranti daripada ejen tentang kualiti, keadaan dan deskripsi, dan tanpa liabiliti terhadap ejen di atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecacatan, kecuali sekiranya berlaku salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma tertentu oleh ejen.
- (h) segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual akan dibebaskan daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi itu dalam apa cara sekalipun. Sebarang kecacatan atau kegagalan dalam penyerahan atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan, dalam apa jua cara, menjejaskan atau membebaskan segala kewajipan atau akujanji pihak yang terlibat dalam kontrak.
- (i) **permintaan untuk penyerahan fizikal Komoditi** Sekiranya anda bercadang untuk meminta penyerahan fizikal Komoditi yang dibeli, anda hendaklah memastikan agar:

- i. anda memiliki lesen, permit, kelulusan dan kebenaran yang diperlukan untuk menerima penyerahan fizikal Komoditi tersebut selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
- ii. permintaan anda untuk menerima penyerahan fizikal Komoditi hendaklah dimaklumkan kepada ejen sebelum peletakan deposit; dan
- iii. semua kos berkaitan dengan penyerahan fizikal Komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

**9.2 Wakalah bil Ujrah (Agensi yang mengenakan bayaran).** *Wakalah bil Ujrah* merujuk kepada pelantikan ejen oleh anda, dengan yuran dikenakan, untuk melaksanakan tugas tertentu bagi perkara-perkara yang mungkin diwakilkan. Anda bersetuju dan akan melengkapkan borang pelantikan agensi untuk melantik Ejen. Kewajipan Ejen berkaitan dengan transaksi Komoditi *Murabahah* dinyatakan dalam borang pelantikan agensi tersebut.

Dengan menandatangani borang pelantikan agensi, anda mengaku dan bersetuju:

- (a) bahawa **AI Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran: 201001026991 (910910-A)) (Ejen)** akan menjadi Ejen anda untuk menjalankan peranan dan fungsi bebas serta melaksanakan tugas-tugas khusus bagi memudahkan peletakan deposit tetap anda (termasuk pembaharuan peletakan tersebut) dengan Bank dan bukannya dalam mana-mana hal lain berdasarkan kontrak *Wakalah bil Ujrah* (agensi yang mengenakan bayaran). Ejen telah menubuhkan unit khusus yang dikenali sebagai "Unit Dagangan Komoditi" untuk memudahkan penyempurnaan transaksi Komoditi *Murabahah* bagi pihak anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - untuk membeli Komoditi bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi secara tunai.
  - sekiranya anda tidak meminta penyerahan fizikal Komoditi tersebut, untuk menjual Komoditi tersebut kepada pihak Bank pada Harga Jualan *Murabahah*.
  - untuk melaksanakan segala tindakan bagi menyempurnakan transaksi Komoditi *Murabahah* selaras dengan Terma dan Syarat Khusus ini
  - (jika berkenaan) untuk membenarkan sebarang rebat berkaitan yang dijana berdasarkan Terma dan Syarat Khusus ini.
- (b) Ejen tidak akan menggalas, atau tidak boleh dianggap telah menggalas, sebarang kewajipan tambahan terhadap anda, atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan anda selain daripada peruntukan tertentu yang dibuat dalam borang pelantikan agensi.
- (c) bahawa anda masih akan bertanggungjawab sebagai prinsipal di bawah kontrak Komoditi *Murabahah* yang dimeterai oleh Ejen sewaktu mereka bertindak sebagai Ejen anda, kecuali dalam kes di mana Ejen telah melakukan keingkaran yang disengajakan.
- (d) untuk membayar caj agensi (*Ujrah*), pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Caj agensi:
  - i. dikira berdasarkan ilustrasi dalam **Lampiran 4** Terma dan Syarat Khusus ini.
  - ii. akan ditolak daripada Harga Jualan *Murabahah* bagi setiap transaksi Komoditi *Murabahah* dan akan dikreditkan ke dalam akaun Ejen yang diselenggara oleh pihak Bank.
  - iii. akan digunakan untuk bayaran perbelanjaan agensi.

Anda bersetuju dan memberikan kebenaran kepada Bank untuk menentukan kadar peratusan caj agensi dari semasa ke semasa.
- (e) Ejen tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk melakukan sebarang transaksi atau mengikut apa-apa arahan anda sekiranya Ejen berpendapat bahawa perbuatan ini akan mengakibatkan Ejen melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang, dasar, kaedah atau peraturan.

- (f) Ejen boleh menjalankan peranan sebagai ejen untuk lebih daripada seorang pelanggan dan akan melaksanakan peranan untuk setiap pelanggan secara bebas. Untuk penjelasan, Ejen boleh membeli dan menjual Komoditi secara agregat.
  - (g) anda akan menanggung rugi Ejen atas segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Ejen berikutan pelaksanaan peranannya sebagai ejen anda kecuali dalam situasi di mana berlakunya salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma khusus yang dikenakan terhadap Ejen. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun perkhidmatan agensi telah ditamatkan.
  - (h) pihak Bank dikehendaki memantau dan memastikan agar Ejen menjalankan kewajipannya dengan cekap dan profesional.
  - (i) pelantikan Ejen akan ditamatkan berikutan penutupan semua Akaun FRTD atau peletakan anda.
-

## Lampiran 4

### Pengiraan Jumlah Keuntungan, Harga Jualan Murabahah dan Caj Agensi

**Harga Belian** = Jumlah Deposit

**Kadar Keuntungan Efektif** = Penanda Aras + Spread

**Keuntungan Siling** = Jumlah Deposit x [CPR + Kadar Caj Agensi\*\*] x (Bil. Hari dalam Tempoh Peletakan / Bil. Hari dalam Setahun\*)

**CPR** = Kadar Keuntungan Siling (dihadkan pada 6% setahun)

**Caj Agensi** = Jumlah Deposit x Kadar Caj Agensi\*\* x (Bil. Hari dalam Tempoh Peletakan / Bil. Hari dalam Setahun\*). Caj Agensi, sebagai pembolehkan dalam pengiraan keuntungan, boleh digunakan untuk ditolak dengan Caj Agensi yang dikutip oleh Bank.

**Jumlah Keuntungan** = bermaksud jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif mengikut Tempoh Keuntungan ditolak (jika berkenaan) amaun pemulangan atau pelucutan hak mengikut Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini.

**Harga Jualan Murabahah** = Harga Belian + Keuntungan Siling

\*Setahun ialah tempoh 365 hari (atau 366 hari dalam tahun lompat) atau 360, bergantung pada konvensyen yang bersesuaian dengan matawang deposit berkenaan.

\*\*Sila rujuk kadar niaga kami untuk mengetahui Kadar Caj Agensi semasa

CPR dan Caj Agensi dikira sekali sahaja ketika pelaksanaan Komoditi Murabahah.

#### ILUSTRASI:

Jumlah Deposit = RM100,000.00

Kadar Keuntungan Siling, CPR = 6% setahun

Bilangan Hari dalam Tempoh Peletakan = 365 hari

Bilangan Hari dalam Setahun = 365 hari

Kitaran Keuntungan = Setiap 3 bulan

Kadar Caj Agensi: 0.01%

Pelaksanaan Murabahah Komoditi satu kali pada permulaan:

Keuntungan Siling =  $RM100,000 \times [6.00\% \text{ setahun} + 0.01\%] \times (365/365) = RM6,010$ .

**Harga Jualan Murabahah** =  $RM100,000 + RM6,010 = RM106,010$ .

<b>Pengiraan Jumlah Keuntungan</b>	<b>Tempoh Keuntungan (1)</b> Kadar Keuntungan Efektif = 4% setahun Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan = 90 hari Jumlah Keuntungan = Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan Efektif x (Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan / Bil. Hari dalam Setahun) Jumlah Keuntungan = $100,000 \times (4\% \text{ setahun}) \times (90/365) = 986.30$
	<b>Tempoh Keuntungan (2)</b> Kadar Keuntungan Efektif = 4.1% setahun <i>Nota: andaian yang digunakan di sini adalah penanda aras menaik sebanyak 0.1% setahun, dan oleh itu Kadar Keuntungan Efektif juga telah berubah daripada 4.0% setahun kepada 4.1% setahun Walaupun perubahan itu mungkin berlaku pada mana-mana hari dalam Tempoh Keuntungan (1), ia hanya akan berkuat kuasa apabila Tempoh Keuntungan baharu bermula (2)</i> Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan = 91 hari Jumlah Keuntungan = Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan Efektif x (Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan / Bil. Hari dalam Setahun) Jumlah Keuntungan = $100,000 \times (4.1\% \text{ setahun}) \times (91/365) = 1,022.19$
	<b>Tempoh Keuntungan (3)</b> Kadar Keuntungan Efektif = 4.1% setahun Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan = 92 hari

Jumlah Keuntungan = Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan Efektif x (Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan / Bil. Hari dalam Setahun)

Jumlah Keuntungan =  $100,000 \times (4.1\% \text{ setahun}) \times (92/365) = 1,033.42$

**Tempoh Keuntungan (4)**

Kadar Keuntungan Efektif = 4.1% setahun

Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan = 92 hari

Jumlah Keuntungan = Jumlah Deposit x Kadar Keuntungan Efektif x (Bil. Hari dalam Tempoh Keuntungan / Bil. Hari dalam Setahun)

Jumlah Keuntungan =  $100,000 \times (4.1\% \text{ setahun}) \times (92/365) = 1,033.42$

Perbezaan antara Jumlah Keuntungan dan Keuntungan Siling dianggap sebagai rebat menurut dokumen ini. Oleh itu, Pelanggan hanya menerima agregat

Jumlah Keuntungan daripada empat Tempoh Keuntungan, iaitu:

Tempoh Keuntungan (1): RM 986.30

Tempoh Keuntungan (2): RM1,022.19

Tempoh Keuntungan (3): RM1,033.42

Tempoh Keuntungan (4): RM1,033.42

Jumlah Keuntungan Keseluruhan = RM4,075.33

## SEKSYEN II: PENGURUSAN KEKAYAAN

### A. Terma dan Syarat Khusus Yang Terpakai Kepada Unit Amanah (Pelanggan Runcit)

Tidak Dilindungi oleh PIDM

**Am**

Terma dan syarat yang berikut mengawal akaun pelaburan unit amanah ("Akaun") ini. Dengan membuat permintaan untuk membuka Akaun, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Khusus yang terpakai kepada Unit Amanah (Pelanggan Runcit) ("Terma UA").

#### 1. DEFINISI

- 1.1 "Harga permohonan" bermaksud harga bagi unit dalam mana-mana Dana yang akan dibeli, dilaburkan atau dikeluarkan mengikut maksud seperti yang dinyatakan dalam Surat Iktan Amanah Dana masing-masing.
- 1.2 "Penjaga" merujuk kepada Al Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd atau mana-mana penjaga lain yang dilantik oleh dan untuk Bank bagi tujuan memegang, menyimpan, merekod dan apa-apa tugas lain yang diperlukan daripadanya untuk Perkhidmatan yang disediakan di sini.
- 1.3 "Dana" bermaksud mana-mana unit amanah, dana pelaburan, dana bersama yang sah atau mana-mana skim pelaburan kolektif lain yang diuruskan oleh syarikat pengurusan unit amanah yang diedarkan oleh Bank.
- 1.4 "Pelaburan Am" bermaksud semua pelaburan Pelanggan dalam mana-mana Dana.
- 1.5 "Pengurus" merujuk kepada syarikat pengurusan unit amanah atau pengurus Dana.
- 1.6 "Perkhidmatan" bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 2.1, 2.3 dan 2.4 di sini.
- 1.7 "Penukaran" bermaksud mengeluarkan daripada satu Dana dan melabur ke dalam Dana lain di bawah syarikat pengurusan unit amanah yang sama.
- 1.8 "Pemindahan" bermaksud memindahkan pelaburan/pegangan unit seorang Pelanggan kepada Pelanggan lain.
- 1.9 "Unit" bermaksud berkenaan dengan mana-mana Dana, unit dalam Dana itu.

#### 2. PERKHIDMATAN

- 2.1 Pelanggan boleh memberikan arahan kepada Bank untuk memegang, melanggan, menukar, memindahkan, mengeluarkan atau menebus Unit dalam mana-mana Dana yang ditawarkan dan diedarkan oleh Bank ("Arahan"). Walau apa pun yang terkandung dalam Terma UA ini, Pelanggan mengakui bahawa Arahan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan surat iktan, dokumen perlembagaan, memorandum maklumat dan prospektus Dana masing-masing, yang mungkin dipinda atau ditambah dari semasa ke semasa, dan semua undang-undang, garis panduan dan peraturan yang terpakai.
- 2.2 Sebelum membuat Arahan tersebut, Pelanggan bersetuju untuk:
  - Menyediakan Bank dengan apa-apa maklumat yang mungkin diminta berkaitan dengan profil pelaburan Pelanggan dengan melengkapkan Borang Penilaian Risiko dan Kesesuaian Pelabur; dan
  - Untuk membuka akaun simpanan baharu atau mencadangkan akaun simpanan sedia ada atau akaun lain yang seumpamanya di bawah nama Pelanggan dengan Bank untuk tujuan membayar dan menerima wang pelaburan ("Akaun Penyelesaian"). Pelanggan bersetuju

Mukasurat | 42

untuk tidak menutup Akaun Penyelesaian selagi Akaun masih dibuka.

- 2.3 Pihak Bank, boleh mengikut budi bicaranya: -
- Menyediakan prospektus Dana edisi terkini (yang boleh digabungkan dalam prospektus induk) yang dibekalkan oleh Pengurus masing-masing dan bahan-bahan lain seperti laporan tahunan terkini, laporan separuh tahunan dan sebarang maklumat lain (jika ada) yang berkenaan dengan Pelaburan Am Pelanggan yang dijalankan dengan Bank; dan
  - Menghantar kepada Pelanggan semua notis atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Pengurus masing-masing yang diterima oleh Bank dan/atau Penjaga.
- 2.4 Bank boleh mengubah skop dan jenis Perkhidmatan yang disediakan dengan memberikan notis terlebih dahulu mengikut peruntukan Terma dan Syarat Am Bank, antaranya termasuk:
- memperluas, mengubah suai atau mengurangkan Perkhidmatan pada bila-bila masa;
  - mengenakan dan mengubah mana-mana sekatan ke atas penyediaan Perkhidmatan (contohnya: had harian minimum dan maksimum untuk mana-mana transaksi atau urusan, atau mana-mana jenis transaksi atau urusan yang Pelanggan mungkin atau diberi kuasa untuk menjalankan); dan
  - Meminda waktu perkhidmatan normal atau had masa untuk Perkhidmatan atau sebarang transaksi.
- 2.5 Bank boleh melantik ejen atau sub-ejen untuk tujuan atau fungsi yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 2.6 Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan ditawarkan hanya jika penyediaan Perkhidmatan tersebut adalah sah di dalam dan di luar Malaysia. Perkhidmatan ini tidak dimaksudkan untuk Orang AS. Sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Perkhidmatan ini mesti menyediakan alamat surat-menyurat/kod kawasan telefonnya dan mesti mengisytiharkan bahawa dirinya bukan warganegara AS, pemastautin AS atau orang AS seperti yang ditakrifkan di bawah Peraturan S dalam Peraturan 902(k) di bawah Akta Sekuriti AS 1933
- 2.7 Dengan memohon dan menggunakan Perkhidmatan ini, Pelanggan dengan ini memperakui bahawa: -
- Pelanggan bukan "Orang AS";
  - keuntungan daripada pelaburan, pegangan, langganan, penukaran atau penebusan sekuriti termasuk Unit dalam mana-mana Dana yang dijalankan menurut Perkhidmatan adalah tidak berkaitan secara berkesan atau berkaitan dengan mana-mana perdagangan atau perniagaan AS yang Pelanggan terlibat atau merancang untuk terlibat dalam pada tahun kalendar.

Jika mana-mana syarat di atas berubah atau mungkin berubah, Pelanggan akan memberitahu Bank secara bertulis secepat yang munasabah, dan tidak kira dalam apa jua keadaan mesti dalam masa 30 hari dari perubahan tersebut atau Pelanggan menyedari kemungkinan berlakunya perubahan tersebut.

### **3. ARAHAN PELABURAN DAN TRANSAKSI BERKAITAN**

#### **Arahan oleh Pelanggan**

- 3.1 Pelanggan bersetuju bahawa:
- Pelanggan hendaklah menggunakan borang tindakan pelaburan unit amanah, atau sebarang borang lain yang ditetapkan oleh Bank untuk memberikan apa-apa Arahan kepada Bank. Pelanggan yang ingin memberikan apa-apa Arahan untuk melabur atau melanggan Dana akan diberikan prospektus atau prospektus induk bagi Dana tersebut, dan pelaburan atau langganan tersebut harus dilakukan mengikut terma dan syarat prospektus atau prospektus induk.
  - Bank berhak menolak untuk melaksanakan atau melengkapkan apa-apa arahan yang pada pendapat Bank tidak jelas atau samar-samar atau yang mungkin menyebabkan Bank melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan (sama ada mengikat di sisi undang-undang atau tidak). Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti kepada Pelanggan akibat keengganan pelanggan untuk bertindak dalam keadaan sedemikian.

- Arahan yang diterima selepas had masa akan dianggap sebagai Arahan yang diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.
- Untuk akaun bersama, Unit bagi kredit Akaun pada bila-bila masa akan menjadi milik pemegang akaun bersama sebagai pemilik bersama. Individu tersebut akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan untuk semua kewajipan di bawah Terma UA. Sebarang notis atau permintaan boleh disampaikan kepada mana-mana satu atau semua pemegang akaun dan akan mengikat semua pemegang akaun. Pemegang akaun bersama bersetuju bahawa Akaun ini dikendalikan dengan pengesahan tandatangan tunggal:
  - (a) apa-apa arahan daripada mana-mana satu pemegang akaun akan mengikat pemegang akaun yang lain; dan
  - (b) Bank akan bertindak atas mandat semua pemegang akaun jika sebelum bertindak atas Arahan yang diterima daripada salah seorang pemegang akaun, Bank juga menerima Arahan daripada pemegang akaun lain yang arahnya bercanggah dengan arahan yang diterima terlebih dahulu oleh Bank.

### **Penempatan pesanan**

- 3.2 Pihak Bank:
- boleh mengumpul dan menyatukan Arahan Pelanggan dan/atau Arahan Pelanggan dengan mana-mana arahan lain yang diterima daripada pelanggan lain, jika ada, untuk penyerahan atau tindakan;
  - akan berusaha dengan munasabah untuk menempatkan pesanan atau permintaan secara dikumpulkan atau disatukan dengan Pengurus atau Dana yang berkaitan pada Hari Perniagaan yang sama jika bayaran untuk pelaburan atau langganan telah diterima dalam dana tersedia yang boleh dipindah milik pada hari yang sama sebelum had masa; tetapi
  - Jika pesanan atau permintaan tersebut tidak atau tidak boleh dilakukan pada Hari Perniagaan yang sama atas apa-apa sebab, Bank berhak untuk menempatkan atau melaksanakan pesanan dan permintaan tersebut pada Hari Perniagaan berikutnya atau pada tarikh apabila dana bagi bayaran itu dalam dana tersedia yang boleh dipindah milik (yang mana terkemudian), dan mana-mana transaksi sedemikian akan mengikat Pelanggan.
- 3.3 Apabila Bank menempatkan pesanan (disatukan atau sebaliknya) bagi pihak Pelanggan:-
- Pengurus atau Dana akan mengeluarkan dan mendaftarkan Unit-unit yang berkenaan atas nama Penjaga;
  - Unit-unit yang dikeluarkan akan diperuntukkan di antara pemohon yang berkenaan dalam apa-apa urutan atau cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
  - Unit-unit yang dikeluarkan akan berdasarkan amaun bersih yang dibayar bagi apa-apa yuran dan caj atau perbelanjaan yang ditanggung (jika ada) berkaitan
  - dengan arahan langganan.
- 3.4 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa-
- Harga unit yang diberikan sebelum sebarang Arahan hanya sebagai petunjuk atau tujuan rujukan sahaja. Harga sebenar adalah harga yang ditentukan mengikut surat ikatan, dokumen perlembagaan, memorandum maklumat atau prospektus yang mengawal Dana-dana tersebut;
  - sebarang pesanan dan penempatan untuk pelaburan atau langganan akan dibuat atas nama Penjaga, dan identiti Pelanggan tidak akan didedahkan kepada Pengurus atau Dana;
  - sebarang penyata transaksi atau pengesahan yang dikeluarkan akan dihantar terus kepada Penjaga, dan pelaburan atau langganan tersebut akan dipegang oleh Penjaga untuk dan bagi pihak Pelanggan.
- 3.5 Pelanggan juga mengakui bahawa:
- mana-mana Dana atau Pengurus yang menerima Arahan pesanan atau penempatan daripada Bank tidak diwajibkan untuk menerima pesanan atau penempatan itu secara sebahagian atau keseluruhan;
  - Bank tidak menanggung liabiliti atau tanggungjawab ke atas sebarang tindakan atau penolakan di pihak mana-mana Dana atau Pengurus yang berkenaan dengan apa-apa pesanan sedemikian; dan

- Bank atau Penjaga tidak menanggung tanggungjawab atau liabiliti untuk memastikan bahawa Dana atau Pengurus yang berkaitan memperuntukkan Unit atau untuk apa-apa kerugian termasuk kehilangan peluang pelaburan yang Pelanggan mungkin mengalami atau menanggung akibat daripada sebarang keengganan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima pesanan tersebut, atau peruntukan Unit oleh Dana atau Pengurus.

### **Pembayaran dan Pengeluaran**

#### **Pembayaran secara debit langsung**

- 3.6 Pelanggan hendaklah membayar untuk Unit yang dilanggan dan/atau Perkhidmatan daripada dana tersedia yang boleh dipindah milik daripada Akaun Penyelesaian Pelanggan.
- 3.7 Bank berhak tetapi tidak diwajibkan untuk menahan semua dana tersedia yang boleh dipindah milik dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan untuk amaun yang diperlukan dan membuat pembayaran tersebut untuk pesanan atau penempatan yang diarahkan oleh Pelanggan bagi pihak Pelanggan sebagaimana yang dipersetujui antara Bank dan Dana atau Pengurus yang berkaitan.

#### **Hasil Pengeluaran atau Penebusan**

- 3.8 Pelanggan bersetuju bahawa harga Permohonan, pengeluaran dan penebusan ditentukan:
- oleh Pengurus mengikut Surat Ikatan yang berkaitan; atau
  - melalui prosedur yang ditetapkan pada Hari Perniagaan

dan apa-apa harga atau nilai mana-mana Unit yang diberikan oleh Bank hanyalah harga atau nilai indikatif yang disediakan untuk maklumat Pelanggan, dan ia adalah tidak muktamad dan tidak akan mengikat. Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti ke atas harga atau nilai indikatif yang diberikan.

- 3.9 Setelah menerima hasil daripada mana-mana pengeluaran atau penebusan, Bank harus membayar kepada Pelanggan mengikut arahan yang dinyatakan dalam borang tindakan pelaburan unit amanah.
- 3.10 Hasil pengeluaran atau penebusan akan dibayar secara bersih tanpa sebarang yuran dan caj atau perbelanjaan yang ditanggung (jika ada) berkaitan dengan pengeluaran atau penebusan tersebut.
- 3.11 Liabiliti Bank adalah terhadap kepada hasil yang diterima daripada Pengurus atau Dana, dan Bank tidak diwajibkan untuk memastikan kecukupan hasil pengeluaran atau penebusan yang diterima.
- 3.12 Sebarang bayaran yang dibuat oleh Bank mengikut mana-mana Arahan yang ditandatangani atau dibuat atau dikatakan akan ditandatangani atau dibuat oleh Pelanggan adalah pelepasan yang lengkap, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kerugian atau tuntutan daripada Pelanggan atau mana-mana pihak lain.
- 3.13 Jika berlakunya kematian pemegang akaun bersama dan akaunnya dibuka dan dikekalkan dalam lebih daripada satu nama, pemegang akaun bersama bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk:
- memegang semua unit mengikut perintah pemegang akaun yang masih hidup dengan sepenuhnya;
  - mengambil arahan semata-mata daripada pemegang akaun yang masih hidup, termasuk arahan untuk menebus unit; dan
  - membayar hasil penebusan kepada pemegang akaun yang masih hidup dengan tertakluk kepada hak dan tuntutan Bank terlebih dahulu.

Bayaran kepada pemegang yang masih hidup di bawah fasal kelangsungan hidup ini adalah pelepasan yang lengkap kepada Bank, dan Bank harus dilepaskan daripada semua tuntutan atau tuntutan oleh wasi, pentadbir atau harta pusaka Pelanggan yang meninggal dunia.

## **Pelbagai Perkara**

- 3.14 Pelanggan akan menerima penyata transaksi atau pengesahan daripada Penjaga atau Bank mengikut mana-mana yang berkenaan, berkaitan dengan mana-mana Arahan untuk sebarang Perkhidmatan yang dijalankan oleh Bank bagi pihak Pelanggan. Jika berkenaan, pegangan Unit Pelanggan mungkin ditunjukkan dalam penyata Pelanggan yang disatukan.
- 3.15 Bank akan melabur semula sebarang pengagihan pendapatan (jika ada) yang diisytiharkan oleh Dana atau Pengurus dalam Dana sebagaimana yang dibenarkan dan dinyatakan oleh Pelanggan dalam borang arahan pelaburan.
- 3.16 Pelanggan berhak untuk menerima sijil cukai pendapatan subsidiari yang dikeluarkan oleh Bank atau baucar cukai yang dikeluarkan oleh Dana atau Pengurus dan disahkan oleh Bank atau Penjaga atau Sub-Penjaga mengikut mana-mana yang berkenaan, berkaitan dengan pengagihan pendapatan (jika ada) yang diisytiharkan oleh Dana atau Pengurus

## **4. PENJAGA DAN PENJAGAAN PELABURAN**

- 4.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank akan melantik seorang Penjaga untuk memegang Pelaburan Am Pelanggan untuk Pelanggan.
- 4.2 Bank berhak dan juga boleh memberi kuasa kepada Penjaga untuk melantik, tanpa persetujuan lanjut Pelanggan, mana-mana bank, Syarikat amanah atau firma ahli mana-mana Bursa Sekuriti untuk bertindak sebagai: -
- Sub-Penjaga bagi pihak Pelanggan mengikut terma-terma ini; dan/atau
  - pentadbir untuk membantu Bank atau Penjaga melaksanakan kewajipan mereka atas apa-apa terma yang difikirkan sesuai oleh Bank.

Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kerugian yang dialami oleh Pelanggan untuk sebarang tindakan atau ketinggalan Sub-Penjaga dalam kes Sub-Penjaga telah dilantik dengan betul dan mengikut undang-undang.

- 4.3 Penjaga dan/atau Sub-Penjaga (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang dilantik berhak untuk:
- menerima dan memegang semua pengagihan pendapatan (termasuk keuntungan dari pada Bank, dividen) dan pembayaran lain, hak dan sekuriti seumpama yang dikeluarkan kepada Pelanggan;
  - memegang semua dividen saham, hak dan sekuriti seumpama yang dikeluarkan berkenaan dengan pelaburan, pegangan dan langganan Pelanggan untuk Akaun Pelanggan;
  - menukar resit interim atau sekuriti sementara untuk sekuriti definitif;
  - melengkapkan dan menyampaikan apa-apa sijil pemilikan yang berkaitan dengan pelaburan, pegangan atau langganan Pelanggan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang;
  - membayar apa-apa wang (dikutip atau diterima sebagai hasil penebusan pelaburan, pegangan atau langganan Pelanggan)
  - mengutip apa-apa wang yang perlu dibayar kepada Pelanggan dalam lebih daripada satu mata wang, dalam mata wang yang dibenarkan oleh undang-undang atau sebagaimana yang diputuskan oleh Bank dan/atau Penjaga;
  - hadir untuk membuat pembayaran yang Bank atau Penjaga telah mempunyai notis sebenar tentang keperluan pembayaran tersebut, sebarang panggilan, penebusan, kupon atau wang yang perlu dibayar kepada Pelanggan.
- 4.4 Pelanggan bersetuju untuk terikat oleh semua terma dan syarat yang mengikat Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga dalam menjalankan pelaburan Pelanggan dan transaksi yang berkaitan.
- 4.5 Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga tidak diwajibkan untuk menghadiri atau membuat pengaturan untuk menghadiri mana-mana mesyuarat, atau mengundi mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana sekuriti atau Dana yang dibeli oleh Pelanggan.

- 4.6 Atas permintaan Pelanggan, dan atas Pelanggan memberikan ganti rugi yang diperlukan untuk kos dan liabiliti sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank, Bank akan melaksanakan atau mendapatkan Penjaga dan/atau mana-mana Sub-Penjaga untuk melaksanakan apa-apa sijil, laporan atau affidavit yang diperlukan secara munasabah di bawah undang-undang mana-mana bidang kuasa untuk mengesahkan pemilikan Pelaburan Am / untuk tujuan fiskal atau cukai Pelanggan (termasuk memohon atau mendapatkan apa-apa keistimewaan cukai).

## 5. YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN

### 5.1 Yuran, Caj & Perbelanjaan Dana/Pengurus:

- Pelanggan bersetuju untuk membayar yuran, caj dan perbelanjaan Dana atau Pengurus (termasuk semua kos dan perbelanjaan luar jangkaan, cukai, duti atau levi), termasuk sebarang semakan yang mungkin dimaklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa melalui prospektus Dana, prospektus induk, bahan pemasaran atau cara lain.

### 5.2 Tarif & Caj Bank:

- Pelanggan mengakui bahawa yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank boleh didapati dalam Tarif dan Caj Bank di laman web Bank di [https://www.alrajhibank.com.my/images/page\\_pdfs/All-Fees-Charges2.pdf](https://www.alrajhibank.com.my/images/page_pdfs/All-Fees-Charges2.pdf) (sebagaimana yang dikemas kini dari semasa ke semasa) dan membentuk sebahagian daripada Terma & Syarat Am yang mengikat Pelanggan.
- Bank berhak mengenakan dan/atau menyemak semula yuran dan caj tersebut dari semasa ke semasa, termasuk mana-mana yuran, komisen, caj yang perlu dibayar kepada mana-mana Penjaga/Sub-Penjaga atau ejen/sub-ejen sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank dan mendebitkan yuran dan caj yang dikenakan ke dalam mana-mana akaun Pelanggan.

- 5.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga boleh mengekalkan untuk diri mereka sendiri (tanpa kewajipan untuk menjelaskan kepada Pelanggan) semua atau mana-mana bahagian daripada komisen, diskaun, yuran atau sebaliknya yang mana Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga boleh menerima daripada mana-mana Dana atau Pengurus atau orang lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan atau transaksi lain yang dilakukan atau dijalankan untuk atau bagi pihak Pelanggan.

## 6. RISIKO

### 6.1 Pelanggan:

- mengakui bahawa pelaburan atau langganan dalam mana-mana sekuriti termasuk Unit Dana adalah tertakluk kepada risiko (termasuk, tetapi tidak terhad kepada risiko pasaran dan kemungkinan kehilangan modal atau amaun pokok yang dilaburkan);
- mengakui bahawa Pelanggan akan bertindak semata-mata atas analisis, pertimbangan dan keputusan bebas Pelanggan sendiri atau apabila mendapatkan nasihat kewangan atau profesional bebas berkenaan dengan Perkhidmatan; dan
- mewakili dan menjamin bahawa Pelanggan memahami dan menyedari sepenuhnya terhadap risiko tersebut.

- 6.2 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk sebarang kesilapan, salah nyata atau ketinggalan dalam mana-mana prospektus atau prospektus Induk, bahan atau Maklumat yang disediakan oleh atau dikeluarkan oleh mana-mana Dana atau Pengurus.

### 6.3 Bank:

- tidak menasihati atau mencadangkan sama ada untuk melabur dalam mana-mana Dana atau tidak;
- tidak menasihati mengenai prestasi mana-mana Dana; dan
- melarang kakitangan jualan berlesennya daripada memberikan nasihat, membimbing, mengesyorkan atau membuat cadangan sama ada secara langsung atau tidak langsung

mengenai pemilihan Dana atau Pengurus tanpa melakukan penilaian kesesuaian terhadap Pelanggan, dan tidak menanggung tanggungjawab atau liabiliti kepada Pelanggan untuk keputusan pelaburan Pelanggan, walau bagaimanapun yang diperoleh. Kewajipan Bank kepada Pelanggan adalah untuk melaksanakan dan melengkapkan transaksi berdasarkan Arahan Pelanggan pada terma dan syarat terkandung di sini sahaja.

## **7. INDEMNITI**

- 7.1 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga dan kakitangan Bank/Penjaga/Sub-Penjaga masing-masing terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung atau dialami dalam melaksanakan penyediaan Perkhidmatan atau dalam penguatkuasaan hak Bank/Penjaga/Sub-Penjaga, melainkan kerugian tersebut telah ditanggung akibat daripada kecuaiian yang melampau atau pelanggaran kewajipan yang disengajakan oleh Bank/Penjaga/Sub-Penjaga dan/atau kakitangan masing-masing.
- 7.2 Bank, Penjaga dan/atau Sub-Penjaga dan kakitangan masing-masing tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan:
- untuk sebarang tindakan atau ketinggalan, atau pelepasan apa-apa tugas yang berkaitan dengan Perkhidmatan yang disediakan, melainkan kerugian tersebut telah ditanggung akibat daripada kecuaiian yang melampau atau pelanggaran kewajipan yang disengajakan oleh Bank/Penjaga/Sub-Penjaga dan/atau kakitangan masing-masing; atau
  - untuk sebarang kerugian atau kegagalan/kelewatan dalam mematuhi kewajipan di bawah terma-terma ini yang disebabkan oleh mana-mana tindakan keganasan yang sebenar atau cubaan, penularan wabak, perang, bencana alam, pertikaian industri, keadaan cuaca buruk, kegagalan sistem komunikasi/ komputer/elektronik (sama ada milik Bank/Penjaga/Sub-Penjaga atau tidak), tindakan Tuhan atau apa-apa keadaan di luar kawalan munasabah Bank/Penjaga/Sub-Penjaga.
- 7.3 Bank, Penjaga, dan/atau Sub-Penjaga tidak perlu memulakan, mempertahankan atau mengekalkan sebarang tindakan undang-undang untuk atau bagi pihak Pelanggan. Sekiranya Bank bersetuju untuk berbuat demikian, Pelanggan harus memberikan ganti rugi untuk semua kos dan liabiliti yang timbul mengikut terma-terma yang diperlukan oleh Bank/Penjaga/Sub-Penjaga.
- 7.4 Terma dan ganti rugi di sini tidak terpakai untuk mengecualikan atau menyekat mana-mana liabiliti yang dilarang oleh undang-undang Malaysia.
- 7.5 Tiada tindakan, kelewatan atau ketinggalan oleh Bank dalam melaksanakan mana-mana hak atau kuasa di sini akan diambil sebagai pengecualian oleh Bank, melainkan jika pengecualian itu telah disahkan oleh Bank secara bertulis.
- 7.6 Mana-mana terma atau syarat di sini yang tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan terma dan syarat yang lain dalam bidang kuasa masing-masing dan/atau mana-mana bidang kuasa lain di mana terma atau syarat itu adalah sah.

## **8. KEBENARAN**

- 8.1 Selepas kebenaran/arahan awal Pelanggan, Pelanggan memberikan kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada Bank atau wakil yang dilantik oleh Bank, tanpa sebarang rujukan atau persetujuan lanjut daripada Pelanggan, untuk melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua perkara yang diperlukan, atas nama Pelanggan dan bagi pihak Pelanggan dalam penyediaan Perkhidmatan.

## **9 LAIN-LAIN**

- 9.1 Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa semua butiran yang diberikan kepada Bank, termasuk maklumat mengenai status pemastautin Pelanggan, adalah tepat dan lengkap, dan selanjutnya bersetuju untuk memberitahu Bank dengan segera mengenai sebarang perubahan dalam butiran Pelanggan atau akaun Pelanggan dan akaun unit amanah dengan Bank secara bertulis atau melalui saluran yang disediakan oleh Bank.
- 9.2 Sementara menunggu penerimaan notis sedemikian oleh Pelanggan, Bank akan menghantar semua komunikasi ke alamat dan/atau nombor terkini yang dinyatakan dalam rekod Bank dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

### **Pematuhan Syariah**

- 9.3 Bank hanya mengedarkan pelan dana/unit amanah/pelaburan yang patuh Syariah sahaja ("portfolio Patuh Syariah").
- 9.4 Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa Bank:
- hanya bertindak sebagai pengedar portfolio Patuh Syariah;
  - tidak menanggung tanggungjawab atau liabiliti ke atas prestasi atau tahap pematuhan Syariah portfolio Patuh Syariah;
  - hanya bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada Pelanggan maklumat mengenai portfolio Patuh Syariah sebagaimana yang disediakan oleh Pengurus secepat yang munasabah.

## **10. TIDAK EKSKLUSIF**

- 10.1 Pelanggan bersetuju bahawa Perkhidmatan di sini adalah disediakan kepada Pelanggan secara tidak eksklusif.

## **11. PENAMATAN**

### **Penamatan oleh mana-mana pihak**

- 11.1 Mana-mana pihak boleh menamatkan Perkhidmatan ini dengan memberikan notis satu bulan secara bertulis kepada pihak lain.
- 11.2 Selepas penamatan:
- pelanggan hendaklah membuat penyusunan untuk mengosongkan Unit Pelanggan daripada akaun Penjaga dan/atau Sub-Penjaga sebelum tamat tempoh notis;
  - jika Pelanggan gagal atau mengabaikan untuk berbuat demikian, Bank boleh, atas kos dan liabiliti Pelanggan, mengambil semua langkah yang diperlukan untuk memindahkan, mengeluarkan atau menebus baki Unit-unit tersebut di dalam akaun Pelanggan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank.

### **Penamatan Arahan Pengurus/Dana**

- 11.3 Bank harus memberitahu Pelanggan dan mendapatkan arahan Pelanggan mengenai sebarang arahan yang diberikan oleh Pengurus Dana untuk melepaskan, memindahkan atau melupuskan mana-mana Unit Pelanggan dalam mana-mana Dana berdasarkan terma dan syarat yang mengawal operasi Dana tersebut.
- 11.4 Jika Pelanggan gagal memberikan maklum balas dalam masa yang ditetapkan oleh Bank, Bank harus, atas kos dan liabiliti Pelanggan, meneruskan penebusan atau pemindahan seperti yang diarahkan oleh Pengurus, dan jika berkenaan, mengkreditkan hasil yang diterima ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan dengan Bank atau dengan cara lain.

**Akibat Penamatan**

- 11.5 Dalam semua kes, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat penamatan Akaun Pelanggan.
- 11.6 Semua hak terakru dan liabiliti yang ditanggung sebelum tarikh penamatan tidak akan terjejas oleh penamatan tersebut dan akan kekal berkuatkuasa.
-

## B. Terma dan Syarat Khusus yang dikenakan untuk Produk Berstruktur-i

Tidak Dilindungi oleh PIDM

### MAKLUMAT AM

Terma dan syarat berikut mentadbir pelaburan Pelanggan dalam Produk Berstruktur-i. Dengan melabur dalam Produk Berstruktur-i, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Khusus ini yang dikenakan untuk Produk Berstruktur-i ("**Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i**").

#### 1. DEFINISI

Definisi

- "Peristiwa Gangguan"** : bermaksud sebarang peristiwa yang kami percaya, dengan niat baik, mempunyai kesan buruk yang ketara terhadap Produk Berstruktur-i, termasuk
- (a) Peristiwa Force Majeure;
  - (b) Perubahan Undang-undang;
  - (c) Peristiwa Gangguan Mata Wang;
  - (d) Peristiwa Percukaian;
  - (e) Gangguan Lindung Nilai;
  - (f) Peningkatan Kos Lindung Nilai;
  - (g) Peristiwa Luar Biasa; atau
  - (h) sebarang peristiwa yang dinyatakan secara khusus dalam Lembaran Terma Induk dan/atau Pengesahan.
- "Perubahan Undang-undang"** berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud bahawa pada atau selepas Tarikh Terbitan (sepertimana yang dinyatakan dalam Pengesahan) (i) disebabkan pelaksanaan atau sebarang perubahan dalam mana-mana undang-undang atau peraturan yang digunakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana undang-undang percukaian), atau (ii) disebabkan pengisytiharan atau sebarang perubahan tafsiran oleh mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa kawal selia yang memiliki bidang kuasa kompeten terhadap mana-mana undang-undang atau peraturan yang digunakan (termasuk apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa percukaian), Bank berpendapat dengan niat baik bahawa (a) ia akan atau terdapat kemungkinan besar bahawa ia akan menyalahi undang-undang, atau adalah menjadi suatu kesalahan di sisi undang-undang, untuknya memegang, memperoleh atau melupuskan kedudukan lindung nilai yang berkaitan atau mengekalkan sebarang urus niaga, kedudukan atau urusan yang melindungi nilai pendedahan risikonya berikutan reka bentuk Produk Berstruktur-i dan/atau (b) Bank akan menanggung peningkatan kos yang sangat tinggi dalam melaksanakan kewajibannya berhubung dengan Produk Berstruktur-i (termasuk tetapi tidak terhad kepada, disebabkan sebarang peningkatan dalam liabiliti cukai, pengurangan faedah cukai atau kesan buruk lain terhadap kedudukan cukai).
- "Pengesahan"** : bermaksud notis bertulis (termasuk teleks, faksimile atau kaedah elektronik lain) yang diberikan kepada Pelanggan oleh Bank bagi

mengesahkan dan membuktikan syarat-syarat khusus bagi sesuatu Produk Berstruktur-i.

**“Peristiwa Gangguan Mata Wang”**

: berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud berlakunya sesuatu peristiwa atau pengisytiharan rasmi tentang sesuatu peristiwa yang memberi kesan terhadap satu jenis mata wang atau lebih, dan Bank menetapkan (dengan cara yang wajar dari sudut komersial) bahawa peristiwa ini akan memberi kesan ketara dengan mengganggu atau menjejaskan keupayaannya untuk memenuhi kewajipannya dalam urusan penyelesaian pertukaran mata wang untuk Produk Berstruktur-i, atau dalam urusan penyelesaian, penyempurnaan atau lindung nilai Produk Berstruktur-i itu.

**“Peristiwa Luar Biasa”**

: berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud sebarang peristiwa yang berlaku pada aset pendasar (underlying asset)

- (a) yang lazimnya akan menyebabkan pelarasan harga yang ditetapkan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan pelarasan, atau penamatan urus niaga atau aset yang dianggap perlu atau sesuai oleh Bank untuk melindungi nilai harga, kecairan atau risiko ekonomi lain yang dihadapi oleh Bank sewaktu memasuki dan melaksanakan kewajipannya di bawah Produk Berstruktur-i);
- (b) yang lazimnya akan menyebabkan pelarasan jumlah keseluruhan aset pendasar bagi Produk Berstruktur-i;
- (c) jika berkenaan, yang memerlukan Bank untuk membuat pelarasan di bawah peraturan platform tukaran, seolah-olah Produk Berstruktur-i didagangkan melalui platform pertukaran yang dirujuk;
- (d) sekiranya aset pendasar yang berkenaan telah menjalani proses pembahagian, penggabungan atau penyusunan semula;
- (e) sekiranya entiti yang telah menerbitkan aset pendasar itu membuat terbitan bonus, pengagihan melalui pemulangan modal atau terbitan hak atau pengagihan khas (contohnya dividen khas) atau mengubah struktur modalnya;
- (f) sekiranya entiti yang menerbitkan aset pendasar itu akan menjalani proses pengambilalihan atau akan bergabung atau disatukan dengan entiti lain atau memasuki skim pengaturan atau memindahkan semua atau sebahagian besar semua asetnya kepada entiti lain;
- (g) sekiranya aset pendasar itu terdiri daripada syer yang separa dibayar dan tawaran telah dibuat ke atas syer yang separa dibayar itu;
- (h) yang pada pendapat Bank (dengan cara yang wajar dari sudut komersial), berpotensi menurunkan atau meningkatkan nilai teori aset pendasar itu;
- (i) sekiranya entiti yang menerbitkan aset pendasar itu mengalami atau telah dikenakan tindakan insolvensi utama, pemulihan atau kawal selia oleh penguatkuasa, penyelia atau mana-mana pegawai yang mempunyai kuasa sama dalam bidang kuasa pemerbadanan atau organisasi entiti tersebut atau bidang kuasa ibu pejabat atau pejabat utamanya, atau entiti tersebut akur dengan prosiding yang menuntut penghakiman insolvensi atau

kebankrapan atau apa-apa pelepasan lain di bawah mana-mana undang-undang kebangkrapan atau insolvensi atau undang-undang seumpamanya yang memberi kesan terhadap hak pemiutang, atau petisyen telah dikemukakan untuk penggulungan atau pembubaran syarikat olehnya atau oleh penguatkuasa, penyelia atau pegawai yang serupa atau ia bersetuju dengan petisyen sedemikian, atau resolusi telah diluluskan atau pengumuman telah diisytiharkan untuk pembubaran atau penamatan entiti tersebut, atau suatu prosiding terhadap entiti itu telah dimulakan yang menuntut penghakiman insolvensi atau kebangkrapan atau apa-apa pelepasan lain di bawah mana-mana undang-undang kebangkrapan atau insolvensi atau undang-undang seumpamanya yang memberi kesan terhadap hak pemiutang, atau petisyen dikemukakan untuk penggulungan atau pembubaran syarikatnya oleh pemiutang dan prosiding sedemikian tidak ditolak, dilepaskan, digantung atau dihalang, dalam setiap kes, dalam tempoh 30 hari dari mula tindakan itu dikenakan atau dikemukakan;

- (j) sekiranya aset pendasar telah dikeluarkan daripada senarai platform pertukaran yang dirujuk;
- (k) sekiranya semua aset pendasar, atau semua aset milik entiti yang menerbitkan aset pendasar itu, atau sebahagian besar semua aset entiti itu ditadbir di bawah kawalan kerajaan, dirampas atau perlu dipindahkan kepada mana-mana agensi, pihak berkuasa atau entiti kerajaan; atau
- (l) yang pada pendapat Bank (dengan cara yang wajar dari sudut komersial), telah memberi kesan negatif dengan mengubah atau menukar pengiraan atau penentuan pulangan pelaburan atau amaun penyelesaian Produk Berstruktur-i atau hak atau kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh Bank sewaktu menawarkan Produk Berstruktur-i itu.

**“Peristiwa Force Majeure”**

: bermaksud peristiwa yang kami tentukan (dengan cara yang wajar dari sudut komersial) sebagai di luar kawalan munasabah kami, seperti

- (a) sebarang bentuk kawalan atau sekatan tukaran atau modal yang menjejaskan ketersediaan, kebolehtukaran atau kebolehpindahan aset pendasar Produk Berstruktur-i atau Produk Berstruktur-i itu sendiri;
- (b) sebarang bentuk hutang atau moratorium lain dalam mana-mana bidang kuasa yang terbatas (sama ada tempatan atau antarabangsa);
- (c) sebarang penurunan nilai, denominasi semula atau penyahwangian (demonetisation) aset pendasar Produk Berstruktur-i;
- (d) sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan atau sebarang perubahan dalam tafsiran atau penguatkuasaan mana-mana undang-undang atau peraturan;
- (e) kerosakan atau kegagalan penghantaran atau komunikasi data atau kemudahan komputer;

- (f) pandemik, sabotaj, kebakaran, banjir, taufan, ribut, tsunami, letupan, bahaya semula jadi, kekecohan awam, mogok atau sebarang bentuk tindakan perusahaan, rusuhan, pemberontakan, peperangan atau tindakan kerajaan;
- (g) perubahan buruk yang ketara dari aspek monetari, politik, kewangan (termasuk keadaan dalam mana-mana pasaran kewangan) atau keadaan ekonomi, sama ada di Malaysia atau di negara lain; atau
- (h) kegagalan mana-mana rakan niaga untuk melaksanakan kewajibannya di bawah mana-mana transaksi lindung nilai yang ditetapkan berhubung dengan Produk Berstruktur-i.

**“Gangguan Lindung Nilai”** : berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud bahawa Bank tidak berupaya atau sudah tidak lagi praktikal bagi Bank, selepas melakukan usaha yang wajar dari sudut komersial, untuk (i) memperoleh, memulakan, menyambung semula, menggantikan, mengekalkan, melepaskan atau melupuskan sebarang urus niaga atau aset yang dianggap perlu atau sesuai oleh Bank untuk melindungi nilai harga, kecairan atau risiko ekonomi lain yang dihadapi oleh Bank sewaktu memasuki dan melaksanakan kewajibannya di bawah Produk Berstruktur-i atau (ii) secara bebas merealisasikan, mendapatkan semula, menghantar, menerima, menghantar balik atau memindahkan hasil daripada mana-mana transaksi atau aset sedemikian, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jika ketidakupayaan atau ketakbolehlaksanaan itu timbul disebabkan sebarang sekatan atau kenaikan caj atau bayaran yang dikenakan ke atas keupayaan pelabur untuk menebus atau merealisasikan hasil daripada urus niaga atau aset yang berkaitan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya.

**“Peningkatan Kos Lindung Nilai”** : berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud bahawa Bank akan menanggung peningkatan ketara (berbanding keadaan pada Tarikh Terbitan) dari aspek jumlah cukai, duti, perbelanjaan atau fi (selain komisen broker) untuk (i) memperoleh, memulakan, menyambung semula, menggantikan, mengekalkan, melepaskan atau melupuskan sebarang urus niaga atau aset yang dianggap perlu oleh Bank untuk melindungi nilai harga, kecairan atau risiko ekonomi lain yang dihadapi oleh Bank sewaktu melaksanakan kewajibannya di bawah Produk Berstruktur-i atau (ii) merealisasikan, mendapatkan semula, menghantar, menerima, menghantar balik atau memindahkan hasil daripada mana-mana transaksi atau aset sedemikian.

**“Lembaran Terma Induk”** : bermaksud lembaran terma yang dikeluarkan oleh Bank kepada anda yang mengandungi terma-terma induk bagi Produk Berstruktur-i.

**“Pelabur Sofistikated”** : bermaksud pelabur yang memenuhi kriteria dalam **Lampiran 5**.

**“Produk Berstruktur-i”** : bermaksud mana-mana Instrumen Boleh Niaga Islamik pada Kadar Terapung (Floating Rate Islamic Negotiable Instruments, **FRINI**), pelaburan dwi mata wang, nota berstruktur atau produk pelaburan, yang diterbitkan oleh Bank dari semasa ke semasa, yang nilai dan/atau pulangnya bergantung pada prestasi aset pendasar atau dikira mengikut formula yang dikaitkan dengan prestasi sesuatu aset pendasar, dan yang ditadbir oleh Terma dan

Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini sebagaimana ditetapkan oleh Bank.

**“Peristiwa Percukaian”** : berhubung dengan Produk Berstruktur-i, ini bermaksud pelaksanaan, perubahan dalam atau pemansuhan mana-mana cukai ke atas aset pendasar yang berkenaan, atau diukur dengan merujuk kepada aset pendasar yang berkenaan, sekiranya kesan langsung berikutan pelaksanaan, perubahan atau pemansuhan itu akan meningkatkan atau menurunkan harga aset pendasar pada tarikh penilaian berkenaan berbanding harga aset tersebut tanpa pelaksanaan, perubahan atau pemansuhan itu.

## 2. SKOP

- 2.1 Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini menetapkan terma dan syarat khusus yang mentadbir Produk Berstruktur-i serta dimeterai antara anda dan Bank dari semasa ke semasa. Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini hendaklah dibaca bersama Pengesahan, Lembaran Terma Induk (yang turut mengandungi Pendedahan dan Ilustrasi Risiko) dan Helaiian Pendedahan Produk atau Helaiian Penting Produk (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- 2.2 Aset pendasar untuk Produk Berstruktur-i mungkin terdiri daripada mata wang, komoditi, ekuiti, dana, kadar atau gabungan mana-mana di atas seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan.
- 2.3 Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini, bersama dengan Terma dan Syarat Am, Lembaran Terma Induk dan Pengesahan merupakan satu-satunya perjanjian antara kita berhubung dengan Produk Berstruktur-i terbabit.
- 2.4 Jika terdapat sebarang peruntukan yang tidak konsisten antara dokumen-dokumen berikut berhubung dengan Produk Berstruktur-i, dokumen akan ditafsirkan mengikut susunan keutamaan berikut:
  - (a) Pengesahan;
  - (b) Lembaran Terma Induk;
  - (c) Terma-terma Perbankan Elektronik;
  - (d) Terma dan Syarat Kempen;
  - (e) Dokumen Permohonan;
  - (f) Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i; dan
  - (g) Terma dan Syarat Am.

dengan syarat mana-mana peruntukan dalam dokumen ini yang didapati tidak konsisten dengan mana-mana peraturan yang mengikat, undang-undang dan garis panduan Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia hendaklah, hanya untuk perkara yang tidak konsisten itu, dianggap sudah digantikan oleh keperluan kawal selia yang berkenaan.

## 3. PATUH SYARIAH

- 3.1 Anda bertanggungjawab membuat penilaian anda sendiri tentang pematuhan *Syariah* untuk Produk Berstruktur-i yang anda laburkan. Anda bersetuju tanpa syarat dan tanpa boleh ditarik balik bahawa anda tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan atau bantahan tentang hal-hal melibatkan ketidakpatuhan *Syariah* yang berkaitan atau berhubung dengan mana-mana Produk Berstruktur-i yang telah anda laburkan.

#### 4. TERMA & SYARAT AM

- 4.1 Produk Berstruktur-i ialah produk pelaburan yang dikaitkan dengan sesuatu rujukan dan bertujuan untuk memberikan pulangan yang berpotensi lebih tinggi berbanding deposit berjangka biasa. Produk Berstruktur-i mungkin dikaitkan dengan prestasi mata wang, kadar, dana, sekuriti ekuiti atau aset pendasar, kadar atau indeks lain. Terma-terma ekonomi Produk Berstruktur-i dinyatakan dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan bagi Produk Berstruktur-i tersebut.
- 4.2 Pelaburan anda adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang diperlukan oleh Bank termasuk kelayakan, umur, kapasiti, dokumen pengenalan, jumlah pelaburan minimum, kewarganegaraan, status cukai dan semakan latar belakang kredit. Bank mungkin meletakkan syarat-syarat yang berbeza untuk Pelanggan dalam kategori individu dan kategori entiti undang-undang.
- 4.3 Bank boleh menetapkan amaun pelaburan minimum. Maklumat tentang amaun pelaburan minimum itu tersedia dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan.
- 4.4 Bank boleh membenarkan Produk Berstruktur-i dibuat secara bersama setelah memenuhi kriteria kelayakan Bank.
- 4.5 Anda hendaklah membuka akaun pelaburan dengan Bank. Akaun ini mesti anda kekalkan kewujudannya, tertakluk kepada peraturan dan syarat yang kami tetapkan dari semasa ke semasa. Bank boleh membenarkan akaun pelaburan dibuka secara bersama, dan Produk Berstruktur-i dilaburkan oleh Pelanggan secara bersama, setelah memenuhi kriteria kelayakan Bank.
- 4.6 Anda hendaklah membuka, mengekalkan dan menetapkan akaun transaksi dengan Bank sepanjang tempoh langganan Produk Berstruktur-i. Bank diberi kuasa untuk menolak sebarang caj, kos, fi, amaun prinsipal atau apa-apa amaun lain yang perlu anda bayar berhubung dengan Produk Berstruktur-i daripada akaun transaksi ini atau mana-mana akaun anda yang dikekalkan dengan Bank. Anda bertanggungjawab memastikan ada dana yang mencukupi dalam akaun transaksi itu untuk tujuan langganan Produk Berstruktur-i sebelum waktu akhir (cut-off time) yang ditetapkan. Bank diberi kuasa untuk mengkreditkan sebarang pulangan pelaburan, penebusan atau hasil matang ke dalam akaun transaksi ini atau mana-mana akaun anda yang dikekalkan dengan Bank.
- 4.7 Bank berhak untuk menolak, membatalkan atau tidak meluluskan semua atau sebahagian syor pelaburan anda dalam mana-mana Produk Berstruktur-i pada atau sebelum Tarikh Terbitan yang dicadangkan sebagaimana dinyatakan dalam Lembaran Terma Induk tanpa sebarang kewajipan untuk mendedahkan sebabnya. Seterusnya, Bank akan memulangkan apa-apa dana yang diterima daripada anda (tanpa sebarang pulangan keuntungan) ke dalam akaun transaksi anda atau mana-mana akaun anda yang dikekalkan dengan Bank. Bank tidak menanggung sebarang kewajipan atau liabiliti berhubung dengan sebarang syor pelaburan dalam Produk Berstruktur-i yang ditolak.
- 4.8 Bank berhak untuk menolak, membatalkan atau tidak meluluskan syor pelaburan anda dalam mana-mana Produk Berstruktur-i sekiranya Produk Berstruktur-i itu kurang dilanggan; atau Produk Berstruktur-i itu tidak boleh ditawarkan berdasarkan parameter yang ditetapkan oleh Bank mengikut budi bicara mutlak Bank; atau sekiranya pasaran turun naik terlalu drastik untuk parameter yang ditetapkan dalam Lembaran Terma Induk. Seterusnya, Bank akan memulangkan apa-apa dana yang diterima daripada anda (tanpa sebarang pulangan keuntungan) ke dalam akaun transaksi anda atau mana-mana akaun anda yang dikekalkan dengan Bank. Bank tidak menanggung sebarang kewajipan atau liabiliti berhubung dengan sebarang syor pelaburan dalam Produk Berstruktur-i yang ditolak.
- 4.9 Pelanggan mesti memberikan arahan dan melakukan sebarang bentuk komunikasi lain mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, menahan diri daripada meluluskan atau bertindak atas sebarang arahan yang diterima melalui cara yang tidak boleh diluluskan oleh Bank. Setelah semua arahan diterima

oleh Bank, ia akan mengikat Pelanggan dan tidak boleh dibatalkan, ditarik balik atau dipinda melainkan Bank bersetuju untuk berbuat demikian mengikut budi bicaranya.

- 4.10 Produk Berstruktur-i akan diterbitkan pada harga par dalam bentuk satu sijil global yang boleh dibahagikan kepada sijil definitif untuk memudahkan pemindahan atau penebusan awal.
- 4.11 Pengedaran atau pemilikan Lembaran Terma Induk, Pengesahan dan Helaian Pendedahan Produk atau Helaian Penting Produk (mengikut mana-mana yang berkenaan) untuk Produk Berstruktur-i yang berkenaan di Malaysia atau dalam mana-mana bidang kuasa asing mungkin dibataskan oleh undang-undang. Kami tidak menanggung sebarang kewajipan atau liabiliti ke atas mana-mana orang berhubung dengan pengedaran atau pemilikan dokumen ini secara tanpa kebenaran di Malaysia atau dalam mana-mana bidang kuasa asing.

## 5. PENGISYTIHARAN DAN PENGESAHAN PELANGGAN

- 5.1 Apabila Produk Berstruktur-i hanya disediakan untuk Pelabur Sofistikated yang layak, anda mengisytiharkan bahawa anda memenuhi syarat-syarat dalam **Lampiran 5**.
- 5.2 Anda mengisytiharkan bahawa anda bukan “warga Amerika Syarikat (AS)” dan pada bila-bila masa tidak bertindak sebagai ejen atau proksi bagi pihak orang sedemikian berhubung dengan mana-mana Produk Berstruktur-i. Jika status anda seperti yang diterangkan di sini berubah atau kelihatan mungkin akan berubah, anda hendaklah memberitahu Bank secara bertulis dengan secepat yang mungkin dan dalam apa jua keadaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perubahan tersebut atau apabila anda menyedari kemungkinan berlakunya perubahan tersebut. Anda memahami bahawa Produk Berstruktur-i tidak boleh dipindahkan kepada pelabur lain yang merupakan warga AS.

*Definisi “Warga AS” merangkumi warganegara AS, penduduk AS dan pemegang Kad Hijau AS.*

- 5.3 Jika anda seorang individu, anda mengisytiharkan bahawa anda berumur lapan belas (18) tahun ke atas pada tarikh permohonan.
- 5.4 Anda mengesahkan bahawa anda mempunyai keupayaan, kapasiti dan hak untuk melabur dalam Produk Berstruktur-i.
- 5.5 Anda mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Bank adalah benar, lengkap dan tepat.
- 5.6 Anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami Lembaran Terma Induk (yang turut mengandungi Pendedahan dan Ilustrasi Risiko) dan Helaian Pendedahan Produk atau Helaian Penting Produk (mengikut mana-mana yang berkenaan) bagi Produk Berstruktur-i yang anda langgan, dan salinannya telah diberikan kepada anda.
- 5.7 Anda menyedari tentang bayaran dan caj yang terlibat dalam pelaburan dan penebusan awal Produk Berstruktur-i. Maklumat ini tersedia dalam mana-mana Pengesahan, Lembaran Terma Induk, Helaian Pendedahan Produk atau Helaian Penting Produk (mengikut mana-mana yang berkenaan) bagi Produk Berstruktur-i yang anda langgan, dan salinannya telah diberikan kepada anda.
- 5.8 Anda memahami bahawa Produk Berstruktur-i bukan merupakan deposit bank dan tidak dilindungi oleh PIDM, dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada akaun deposit selamat untuk tujuan pelaburan dalam Produk Berstruktur-i tidak lagi dilindungi oleh PIDM. Produk Berstruktur-i tidak dijamin oleh pihak kami atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan kami. Apabila anda melabur dalam Produk Berstruktur-i, anda mengambil risiko dan terdedah kepada risiko kredit kami sebagai penerbit. Oleh itu, anda bergantung pada keupayaan kami untuk membayar pulangan pelaburan dan amaun prinsipal pada tarikh matang. Jika Bank tidak lagi mampu membayar atau tidak memenuhi kewajibannya di bawah Produk Berstruktur-i, anda

hanya boleh membuat tuntutan sebagai pemiutang tidak bercagar dengan Bank. Dalam senario yang paling buruk, anda mungkin kerugian semua amaun prinsipal yang anda laburkan.

- 5.9 Anda memahami bahawa melainkan Produk Berstruktur-i dinyatakan sebagai pelaburan yang dilindungi prinsipal (dan dikekalkan sehingga matang), keputusan anda untuk melabur dalam Produk Berstruktur-i mungkin mengakibatkan kehilangan prinsipal. Anda menyedari bahawa Produk Berstruktur-i yang dilindungi prinsipal adalah tertakluk kepada tempoh pegangan minimum sepertimana yang dinyatakan dalam Pengesahan atau mesti dikekalkan sehingga matang. Anda tidak berhak mendapat manfaat perlindungan sekiranya berlaku penebusan awal atau penamatan awal yang mungkin menyebabkan anda menerima amaun yang lebih rendah daripada pelaburan awal anda.
- 5.10 Produk Berstruktur-i boleh menjadi rumit dan tidak sesuai untuk semua pelabur. Anda menyedari bahawa pelaburan adalah tertakluk kepada risiko dan bahawa pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Kami mungkin telah menyatakan beberapa risiko ini dalam Pengesahan, Lembaran Terma Induk (yang turut mengandungi Pendedahan dan Ilustrasi Risiko) dan Helaian Pendedahan Produk atau Helaian Penting Produk (mengikut mana-mana yang berkenaan). Walau bagaimanapun, adalah mustahil untuk kami memperincikan semua risiko yang mungkin timbul. Dalam hal ini, anda mengesahkan bahawa Bank telah menasihati anda supaya berunding dengan penasihat kewangan bebas bagi membantu anda memahami risiko yang berkaitan dengan Produk Berstruktur-i.
- 5.11 Anda mengesahkan bahawa anda mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang secukupnya atau telah menerima nasihat profesional supaya anda boleh membuat penilaian sendiri tentang merit dan risiko Produk Berstruktur-i. Anda mengesahkan bahawa anda (atau melalui penasihat profesional anda) memahami sepenuhnya risiko terbabit dan bersedia menerima semua risiko sedemikian. Anda juga mengesahkan bahawa anda telah membuat keputusan anda sendiri secara bebas (termasuk keputusan yang dibuat berdasarkan rundingan dengan penasihat profesional anda) berhubung dengan Produk Berstruktur-i tanpa bergantung pada sebarang nasihat, pendapat atau maklumat yang dinyatakan oleh mana-mana sekutu, wakil atau pekerja Bank, atau syarikat yang berkaitan dengannya. Tiada apa pun dalam maklumat kami dan/atau bahan-bahan kami yang dibekalkan kepada anda, mahupun sebarang penilaian kesesuaian yang dijalankan untuk anda, akan ditafsirkan sebagai nasihat pelaburan.
- 5.12 Anda memahami bahawa prestasi lampau mana-mana pelaburan tidak mencerminkan prestasi masa hadapannya. Bank tidak menanggung sebarang kewajipan atau liabiliti berkaitan prestasi mana-mana Produk Berstruktur-i atau atas sebarang kerugian berikutan keputusan anda untuk melabur dalam mana-mana produk tersebut.
- 5.13 Anda memahami bahawa Produk Berstruktur-i tidak dijamin boleh menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada deposit tradisional dan/atau produk pelaburan lain.
- 5.14 Anda memahami bahawa anda seharusnya tidak meletakkan dana yang keterlaluan dalam satu jenis pelaburan sahaja, berbanding nisbah keseluruhan portfolio anda, untuk mengelakkan pendedahan yang terlalu tinggi kepada sebarang risiko pelaburan.
- 5.15 Anda mengesahkan bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan fidusiari terhadap anda, malah Bank juga tidak berkewajipan dan tidak akan memberi anda sebarang nasihat atau syor mengenai undang-undang, pengendalian akaun, pengendalian cukai, pengendalian kawal selia, atau risiko dan merit mana-mana Produk Berstruktur-i yang terpilih. Sekiranya apa-apa nasihat atau syor sedemikian diberikan oleh mana-mana sekutu, wakil atau pekerja Bank, atau syarikat yang berkaitan dengannya, anda bersetuju bahawa nasihat atau syor sedemikian diberikan atau dibuat tanpa sebarang tanggungjawab di pihak kami dan atas dasar bahawa anda akan membuat penilaian anda sendiri mengikut pertimbangan anda sendiri.
- 5.16 Anda memahami bahawa Ilustrasi (dalam Lembaran Terma Induk) yang diberikan kepada anda mungkin mengandungi sejarah prestasi aset pendasar dan analisis senario tentang potensi pendedahan anda kepada pergerakan pasaran. Analisis senario disediakan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai pandangan atau ramalan kami mengenai pergerakan pasaran pada masa ini atau masa hadapan. Anda menyedari bahawa Ilustrasi tersebut tidak

mencerminkan segala kemungkinan hasil pelaburan anda dan mungkin tidak menggambarkan semua faktor yang boleh menjejaskan nilai pelaburan anda. Sejarah prestasi aset pendasar bukanlah petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

- 5.17 Anda memahami bahawa Produk Berstruktur-i bertujuan untuk dipegang atau dikekalkan sehingga matang dan anda tidak boleh melakukan sebarang penebusan pramatang tanpa kebenaran kami. Kami mungkin bersetuju dengan penebusan pramatang anda mengikut budi bicara mutlak kami dan mengikut terma dan syarat yang mungkin kami tetapkan. Anda bersetuju bahawa sebarang penebusan pramatang mungkin bergantung pada keupayaan kami untuk menyempurnakan penamatan apa-apa lindung nilai atau pengaturan yang berkenaan.
- 5.18 Anda memahami bahawa anda perlu mematuhi dasar pertukaran asing (foreign exchange policy, **FEP**) yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia untuk pelaburan dalam aset mata wang asing. Jika status pemastautin dan status pematuhan anda berubah, anda hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perubahan tersebut atau apabila anda menyedari kemungkinan berlakunya perubahan tersebut.

## **6. PENILAIAN KESESUAIAN**

- 6.1 Sebelum anda melabur dalam mana-mana Produk Berstruktur-i, kami mungkin melakukan penilaian kesesuaian pelabur ke atas anda dan mungkin meminta maklumat yang berkaitan untuk membolehkan kami menilai profil pelaburan anda dan kesesuaian produk pelaburan untuk anda. Anda mengakui bahawa jika anda menyembunyikan maklumat yang relevan daripada kami atau memberikan maklumat yang tidak tepat kepada kami, ia mungkin menghalang proses penilaian kesesuaian kami.

## **7. LEMBARAN TERMA INDUK DAN PENGESAHAN**

- 7.1 Bank berhak untuk meminda, dengan memberi notis awal kepada anda, Lembaran Terma Induk sebelum Tarikh Terbitan yang dicadangkan tanpa sebarang kewajipan untuk mendedahkan sebabnya. Semua terma ekonomi yang terkandung dalam Lembaran Terma Induk adalah petunjuk sahaja dan mungkin berbeza mengikut perubahan dalam keadaan pasaran.
- 7.2 Terma dan syarat bagi setiap Produk Berstruktur-i hendaklah dipersetujui sebelum ia dimulakan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan disahkan melalui Pengesahan yang akan kami berikan kepada anda dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan dari Tarikh Terbitan. Jika dikehendaki oleh pihak kami, anda hendaklah menandatangani dan mengembalikan Pengesahan tersebut kepada kami dengan segera, dan dalam apa jua keadaan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak kami.
- 7.3 Anda hendaklah segera memeriksa semua maklumat yang tertera dalam setiap Pengesahan. Terma yang dinyatakan dalam setiap Pengesahan akan dianggap sebagai telah dipersetujui oleh anda melainkan Bank menerima notis bertulis daripada anda tentang sebarang kesilapan dalam dokumen itu dalam tempoh 24 jam dari masa Pengesahan tersebut diterima. Tertakluk kepada sebarang notis sedemikian daripada anda, semua Pengesahan adalah terakhir dan muktamad serta mengikat anda, jika tiada kesilapan yang nyata.
- 7.4 Anda bersetuju untuk segera membayar kepada Bank, jika berkenaan, amaun prinsipal dan apa-apa jumlah berkaitan Produk Berstruktur-i yang perlu anda bayar sepertimana dinyatakan dalam atau ditetapkan mengikut Pengesahan atau Lembaran Terma Induk.

## **8. PEMULANGAN**

- 8.1 Jika Pengesahan dan Lembaran Terma Induk menyatakan bahawa terdapat pulangan pelaburan, maka pulangan pelaburan itu (jika ada) akan dikira dengan merujuk kepada

dan/atau bergantung pada prestasi aset pendasar pada titik masa dan mengikut cara yang ditetapkan dalam Pengesahan dan Lembaran Terma Induk berkaitan Produk Berstruktur-i itu.

- 8.2 Pulangan pelaburan (jika ada) hendaklah dibayar mengikut kekerapan sebagaimana dinyatakan dalam Pengesahan dan Lembaran Terma Induk berkaitan Produk Berstruktur-i itu dan melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pengesahan dan Lembaran Terma Induk, ia hendaklah dikreditkan ke dalam akaun transaksi anda atau mana-mana akaun bank lain yang dikekalkan dengan kami dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan.

## **9. PENYELESAIAN TUNAI**

- 9.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pengesahan dan Lembaran Terma Induk, Produk Berstruktur-i hanya boleh diselesaikan secara tunai. Tiada penyelesaian fizikal atau penyerahan aset pendasar akan dilakukan sewaktu penebusan atau tarikh matang. Penyelesaian fizikal, jika berkenaan, adalah tertakluk kepada terma dan syarat tambahan.
- 9.2 Anda memahami bahawa pelaburan dalam Produk Berstruktur-i adalah tidak sama seperti melabur secara terus dalam aset pendasar. Anda tidak mendapat sebarang hak pemilikan dan hak mengundi dalam aset pendasar itu. Pulangan pelaburan (jika ada) di bawah Produk Berstruktur-i tidak merangkumi apa-apa pulangan yang mungkin akan diterima oleh pelabur sekiranya pelabur tersebut melabur secara terus dalam aset pendasar itu.

## **10. PNEBUSAN PRAMATANG OLEH PELANGGAN**

- 10.1 Anda tidak boleh menamatkan dan menebus mana-mana Produk Berstruktur-i, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, sebelum ia matang tanpa kelulusan daripada kami. Kelulusan itu mungkin diberikan atau disekat mengikut budi bicara kami dan berdasarkan terma dan syarat yang mungkin kami kenakan mengikut budi bicara kami.
- 10.2 Produk Berstruktur-i ialah produk pelaburan yang bertujuan untuk dikekalkan sehingga matang. Anda memahami bahawa jika anda ingin membuat penebusan pramatang, anda mungkin kehilangan potensi pulangan pelaburan anda dan menerima amaun penebusan (jika ada) yang lebih rendah daripada pelaburan asal anda. Anda terdedah kepada potensi risiko kehilangan amaun prinsipal yang dilaburkan walaupun Produk Berstruktur-i dilindungi prinsipal. Ini adalah kerana manfaat perlindungan prinsipal tidak terpakai sekiranya Produk Berstruktur-i tidak dikekalkan sehingga matang atau memenuhi tempoh pegangan minimumnya. Anda juga akan kehilangan peluang untuk terlibat dalam apa jua prestasi positif seterusnya dalam aset pendasar dan tidak dapat merealisasikan sebarang potensi keuntungan nilai dalam Produk Berstruktur-i.

## **11. PENAMATAN PRAMATANG OLEH PIHAK BANK**

- 11.1 Produk Berstruktur-i anda mungkin ditamatkan lebih awal sebelum tarikh matang oleh pihak kami selaras dengan syarat-syarat dalam Pengesahan, Lembaran Terma Induk dan/atau Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini, contohnya apabila berlaku Peristiwa Gangguan atau Peristiwa Force Majeure, atau kami melaksanakan hak kami untuk menutup dan menamatkan akaun, produk atau perkhidmatan sepertimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am. Anda mengakui bahawa anda mungkin kehilangan potensi pulangan pelaburan anda dan menerima amaun penebusan (jika ada) yang lebih rendah daripada pelaburan asal anda. Anda terdedah kepada potensi risiko kehilangan amaun prinsipal walaupun Produk Berstruktur-i dilindungi prinsipal. Ini adalah kerana manfaat perlindungan prinsipal tidak terpakai sekiranya Produk Berstruktur-i tidak dikekalkan sehingga matang atau memenuhi tempoh pegangan minimumnya. Anda juga akan kehilangan peluang untuk terlibat dalam apa jua prestasi positif seterusnya dalam aset pendasar dan tidak dapat merealisasikan sebarang potensi keuntungan nilai dalam Produk Berstruktur-i.

## 12. PERISTIWA GANGGUAN

- 12.1 Apabila berlakunya Peristiwa Gangguan, kami boleh menentukan, mengikut budi bicara kami, sama ada pelarasan yang sesuai perlu dibuat kepada Produk Berstruktur-i untuk mengimbangi kesan ekonomi akibat peristiwa tersebut supaya Produk Berstruktur-i akan menjana hasil yang munasabah dari segi komersil dan tidak membawa impak ekonomi yang ketara terhadap Pelanggan dalam pegangan Produk Berstruktur-i tersebut. Jika kami mendapati bahawa pelarasan yang sesuai perlu dibuat, kami akan menetapkan tarikh kuat kuasa pelarasan itu, mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan pelarasan itu dan memaklumkan Pelanggan yang terjejas tentang sebarang pelarasan yang dilakukan.
- 12.2 Pelarasan atau langkah-langkah sedemikian mungkin merangkumi pelarasan ke atas sebarang amaun, tarikh, harga, pembayaran, penghantaran, penyelesaian, penamatan, penentuan atau penggantian aset pendasar yang terjejas, sebagaimana ditentukan wajar mengikut budi bicara Bank bagi mengimbangi kesan akibat Peristiwa Gangguan tersebut.
- 12.3 Dalam membuat sebarang pelarasan kepada Produk Berstruktur-i yang terjejas, kami akan bertindak dengan jujur dan dengan cara yang munasabah dari sudut komersial. Kami mungkin, tetapi tidak berkewajipan untuk, mempertimbangkan amalan pasaran yang wujud pada masa itu. Sebarang pelarasan yang dibuat oleh kami menurut perkara di atas adalah muktamad dan mengikat anda, melainkan berlaku penipuan atau kesilapan yang nyata.
- 12.4 Jika Bank menetapkan bahawa tiada pelarasan yang boleh menjana hasil yang munasabah dari segi komersil dan untuk menghalang impak ekonomi yang ketara terhadap Pelanggan yang melabur dalam Produk Berstruktur-i, Bank berhak untuk menamatkan dan menebus Produk Berstruktur-i itu. Jika Bank melaksanakan haknya untuk menamatkan produk itu, Pelanggan hendaklah dimaklumkan dengan sewajarnya dan Bank juga mesti, sebelum penebusan tersebut, membuat sebarang pelarasan kepada Produk Berstruktur-i mengikut kesesuaian bagi mengimbangi kesan akibat peristiwa itu terhadap Produk Berstruktur-i dan juga pengiraan amaun penebusan.

## 13. PENAMATAN DAN PENEBUSAN AWAL

- 13.1 **Hak untuk Menamatkan** Anda mengakui bahawa hak kami untuk menutup dan menamatkan akaun, produk atau perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am, juga terpakai kepada mana-mana baki Produk Berstruktur-i anda. Kami boleh melaksanakan hak ini dengan menamatkan dan melakukan penebusan awal ke atas baki Produk Berstruktur-i anda.
- 13.2 **Peristiwa Force Majeure, Perbuatan yang Menyalahi Undang-undang dan Tidak Praktikal**  
Jika kami menetapkan dengan niat yang baik bahawa:
- (a) kami telah dihalang atau disekat atau ditangguhkan oleh sebarang Peristiwa Force Majeure dalam melaksanakan kewajipan kami (secara keseluruhan atau sebahagiannya) berhubung dengan mana-mana Produk Berstruktur-i;
  - (b) jika ia menjadi (atau terdapat kemungkinan besar bahawa ia akan menjadi) kesalahan di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak praktikal bagi kami untuk melaksanakan kewajipan kami (secara keseluruhan atau sebahagiannya) berhubung dengan mana-mana Produk Berstruktur-i; atau
  - (c) jika ia menjadi (atau terdapat kemungkinan besar bahawa ia akan menjadi) kesalahan di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak praktikal bagi kami untuk memegang, memperoleh, berurusan atau melupuskan perjanjian lindung nilai (secara keseluruhan atau sebahagiannya) yang berkaitan dengan mana-mana Produk Berstruktur-i atau sebarang transaksi, aset atau kedudukan lain yang berkaitan dengan Produk Berstruktur-i,

semua kewajipan kami akan diketepikan dan digantung seandainya kewajipan tersebut telah dihalang, disekat, ditangguhkan atau telah menjadi kesalahan di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak praktikal. Di samping itu, dengan memberikan notis bertulis kepada anda, kami mungkin menamatkan dan melakukan penebusan awal ke atas Produk Berstruktur-i yang terjejas itu mengikut budi bicara kami.

- 13.3 **Peristiwa Penamatan Tambahan** Lembaran Terma Induk dan Pengesahan mungkin memperuntukkan peristiwa penamatan tambahan.
- 13.4 **Penamatan Automatik** Lembaran Terma Induk dan Pengesahan bagi Produk Berstruktur-i tertentu mungkin memperuntukkan bahawa tempoh Produk Berstruktur-i akan ditamatkan dan ditebus secara automatik sebelum tarikh matang sekiranya peristiwa penebusan automatik (autocall) berlaku. Sekiranya peristiwa penebusan automatik (autocall) sedemikian berlaku, anda akan dibayar amaun penebusan yang dinyatakan dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan.
- 13.5 **Amaun Penebusan** Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan, apabila Produk Berstruktur-i telah ditamatkan dan ditebus awal (termasuk permintaan untuk penebusan pramatang yang dibuat oleh Pelanggan), kami akan mengira amaun penebusan yang perlu dibayar kepada anda (jika ada) dengan jujur mengikut tarikh penamatan. Amaun penebusan boleh dilaraskan untuk mengambil kira sebarang kos, caj, fi, jumlah terakru, kerugian, penangguhan dan perbelanjaan berkaitan dengan penutupan sebarang perjanjian lindung nilai atau pembatalan mana-mana transaksi berkaitan yang telah dilaksanakan untuk memberikan pulangan pelaburan ke atas Produk Berstruktur -i. Kami akan membayar amaun penebusan itu ke dalam akaun transaksi anda atau mana-mana akaun bank anda yang dikekalkan dengan kami selepas ditolak semua jumlah yang perlu dibayar dan terhutang oleh anda kepada kami dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan. Jika amaun penebusan perlu dibayar oleh Bank, pembayaran amaun penebusan itu oleh Bank hendaklah dianggap sebagai penyempurnaan sepenuhnya kewajipan Bank di bawah Produk Berstruktur-i dan Bank tidak lagi menanggung kewajipan lanjut di dalamnya. Notis penebusan akan dihantar kepada anda sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan secara munasabah.

#### 14. TARIKH MATANG

- 14.1 Pulangan pelaburan (jika ada) tidak lagi terakru apabila matang.
- 14.2 Produk Berstruktur-i tidak boleh diperbaharui apabila matang.
- 14.3 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan, amaun penebusan berserta sebarang pulangan pelaburan akhir (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun transaksi anda atau mana-mana akaun bank lain yang dikekalkan dengan kami dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan.
- 14.4 Notis tarikh matang akan dihantar kepada anda sebaik sahaja ia boleh dilaksanakan secara munasabah.

#### 15. LIEN DAN PENOLAKAN

- 15.1 Anda mengakui bahawa hak kami untuk menolak, menggabungkan dan menyatukan akaun sebagaimana dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am hendaklah terpakai kepada Produk Berstruktur-i selagi mana-mana hutang anda kepada Bank masih belum dijelaskan (sama ada sebenar, luar jangka, masa kini atau masa hadapan, yang ditanggung secara perseorangan atau bersama, walaupun Produk Berstruktur-i dan hutang itu mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama).
- 15.2 Sebagai tambahan kepada hak kami untuk membuat penolakan dan tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang dimiliki oleh Bank di sisi undang-undang, Bank mempunyai hak lien ke atas semua Produk Berstruktur-i anda selagi mana-mana hutang anda kepada Bank masih tertunggak (sama ada sebenar, luar jangka, masa kini atau masa hadapan, yang ditanggung secara perseorangan atau bersama, walaupun Produk Berstruktur-i dan hutang itu mungkin tidak dinyatakan dalam mata wang yang sama).
- 15.3 Sebaik sahaja anda ingkar membayar hutang tersebut (yang kami tentukan mengikut budi bicara kami), kami berhak, tanpa memberikan notis selanjutnya kepada anda, untuk menamatkan lebih awal dan melupuskan, sama ada melalui penjualan paksa di pasaran

terbuka atau melalui penebusan, mana-mana Produk Berstruktur-i itu (walaupun mana-mana Produk Berstruktur-i itu belum matang) dan untuk menggunakan hasil jualan itu bagi membayar dan melunaskan semua atau mana-mana bahagian hutang anda kepada kami (untuk mengelakkan keraguan, ini termasuk semua kos, perbelanjaan dan caj yang dikenakan berhubung dengan pelupusan tersebut). Anda mengakui bahawa anda mungkin mengalami kerugian akibat daripada tindakan kami menutup, mencairkan, menolak, menebus atau merealisasikan mana-mana atau semua Produk Berstruktur-i anda itu sebelum tarikh matangnya. Sementara menunggu pelaksanaan hak kami untuk membuat lien dan penolakan, kami berhak menggantung pembayaran berhubung dengan Produk Berstruktur-i itu dan/atau menahan diri daripada akur dengan arahan anda untuk memindahkan, menarik balik atau menebus Produk Berstruktur-i itu.

- 15.4 Anda bersetuju untuk melakukan segala tindakan dan/atau melaksanakan semua dokumen yang mungkin diperlukan bagi mengekalkan, melindungi atau menyempurnakan hak kami untuk membuat lien dan penolakan terhadap Produk Berstruktur-i.
- 15.5 Jika hutang dinyatakan dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang akaun, kami akan melaksanakan pertukaran mata wang pada kadar pertukaran biasa kami.
- 15.6 Jika hutang itu bersifat luar jangka, Bank mungkin akan membayar apa-apa pulangan pelaburan dan hasil pelaburan yang matang ke dalam akaun transaksi yang anda tetapkan. Sejurus selepas pembayaran dibuat, Bank boleh menahan jumlah baki kredit tersebut dalam akaun transaksi yang anda tetapkan, setakat yang diperlukan bagi menampung liabiliti luar jangka itu.

## 16. PRINSIP SYARIAH

16.1 **Komoditi Murabahah melalui kaedah tawarruq.** Hubungan antara Bank dan Pelanggan berhubung dengan Produk Berstruktur-i ditadbir oleh prinsip-prinsip Syariah yang digunakan untuk penjualan *Murabahah* melalui kaedah tawarruq. *Murabahah* merujuk kepada transaksi penjualan dan pembelian aset dengan harga kos aset dan kadar keuntungan yang diketahui oleh pembeli. *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak pembelian dan penjualan. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertunda. Selepas itu, pembeli dalam penjualan pertama akan menjual aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta (spot basis) Mekanisme yang terlibat adalah:

- (a) anda membuat tawaran kepada kami dengan menyerahkan borang permohonan yang sudah siap diisi dan menguruskan pembayaran amaun prinsipal untuk melanggan Produk Berstruktur-i.
- (b) anda akan melantik ejen di bawah prinsip *Wakalah bil Ujrah* (agensi yang mengenakan bayaran), sebagaimana yang diterangkan dalam Klausa 16.2 di bawah, untuk membeli barang atau aset yang diluluskan oleh Lembaga *Syariah* pihak Bank kecuali emas, perak, mata wang, aset yang akan dibina atau dalam pembinaan dan aset yang bersifat hutang (**Komoditi**) pada harga belian (yang bersamaan dengan amaun prinsipal yang dibayar oleh anda) bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi (**Transaksi Pembelian**).
- (c) sekiranya tiada permintaan untuk penyerahan fizikal, maka sebaik sahaja selesai Transaksi Pembelian (termasuk penyempurnaan pindah milik dan pemilikan konstruktif Komoditi yang diwakili oleh sijil), ejen akan menjual Komoditi tersebut kepada Bank secara bayaran tertunda mengikut **Harga Jualan** yang dikira di bawah:
- (i) amaun prinsipal yang dilaburkan oleh Pelanggan; dan
- (ii) Jumlah Keuntungan Siling (dikira berdasarkan formula berikut)

**Jumlah Keuntungan Siling** = Amaun Prinsipal x Kadar Keuntungan Siling x Tempoh Produk Berstruktur-i (dalam tahun)

**Kadar Keuntungan Siling** = 30% p.a.

Bagi mengelakkan keraguan, istilah "Jumlah Keuntungan Siling" digunakan untuk menerangkan struktur asas Produk Berstruktur-i bagi memenuhi keperluan pematuhan

Syariah. Jumlah Keuntungan Siling tidak mewakili pulangan sebenar dalam pelaburan. Pulangan sebenar dalam pelaburan yang akan diterima oleh Pelanggan dengan melanggan Produk Berstruktur-i bergantung sepenuhnya kepada struktur pulangan dan pergerakan nilai rujukan.

- (d) Bank akan membayar pulangan pelaburan berkala (jika ada) di atas Harga Jualan mengikut amaun dan kekerapan yang dinyatakan dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan Produk Berstruktur-i apabila syarat-syarat yang terdapat di dalamnya telah dipenuhi.
- (e) jika berlaku situasi apabila tarikh matang dicapai atau penebusan Produk Berstruktur-i dilakukan, Bank hanya membayar pulangan pelaburan dalam jumlah terkumpul yang kurang daripada Jumlah Keuntungan Siling, Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank di atas baki bahagian keuntungan daripada Harga Jualan sepertimana yang ditentukan oleh Ejen Pengiraan (penentuan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda, kecuali dalam kes kesilapan yang nyata).
- (f) Bank hendaklah membayar baki Harga Jualan pada tarikh matang atau apabila penebusan Produk Berstruktur-i dilakukan.
- (g) jika berlaku situasi amaun penebusan yang perlu dibayar telah dilaraskan untuk mengambil kira sebarang kos, caj, fi, jumlah terakru, kerugian, penangguhan dan perbelanjaan berkaitan dengan penutupan sebarang perjanjian lindung nilai atau pembatalan mana-mana transaksi berkaitan yang telah dilaksanakan untuk memberikan pulangan pelaburan ke atas Produk Berstruktur-i, Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank di atas Harga Jualan sepertimana yang ditentukan oleh Bank (penentuan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda, kecuali dalam kes kesilapan yang nyata).
- (h) jika berlaku situasi amaun penebusan yang perlu dibayar adalah lebih tinggi daripada baki Harga Jualan, Bank boleh membayar amaun yang setara dengan perbezaan ini sebagai *Hibah* (ganjaran) kepada Pelanggan. Sebaliknya, jika amaun penebusan yang perlu dibayar adalah kurang daripada baki Harga Jualan, Pelanggan bersetuju untuk memberikan rebat kepada Bank pada jumlah yang bersamaan dengan perbezaan ini.
- (i) apabila Bank melaksanakan haknya untuk menamatkan dan menebus Produk Berstruktur-i mengikut terma-terma di sini, Bank dianggap telah memilih untuk membayar baki Harga Jualan lebih awal daripada tarikh pembayaran tertunda yang ditetapkan.
- (j) apabila Pelanggan meminta untuk membuat penebusan pramatang, Pelanggan dianggap telah menuntut pembayaran awal untuk baki Harga Jualan.
- (k) setiap kontrak jual dan beli Komoditi *Murabahah* mengikat secara automatik, tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh ditamatkan secara sebelah pihak oleh mereka yang terlibat dalam kontrak.
- (l) anda bersetuju bahawa Komoditi akan dibeli dan dijual oleh ejen atas dasar "seperti sedia ada", tanpa sebarang representasi atau waranti daripada ejen tentang kualiti, keadaan dan deskripsi, dan tanpa liabiliti terhadap ejen di atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecacatan, kecuali sekiranya berlaku salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma tertentu oleh ejen.
- (m) segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual akan dibebaskan daripada sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi itu dalam apa cara sekalipun. Sebarang kecacatan atau kegagalan dalam penyerahan atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan, dalam apa jua cara, menjejaskan atau membebaskan segala kewajipan atau akujanji pihak yang terlibat dalam kontrak.
- (n) **permintaan untuk penyerahan fizikal Komoditi** Sekiranya anda bercadang untuk meminta penyerahan fizikal Komoditi yang dibeli, anda hendaklah memastikan agar:
  - (i) anda memiliki lesen, permit, kelulusan dan kebenaran yang diperlukan untuk menerima penyerahan fizikal Komoditi tersebut selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan;
  - (ii) permintaan anda untuk menerima penyerahan fizikal Komoditi hendaklah dimaklumkan kepada ejen sebelum langganan anda; dan

- (iii) semua kos berkaitan dengan penyerahan fizikal Komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

16.2 **Wakalah bil Ujrah (Agensi yang mengenakan bayaran).** Wakalah bil Ujrah merujuk kepada pelantikan ejen oleh anda, dengan yuran dikenakan, untuk melaksanakan tugas tertentu bagi perkara-perkara yang mungkin diwakilkan.

Anda bersetuju dan akan melengkapkan borang pelantikan agensi untuk melantik Ejen. Kewajipan Ejen berkaitan dengan transaksi Komoditi *Murabahah* dinyatakan dalam borang pelantikan agensi tersebut.

Dengan menandatangani borang pelantikan agensi, anda mengakui dan bersetuju:

- (a) bahawa Al Rajhi Nominee (Tempatan) Sdn Bhd (Nombor Pendaftaran: 201001026991 (910910-A) (**Ejen**) akan menjadi Ejen anda untuk menjalankan peranan dan fungsi bebas serta melakukan tugas-tugas khusus bagi melancarkan proses langganan anda dalam Produk Berstruktur-i dan bukannya dalam mana-mana hal lain berdasarkan kontrak Wakalah bil Ujrah (agensi yang mengenakan bayaran). Ejen telah menubuhkan unit khusus yang dikenali sebagai "Unit Dagangan Komoditi" untuk memudahkan penyempurnaan transaksi Komoditi *Murabahah* bagi pihak anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- untuk membeli Komoditi bagi pihak anda daripada pedagang atau pembekal Komoditi secara tunai.
  - sekiranya anda tidak meminta penyerahan fizikal Komoditi tersebut, untuk menjual Komoditi tersebut kepada pihak Bank pada Harga Jual.
  - untuk melaksanakan segala tindakan bagi menyempurnakan transaksi Komoditi *Murabahah* selaras dengan Terma dan Syarat untuk Produk Berstruktur-i ini.
  - (jika berkenaan) untuk membenarkan sebarang rebat berkaitan yang dijana berdasarkan dokumen ini.
- (b) Ejen tidak akan gagal, atau tidak boleh dianggap telah gagal, sebarang kewajipan tambahan terhadap anda, atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan anda selain daripada peruntukan tertentu yang dibuat dalam borang pelantikan agensi.
- (c) bahawa anda masih akan bertanggungjawab sebagai prinsipal di bawah kontrak Komoditi *Murabahah* yang dimeterai oleh Ejen sewaktu mereka bertindak sebagai Ejen anda, kecuali dalam kes Ejen telah melakukan keingkaran yang disengajakan.
- (d) untuk membayar caj agensi (*Ujrah*) sebanyak RM1, yang dianggap telah diterima oleh Bank.
- (e) Ejen tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk melakukan sebarang transaksi atau mengikut apa-apa arahan anda sekiranya Ejen berpendapat bahawa perbuatan ini akan mengakibatkan Ejen melanggar atau mengingkari mana-mana undang-undang, dasar, kaedah atau peraturan.
- (f) Ejen boleh menjalankan peranan sebagai ejen untuk lebih daripada seorang pelanggan dan akan melaksanakan peranan untuk setiap pelanggan secara bebas. Untuk penjelasan, Ejen boleh membeli dan menjual Komoditi secara agregat.
- (g) anda akan menanggung rugi Ejen atas segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Ejen berikutan pelaksanaan peranannya sebagai ejen anda kecuali dalam situasi berlakunya salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma khusus oleh Ejen. Indemniti ini akan kekal berterusan walaupun perkhidmatan agensi telah ditamatkan.
- (h) pihak Bank dikehendaki memantau dan memastikan agar Ejen menjalankan kewajibannya dengan cekap dan profesional.
- (i) pelantikan Ejen akan ditamatkan apabila tarikh matang dicapai atau penebusan Produk Berstruktur-i dilakukan.

## **17. KETIDAKBOLEHGUNAAN DANA PAMPASAN PASARAN MODAL**

- 17.1 Anda memahami bahawa sebagai pelanggan Bank, anda tidak dilindungi oleh Dana Pampasan Pasaran Modal (Capital Market Compensation Fund, **CMCF**) yang diwujudkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). (Capital Markets and Services Act, **CMSA**).
- 17.2 Anda mengesahkan bahawa kami telah memaklumkan kepada anda bahawa
- (a) kami adalah orang berdaftar di bawah CMSA;
  - (b) CMCF tidak melindungi pelanggan yang telah mengalami kerugian kewangan akibat penyelewengan, atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara penipuan, yang dilakukan oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil orang berdaftar; dan
  - (c) sekiranya seseorang pelanggan kepada orang berdaftar mengalami kerugian sedemikian, pelanggan tersebut boleh membuat aduan kepada unit pengendalian aduan untuk orang berdaftar itu; dan
  - (d) mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati dengan keputusan orang berdaftar boleh merujuk kesnya kepada Ombudsman for Financial Services atau Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (tertakluk kepada perkara yang terangkum dalam bidang kuasa forum penyelesaian pertikaian berkenaan) dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima keputusan muktamad daripada orang berdaftar.

## **18. PEMINDAHAN DAN PENYERAHAN HAK**

- 18.1 Anda tidak boleh memindahkan, menyerahkan hak, menggadai janji, mewakili, memberi subkontrak, mengisytiharkan amanah ke atas, atau berurusan dalam apa jua cara lain, dengan mana-mana atau semua hak dan kewajipan anda di bawah Produk Berstruktur-i tanpa kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu. Batasan ini tidak dikuatkuasakan sekiranya ia bertentangan dengan undang-undang yang berkenaan. Kami berhak untuk memindahkan, menyerahkan hak atau mengubah mana-mana atau semua hak atau kewajipan kami di bawah Produk Berstruktur-i pada bila-bila masa tanpa kebenaran anda.
- 18.2 Jika undang-undang berkenaan menetapkan bahawa Produk Berstruktur-i boleh dipindah milik dan boleh didagangkan dalam pasaran sekunder, sebarang keputusan Pelanggan untuk memindahkan Produk Berstruktur-i itu mesti ditadbir oleh Klausula 18.2 ini, dalam hal
- (a) syor pemindahan adalah tertakluk kepada peraturan yang menghendaki pelabur baharu itu menepati penilaian kesesuaian oleh Bank, dan Bank berhak untuk menolak syor pemindahan tersebut sekiranya pelabur baharu tidak menepati penilaian kesesuaian Bank atau mana-mana kriteria lain yang ditentukan oleh Bank;
  - (b) syor pemindahan itu tidak menyebabkan Pelanggan dan pelabur baharu memegang jumlah pelaburan yang lebih rendah daripada had minimum yang mungkin ditetapkan oleh Bank;
  - (c) Pelanggan (bukan Bank) bertanggungjawab untuk mematuhi segala kewajipan yang dikenakan oleh undang-undang ke atas orang yang melakukan pemindahan sedemikian, termasuk semua amaran dan pendedahan risiko yang sewajarnya sepertimana dimaklumkan;
  - (d) berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemindahan, sebarang keuntungan atau pulangan lain ke atas Produk Berstruktur-i hanya akan dibayar kepada pelabur baharu pada tarikh keuntungan atau pulangan lain itu perlu dibayar; dan
  - (e) Pelanggan memahami bahawa tidak mungkin wujud pasaran sekunder cair untuk Produk Berstruktur-i yang membolehkan Pelanggan berdagang atau menjual Produk Berstruktur-i itu dengan mudah. Oleh itu, Produk Berstruktur-i harus dianggap sebagai pelaburan yang dipegang hingga tempoh matang dan bukannya instrumen perdagangan jangka pendek.

## **19. EJEN PENGIRAAN**

- 19.1 Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan, Bank akan bertindak sebagai ejen pengiraan bagi tujuan menentukan pelbagai jenis amaun yang perlu dibayar dan melaksanakan budi bicara yang sewajarnya berhubung dengan setiap Produk Berstruktur-i. Bank hendaklah melaksanakan kewajibannya sebagai ejen pengiraan dengan jujur dan dengan cara yang wajar dari sudut komersial. Segala keputusan ejen pengiraan adalah mengikat dan muktamad, kecuali dalam kes kesilapan yang nyata.

## **20. PERUBAHAN TERMA-TERMA EKONOMI**

- 20.1 Bank boleh, tanpa persetujuan Pelanggan, membuat sebarang pindaan kepada terma-terma ekonomi Produk Berstruktur-i yang pada pendapat mutlakinya tidak memudaratkan kepentingan Pelanggan dengan ketara; atau yang bersifat formal, kurang penting atau teknikal; atau yang dibuat untuk membetulkan kesilapan yang nyata; atau untuk mematuhi peruntukan yang diwajibkan oleh undang-undang; atau untuk memulihkan, membetulkan atau menambah sebarang peruntukan yang tidak memuaskan dalam Lembaran Terma Induk dan Pengesahan. Sebarang pindaan sedemikian akan mengikat Pelanggan dan akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan secepat mungkin. Kegagalan untuk memberi, atau ketakterimaan, notis sedemikian tidak akan menjejaskan kesahihan pindaan tersebut.

## **21. PERSETUJUAN UNTUK RAKAMAN AUDIO**

- 21.1 Kami mungkin merakam kandungan sebarang perbualan telefon dengan anda. Rakaman sedemikian akan dijadikan bukti tentang fakta dan isi kandungan arahan untuk anda dan komunikasi lain dengan anda dalam apa jua prosiding, aduan atau pertikaian berhubung dengan Produk Berstruktur-i.

## **22. PERCUKAIAN**

- 22.1 Pembayaran berhubung dengan Produk Berstruktur-i adalah tertakluk kepada cukai, duti, taksiran atau caj kerajaan yang berkenaan dalam apa jua bentuk, sama ada pada masa kini atau masa hadapan, yang dikenakan atau dilaksanakan di bawah undang-undang yang mengikat pihak Bank. Sekiranya cukai sedemikian dikenakan, Bank tidak akan membayar apa-apa amaun tambahan yang mungkin diperlukan supaya Pelanggan menerima amaun yang mereka seharusnya terima seandainya cukai tersebut tidak dikenakan. Pelanggan harus berunding dengan penasihat cukainya sendiri sebelum bersetuju untuk memasuki perjanjian Produk Berstruktur-i.

## **23. KONFLIK KEPENTINGAN**

- 23.1 Pelanggan mengakui bahawa Bank dan/atau mana-mana syarikat sekutunya mungkin, dari semasa ke semasa, mempunyai kepentingan, hubungan atau perjanjian yang mungkin penting dan/atau boleh menimbulkan konflik kepentingan dengan Pelanggan. Dalam hal ini, Bank akan memastikan agar Pelanggan dilayan secara adil. Sebagai contoh, Bank dan/atau syarikat sekutunya yang menerbitkan mana-mana aset teras berkaitan Produk Berstruktur-i mungkin mempunyai (atau mungkin mencairkan), dari semasa ke semasa, kedudukan atau kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana aset teras berkaitan Produk Berstruktur-i itu yang seterusnya mungkin menjejaskan pulangan kepada Pelanggan, atau mereka mungkin menjalin hubungan perbankan, perundingan atau sebarang hubungan perniagaan lain dengan syarikat yang menerbitkan aset teras itu.

## **24. AKTIVITI LINDUNG NILAI**

- 24.1 Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa Bank boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk, melindungi nilai harga, kecairan atau risiko ekonomi lain yang dihadapi oleh Bank sewaktu memasuki perjanjian dan melaksanakan kewajibannya di bawah Produk Berstruktur-i. Lindung nilai ini mungkin dilakukan dengan memasuki mana-mana kedudukan dan aktiviti perdagangan

proprietari yang dianggap sesuai oleh Bank. Bank tidak memegang mana-mana kedudukan perdagangan sedemikian atau tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti perdagangan sedemikian bagi pihak atau atas arahan atau sebagai ejen atau fidusiari Pelanggan. Pelanggan tidak akan mempunyai sebarang kepentingan ekonomi atau kepentingan lain, atau pemilikan benefisial, dalam mana-mana kedudukan perdagangan atau aktiviti perdagangan tersebut.

---

## Lampiran 5

### PELABUR SOFISTIKATED

#### TUJUAN PENGGUNAAN LAMPIRAN INI

Lampiran 5 ini diguna pakai sekiranya anda melabur dalam Produk Berstruktur-i yang hanya tersedia untuk Pelabur Canggih.

#### PENGISYTIHARAN PELANGGAN

1. Anda mengesahkan bahawa anda telah dimaklumkan dan/atau menyedari bahawa produk yang anda laburkan hanya boleh ditawarkan / diterbitkan kepada Pelabur Sofistikated.

2. Untuk individu

Anda mewakili dan menjamin bahawa anda adalah 'individu yang bernilai tinggi' sebagaimana ditakrifkan di bawah Jadual 6, Bahagian C yang dibaca bersama Seksyen 229 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, CMSA), atau anda memenuhi mana-mana satu daripada kriteria berikut:

- (a) Anda adalah individual dengan jumlah aset peribadi bersih melebihi RM3 juta atau jumlah yang setara dengannya dalam mata wang asing, dengan syarat bahawa nilai bersih kediaman utama anda menyumbang tidak lebih daripada RM1 juta daripada jumlah aset bersih anda; ATAU
- (b) Anda adalah individu dengan jumlah aset bersama bersih dengan:
  - i. pasangan anda; atau
  - ii. anak anda,melebihi RM3 juta atau jumlah yang setara dengannya dalam mata wang asing, dengan syarat bahawa nilai bersih kediaman utama anda dengan pasangan anda atau anak anda menyumbang tidak lebih daripada RM1 juta daripada jumlah aset bersih anda; ATAU
- (c) Anda adalah individu yang mempunyai pendapatan tahunan kasar melebihi RM300,000 atau yang setara dengannya dalam mata wang asing dalam tempoh 12 bulan sebelumnya; ATAU
- (d) Anda adalah individu dengan pendapatan tahunan kasar bersama pasangan atau anak anda melebihi RM400,000 atau yang setara dengannya dalam mata wang asing dalam tempoh 12 bulan sebelumnya; ATAU
- (e) Anda adalah individu dengan jumlah portfolio pelaburan peribadi bersih atau jumlah portfolio pelaburan bersama bersih dengan pasangan atau anak anda, dalam mana-mana produk pasaran modal melebihi RM1 juta atau yang setara dengannya dalam mata wang asing; ATAU
- (f) Anda adalah individu yang memegang mana-mana kelayakan berikut dan mempunyai lima tahun berturut-turut pengalaman kerja dalam bidang kewangan, ekonomi, sains aktuari atau perakaunan:
  - i. memegang Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana yang berkaitan dengan Kewangan, Ekonomi atau Sains Aktuari;
  - ii. memegang Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana dalam Perakaunan; atau
  - iii. memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan; ATAU
- (g) Anda adalah individu yang memegang keahlian dalam persatuan berikut:
  - i. Ahli aktif Institut Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA);
  - ii. Jurubank Bertauliah Institut Jurubank Bertauliah Asia (AICB);

- iii. Ahli biasa Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (FMAM);
  - iv. Akauntan Bertauliah, C.A(M) Institut Akauntan Malaysia (MIA);
  - v. Ahli biasa Persatuan Akauntan Cukai Malaysia (MATA);
  - vi. Pelabur Malaikat Bertauliah Malaysian Business Angel Network (MBAN);
  - vii. Ahli Bertauliah Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (FPAM); atau
  - viii. Ahli biasa Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC); ATAU
- (h) Anda adalah individu yang mempunyai pengalaman kerja selama lima tahun berturut-turut dalam perantara pasaran modal yang berkaitan dengan pembangunan produk, kewangan korporat, nasihat perjanjian, pengurusan pelaburan, jualan dan perdagangan, penyelidikan dan nasihat pelaburan, analisis kewangan, atau penyediaan latihan dalam produk pelaburan.

### 3. Untuk entiti

Anda mewakili dan menjamin bahawa anda memenuhi mana-mana satu daripada kriteria berikut:

- (a) Syarikat yang berdaftar sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan mempunyai aset di bawah pengurusannya melebihi Sepuluh Juta Ringgit (RM 10,000,000) atau setara dalam mata wang asing; ATAU
- (b) Perbadanan yang merupakan syarikat awam di bawah Akta Syarikat 2016 yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjadi pemegang amanah di bawah CMSA dan mempunyai aset di bawah pengurusannya melebihi Sepuluh Juta Ringgit (RM 10,000,000) atau setara dalam mata wang asing; ATAU
- (c) Perbadanan yang menjalankan aktiviti pengurusan dana secara terkawal semata-mata untuk memberi faedah kepada perbadanan yang berkaitan dengannya dan mempunyai aset di bawah pengurusan melebihi Sepuluh Juta Ringgit (RM 10,000,000) atau setara dalam mata wang asing; ATAU
- (d) Syarikat dengan jumlah aset bersih melebihi Sepuluh Juta Ringgit (RM 10,000,000) atau setara dalam mata wang asing berdasarkan akaun terakhir yang diaudit; ATAU
- (e) Perkongsian dengan jumlah aset bersih melebihi Sepuluh Juta Ringgit (RM 10,000,000) atau setara dalam mata wang asing; ATAU
- (f) Badan berkanun yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang fungsi atau mandatnya adalah pelaburan dalam produk pasaran modal; ATAU
- (g) Kumpulan wang pencen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

### 4. Bagi pelabur yang bertauliah

Anda mewakili dan menjamin bahawa anda adalah salah satu yang berikut:

- (a) Skim amanah saham, skim persaraan swasta atau skim pelaburan yang ditetapkan; ATAU
- (b) Bank Negara Malaysia; ATAU
- (c) Orang berlesen atau orang berdaftar; ATAU
- (d) Syarikat pegangan bursa, bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan yang diluluskan, depositari pusat atau pengendali pasaran yang diiktiraf; ATAU
- (e) Perbadanan yang dilesenkan, didaftarkan atau diluluskan untuk menjalankan apa-apa aktiviti terkawal atau perkhidmatan pasaran modal oleh pihak berkuasa di Labuan atau di luar Malaysia yang menjalankan fungsi yang sama dengan fungsi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

- (f) Pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010; ATAU
  - (g) Pemegang lesen bank Islam atau pemegang lesen takaful seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010; ATAU
  - (h) Ketua pegawai eksekutif atau pengarah mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 4(c), (d), (e), (f) dan (g) di atas; ATAU
  - (i) Dana tertutup yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
-

## SEKSYEN II: PENGURUSAN KEKAYAAN

### B. Terma dan Syarat Khusus GoldInvest-i

Tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

#### **AM**

Akaun GoldInvest-i ("**Akaun GI-i**") dikawal oleh terma dan syarat berikut. Dengan membuat permohonan untuk membuka Akaun GI-i, Pelanggan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Khusus GoldInvest-i ("**Terma GI-i**").

Akaun GI-i ialah akaun pelaburan Emas patuh Syariah tanpa keuntungan di mana melalui akaun ini, Pelanggan boleh membeli, menjual atau memindahkan Emas dan Pelanggan juga boleh menukar pegangan Emas dalam Akaun GI-i kepada emas fizikal mengikut Terma GI-i ini. Bank merekod dan menunjukkan berat setara bagi Emas yang dibeli, dijual atau dipindahkan oleh Pelanggan dan pertukaran yang dibuat dari semasa ke semasa daripada jumlah Emas sedia ada yang dipegang oleh Pelanggan. Perdagangan emas dilaksanakan dengan membahagikan Jongkong Emas Acuan Fizikal (seperti yang ditakrifkan di bawah) kepada beberapa bahagian, iaitu dalam beberapa gram daripada satu jongkong Emas 1kg. Pecahan daripada Jongkong Emas Acuan Fizikal yang dimiliki oleh Pelanggan akan ditandakan sewajarnya dengan satu nombor siri unik untuk mengenal pasti bahagian Emas Pelanggan. Pegangan Peribadi Emas Pelanggan dalam Jongkong Emas Acuan Fizikal dimiliki bersama sepenuhnya dan tidak terbahagi dengan pelanggan lain.

Akaun GI-i boleh dibuka oleh individu (Akaun tunggal atau Bersama) dan bukan individu. Bank mungkin mengenakan syarat yang berbeza untuk individu dan bukan individu. Bagi Akaun Bersama dan tertakluk kepada syarat sedia ada Bank, pemegang akaun bagi Akaun GI-i dan Akaun Penyelesaian mestilah pemegang akaun yang sama.

Akaun GI-i tidak sama dengan akaun deposit dan tidak dilindungi oleh PIDM. Sebarang nilai baki dalam Akaun GI-i Pelanggan bukan deposit wang dan tidak boleh dikeluarkan.

Pelanggan mengakui bahawa pelaburan dalam Emas tidak memberikan hasil dividen atau keuntungan dan harga Emas perlu naik dengan secukupnya sepanjang tempoh pelaburan untuk menghasilkan keuntungan daripada jualan.

**Bank boleh menetapkan had minimum dan maksimum yang terpakai bagi setiap jenis transaksi (iaitu pembelian, penjualan, pemindahan atau penukaran) untuk satu transaksi dan untuk satu hari. Had ini adalah dinyatakan dalam dokumen ini atau dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa.**

#### 1. **DEFINISI**

<b>Perkhidmatan Janji Temu</b>	Bermaksud perkhidmatan penghantaran Jongkong Emas Cap Fizikal ke alamat terkini Pelanggan dalam rekod Bank selepas Transaksi Penukaran melalui janji temu yang disediakan oleh Penjual Emas kepada Pelanggan.
<b>Penandatanganan yang Diberi Kuasa</b>	Bermaksud orang yang diberi mandat/autoriti oleh Pelanggan atau orang lain untuk mengurus dan mengendalikan Akaun GI-i.

<b>Transaksi Penukaran</b>	<p>Bermaksud tindakan menukar kuantiti tertentu daripada Pegangan Peribadi Emas dalam Akaun GI-<i>i</i> Pelanggan kepada Jongkong Emas Cap Fizikal. Pegangan Peribadi Emas Pelanggan akan dikurangkan dengan sewajarnya selepas Transaksi Penukaran.</p> <p>Transaksi Penukaran tidak melibatkan Transaksi Pembelian dan/atau Penjualan.</p>
----------------------------	--

<b>Emas</b>	<p>Bermaksud pemilikan benefisial pecahan yang tidak dibahagi dalam semua Jongkong Emas Acuan Fizikal yang digunakan dalam mana-mana transaksi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Transaksi Pembelian;</li> <li>Transaksi Penjualan;</li> <li>Transaksi Pemindahan Emas; dan</li> <li>Transaksi Penukaran.</li> </ol>
<b>Transaksi Pemindahan Emas</b>	<p>Bermaksud tindakan memindahkan kuantiti tertentu (dalam gram) daripada Pegangan Emas Peribadi dalam Akaun GI-<i>i</i> Pelanggan kepada Akaun GI-<i>i</i> lain yang didaftarkan dengan Bank.</p>
<b>Penjual Emas</b>	<p>Bermaksud syarikat pembekal Emas yang telah memberikan kuasa kepada Bank sebagai ejennya untuk membuat apa-apa Transaksi Pembelian, Transaksi Penjualan dan Transaksi Penukaran bagi pihaknya.</p>
<b>Akaun Bersama</b>	<p>Bermaksud Akaun GI-<i>i</i> yang dibuka bersama oleh tidak lebih daripada dua (2) individu.</p>
<b>Transaksi Pembelian</b>	<p>Bermaksud tindakan membeli kuantiti Emas tertentu (dalam gram) oleh Pelanggan daripada Bank, kuantiti dan nilai pasaran Emas akan direkodkan dan ditambah dengan sewajarnya ke dalam Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dalam Akaun GI-<i>i</i>.</p>
<b>Had Transaksi Pembelian</b>	<p>Bermaksud had maksimum yang dibenarkan untuk pembelian Emas atau nilai yang sepadan dalam Ringgit Malaysia dalam satu transaksi tunggal seperti yang dinyatakan di bawah;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bagi pelanggan individu, had ditetapkan pada 2 kg Emas atau nilai yang setara dalam Ringgit Malaysia bagi setiap Transaksi Pembelian; dan</li> <li>Bagi pelanggan korporat, had ditetapkan pada 10 kg Emas atau nilai yang setara dalam Ringgit Malaysia bagi setiap Transaksi Pembelian.</li> </ol>
<b>Jongkong Emas Acuan Fizikal</b>	<p>Bermakna ketulenan produk emas fizikal 999.9 dengan berat 1,000 gram bagi setiap jongkong yang dihasilkan oleh pusat penapisan emas. Produk emas adalah dalam bentuk jongkong dan mempunyai reka bentuk ringkas dengan akreditasi oleh Persatuan Pasaran Jongkong London (LBMA).</p>
<b>Jongkong Emas Cap Fizikal</b>	<p>Bermaksud jongkong emas cap yang dihasilkan oleh penapis yang diiktiraf oleh Persatuan Pasaran Jongkong London dalam pelbagai denominasi selepas suatu Transaksi Penukaran. Berkenaan dengan Transaksi Penukaran dalam denominasi 1 Kilogram, Jongkong Emas Cap Fizikal adalah termasuk Jongkong Emas Acuan Fizikal yang akan diterima oleh Pelanggan.</p>

<b>Pegangan Emas Peribadi</b>	Bermaksud jumlah pemilikan Emas oleh Pelanggan dalam Akaun GI- <i>i</i> pada bila-bila masa dan mengandungi maklumat berikut: a) Kuantiti Emas Pelanggan (dalam gram); dan b) Nilai pasaran Emas Pelanggan;
<b>Akaun Penyelesaian</b>	Akaun deposit- <i>i</i> Pelanggan (sama ada tunggal atau bersama) yang baru dibuka atau sedia ada di bawah nama Pelanggan dengan Bank yang digunakan untuk membayar atau menerima wang berhubung dengan transaksi yang berkaitan dengan Akaun GI- <i>i</i> Pelanggan.
<b>Transaksi Penjualan</b>	Bermaksud tindakan menjual kuantiti Emas tertentu (dalam gram) oleh Pelanggan daripada Pegangan Emas Peribadi Pelanggan kepada Bank, kuantiti dan nilai pasaran emas akan direkodkan dan ditolak dengan sewajarnya daripada Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dalam Akaun GI- <i>i</i> .

<b>Had Transaksi Penjualan</b>	Bermaksud had maksimum yang dibenarkan untuk penjualan Emas atau nilai yang sepadan dalam Ringgit Malaysia dalam satu transaksi tunggal seperti yang dinyatakan di bawah; a) Bagi pelanggan individu, had ditetapkan pada 2 kg Emas atau nilai yang setara dalam Ringgit Malaysia bagi setiap Transaksi Penjualan; dan b) Bagi pelanggan korporat, had ditetapkan pada 10 kg Emas atau nilai yang setara dalam Ringgit Malaysia bagi setiap Transaksi Penjualan.
<b>Pembekal Perkhidmatan Bilik Kebal</b>	Bermaksud syarikat yang dilantik oleh Bank (ikut budi bicara Bank) untuk menyimpan Jongkong Emas Acuan Fizikal dengan selamat.
<b>Amaun Jualan</b>	Bermaksud: a) Berat Emas yang dipersetujui akhirnya; b) Harga Emas akhir setiap gram; dan c) Agregat harga Emas akhir berdasarkan kuantiti Emas tertentu (dalam gram) Pelanggan bersetuju untuk meneruskan mana-mana transaksi Emas berikut: a) Transaksi Pembelian; atau b) Transaksi Penjualan; atau c) Transaksi Penukaran

	<p>mengikut kes yang berkenaan. Amaun Jualan akan ditunjukkan dalam slip pengesahan Bank atau mana-mana dokumen lain yang ditentukan oleh Bank.</p>
--	---

## 2. KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAPAKAI

- 2.1 Melalui kontrak agensi "Wakalah", satu pihak yang bertindak sebagai prinsipal memberikan mandat dan kuasa kepada pihak lain, yang bertindak sebagai ejen, untuk melaksanakan tugas tertentu; tertakluk kepada prinsip Syariah.
- 2.2 "Wadi`ah" merujuk kepada kontrak yang membolehkan aset diletakkan dengan pihak lain untuk disimpan tertakluk kepada prinsip Syariah. Menurut kontrak Wadi`ah, seorang penjaga (wadi'); dan seorang pen deposit simpanan (mudi') bagi aset (secara kolektif dirujuk sebagai "pihak yang berkontrak") perlu ada. Untuk produk ini, Pelanggan sebagai pen deposit simpanan menyimpan Emas Pelanggan dengan penjaga mengikut Fasal 7.
- 2.3 "Bai' al sarf" merujuk kepada kontrak pertukaran wang dengan jenis yang sama atau berbeza. Wang adalah medium pertukaran dalam bentuk emas, wang kertas atau duit syiling yang mempunyai tender yang sah, atau bentuk lain yang diterima oleh Syariah. Untuk produk ini, Bai' al sarf merujuk kepada pertukaran emas kepada wang kertas atau sebaliknya, serta pertukaran emas dengan emas.
- 2.4 ARBM GI-*i* akan dikendalikan berdasarkan prinsip Syariah Wakalah, Wadi`ah dan Bai' al sarf.

## 3. TRANSAKSI

- 3.1 Pelanggan boleh, dari semasa ke semasa, menawarkan untuk membuat mana-mana transaksi berikut:
  - a) Transaksi Pembelian;
  - b) Transaksi Penjualan;
  - c) Transaksi Pemindahan Emas; atau
  - d) Transaksi Penukaran

melalui Akaun GI-*i* dan mengikut Terma GI-*i*. Mana-mana Emas yang dibeli tetapi belum dijual semula kepada Bank, ditukar kepada Jongkong Emas Cap Fizikal atau dipindahkan ke Akaun GI-*i* lain hendaklah direkodkan dalam Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dalam Akaun GI-*i* Pelanggan dan akan diuruskan mengikut Terma GI-*i*.

- 3.2 Berhubung dengan transaksi yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Amaun Jualan (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada masa penggalan yang ditentukan oleh Bank. Pelanggan selanjutnya mengakui bahawa jika masa penggalan yang ditentukan oleh Bank untuk transaksi telah terlepas, Bank akan menyediakan Amaun Jualan baharu bagi Pelanggan meneruskan transaksi.
- 3.3 Berhubung dengan transaksi yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Pelanggan sedang membuat transaksi dengan Bank yang bertindak dengan kapasitasnya sebagai ejen sah bagi Penjual Emas.
- 3.4 Sebelum membuat mana-mana transaksi yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas, Pelanggan bersetuju untuk membuka akaun penyelesaian baharu atau mencalonkan penama bagi Akaun Penyelesaian. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh menolak permohonan Pelanggan untuk membuka Akaun GI-*i* jika Pelanggan gagal, enggan dan/atau tidak membuka atau mencalonkan penama bagi Akaun Penyelesaian. Pelanggan bersetuju bahawa dia tidak akan menutup Akaun Penyelesaian selagi Akaun GI-*i* masih aktif. Pelanggan memberikan kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Penyelesaian untuk menyelesaikan Emas yang dibeli fi pengurusan, fi penukaran, caj penghantaran, cukai, fi perkhidmatan, duti setem (jika ada), fi dan/atau caj yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan di bawah Terma GI-*i*.
- 3.5 Berhubung dengan Akaun GI-*i* yang merupakan Akaun Bersama, nama pemegang Akaun Penyelesaian dan syarat penandatanganan Akaun Penyelesaian yang dikaitkan kepada Akaun GI-*i* hendaklah betul-betul sama untuk mengendalikan Akaun Bersama Pelanggan.
- 3.6 Sebagai tambahan kepada Fasal 3.5 di atas dan tanpa menjejaskannya, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pengendalian Akaun Bersama dalam dokumen ini hendaklah mengikut Terma dan Syarat Am Bank.
- 3.7 Pelanggan hendaklah memberikan arahan kepada Bank dengan menggunakan borang yang ditentukan oleh Bank. Arahan yang diberikan oleh Pelanggan tidak boleh dibatalkan dan hendaklah dilaksanakan setelah Bank menerima arahan sedemikian dan akan menjadi bukti muktamad arahan Pelanggan.
- 3.8 Pelanggan bersetuju bahawa:
  - a) Bank boleh pada bila-bila masa menggantung dan/atau menolak untuk melaksanakan arahan Pelanggan untuk membeli, menjual, memindahkan atau menukar Emas di bawah Akaun GI-*i*; dan
  - b) Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada penggantungan atau penolakan Bank dalam (a) di atas.
- 3.9 Bank boleh memberikan notis terlebih dahulu mengikut peruntukan Terma dan Syarat Am Bank untuk mengubah skop dan jenis transaksi yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas dengan:
  - a) mengembangkan, mengubah suai atau mengurangkan transaksi pada bila-bila masa;
  - b) mengenakan dan mengubah apa-apa sekatan terhadap peruntukan transaksi (contohnya, pembelian Emas minimum pada permulaan atau seterusnya, berat Emas minimum atau maksimum bagi setiap transaksi atau had Emas harian bagi setiap Pelanggan atau apa-apa jenis transaksi atau urus niaga yang mungkin atau telah diberikuasa kepada Pelanggan untuk menjalankannya); dan

c) meminda waktu perkhidmatan biasa atau masa penggalan transaksi.

3.10 Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dalam Jongkong Emas Acuan Fizikal hendaklah dimiliki bersama secara tak dibahagi dengan pelanggan lain. Amaun keseluruhan Emas yang disimpan dinyatakan pada setiap masa dan maklumat tentang kuantitinya tersedia kepada Bank (sebagai ejen penyimpanan Pelanggan) pada setiap masa.

#### 4. TRANSAKSI PEMBELIAN

4.1 Tertakluk kepada Had Transaksi Pembelian, Bank boleh dari semasa ke semasa menjual Emas kepada Pelanggan selepas Transaksi Pembelian yang berjaya mengikut Terma GI-*i*. Setiap Transaksi Pembelian hendaklah dilakukan oleh Pelanggan di cawangan Bank (atau mana-mana saluran lain yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa) menggunakan borang sedemikian yang ditentukan oleh Bank dan hanya akan diterima jika diuruskan pada Hari Perniagaan. Harga belian harian indikatif bagi Emas (harga jualan dari perspektif Bank) boleh didapati di cawangan Bank dan laman web Bank (<https://www.alrajhibank.com.my>). Harga ini hanya bersifat indikatif dan untuk tujuan rujukan sahaja.

4.2 Sebaik sahaja Pelanggan telah membuat keputusan untuk membeli Emas, melengkapkan borang Transaksi Pembelian yang telah ditentukan dengan sewajarnya dan mengemukakannya kepada Bank, Bank kemudiannya akan mengeluarkan slip pengesahan pembelian kepada Pelanggan yang mengandungi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat berikut:

- a) Kuantiti Emas yang akan dibeli; dan
- b) Amaun Jualan.

4.3 Pelanggan dikehendaki menyemak butiran yang dinyatakan dalam slip pengesahan pembelian untuk memastikan butiran adalah betul. Sebaik sahaja Pelanggan berpuas hati bahawa butiran dalam dokumen itu adalah betul, Pelanggan dikehendaki mengemukakan slip pengesahan pembelian yang dilengkapkan dan ditandatangani dengan sewajarnya kepada Bank untuk menandakan persetujuan Pelanggan untuk meneruskan Transaksi Pembelian dan pengesahan bahawa butiran dalam slip pengesahan pembelian adalah betul. Setelah menerima pengesahan Pelanggan untuk meneruskan Transaksi Pembelian mengikut slip pengesahan pembelian yang dikemukakan, Bank kemudiannya akan meneruskan proses untuk melengkapkan Transaksi Pembelian.

4.4 Selepas Transaksi Pembelian telah selesai, Bank akan mengeluarkan resit kepada Pelanggan yang mengandungi maklumat berikut:

- a) Tarikh dan masa transaksi; dan
- b) Amaun Jualan;

4.5 Resit yang dikeluarkan dalam Fasal 4.3 di atas hanya berfungsi sebagai rekod transaksi dan bukan dokumen hakmilik. Ia tidak boleh dipindahkan, diserahkan, atau dirundingkan dalam apa jua cara.

#### 5 NILAI MINIMUM PEMBELIAN PERMULAAN DAN PEMBELIAN SETERUSNYA

5.1 Setelah Pelanggan berjaya membuka Akaun GI-*i*, Pelanggan dikehendaki membuat Transaksi Pembelian minimum seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 1 di bawah atau apa-apa kuantiti atau amaun minimum lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut Terma GI-*i* ("**Pembelian Permulaan**").

5.2 Selepas Pembelian Permulaan, setiap Transaksi Pembelian seterusnya yang diterima oleh Bank tidak boleh dibatalkan dan tertakluk kepada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Jenis Pelanggan	Pembelian Permulaan	Pembelian Seterusnya
Individu	Emas bernilai minimum RM 10 atau setara dalam gram	Emas bernilai minimum RM 10 atau setara dalam gram.
Bukan Individu	Emas bernilai minimum RM 100 atau setara dalam gram.	Emas bernilai minimum RM 100 atau setara dalam gram.

## 6 HARGA BELIAN

- 6.1 Harga akhir Emas setiap gram bagi setiap pembelian yang dibuat oleh Pelanggan adalah harga jualan dalam Ringgit Malaysia seperti yang disebut harga oleh Bank kepada Pelanggan pada masa permintaan Transaksi Pembelian Pelanggan dibuat di cawangan Bank. Harga jualan yang disebut harga akan ditentukan oleh Bank selepas mengambil kira semua faktor yang berkaitan seperti harga Emas yang disebut harga oleh Penjual Emas kepada Bank, keadaan semasa di pasaran dunia dan tempatan bagi Emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diterima pakai) dengan Ringgit Malaysia dan ketulenan Emas.
- 6.2 Pelanggan hendaklah membuat penyelesaian penuh bagi setiap Transaksi Pembelian dalam Ringgit Malaysia daripada dana dijelaskan yang tersedia dan boleh pindah milik daripada Akaun Penyelesaian Pelanggan sebelum masa penggalan. Pelanggan memahami dan bersetuju dengan nyata bahawa Bank berhak untuk tidak melaksanakan apa-apa Transaksi Pembelian jika dana dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan tidak mencukupi.

## 7. PENYIMPANAN EMAS

- 7.1 Pelanggan bersetuju untuk melantik Bank supaya bertindak sebagai ejen Pelanggan untuk mengenal pasti, mengatur dan membayar pihak ketiga, Pembekal Perkhidmatan Bilik Kebal untuk menyimpan Emas yang dibeli daripada Bank dengan selamat. Tanpa persetujuan Pelanggan selanjutnya, Bank juga berhak dan boleh memberikan kuasa kepada Penyedia Perkhidmatan Bilik Kebal untuk melantik penyedia perkhidmatan pengganti bilik kebal menurut Terma GI-1 ini. Bank selanjutnya diberikan kuasa untuk merundingkan, melaksanakan dan mengemukakan semua perjanjian lain atau mana-mana dokumen yang difikirkan perlu atau wajar oleh Bank untuk menjalankan pengaturan penyimpanan tersebut.
- 7.2 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan oleh pihak pelanggan terhadap apa-apa kerugian, kos, caj, liabiliti dan perbelanjaan (sama ada pada masa depan atau kontingen) akibat kecuaiannya Pembekal Perkhidmatan Bilik Kebal atau pembekal perkhidmatan pengganti bilik kebal jika penyedia perkhidmatan bilik kebal telah dilantik dengan wajar dan sah.
- 7.3 Penyimpanan Jongkong Emas Acuan Fizikal dengan Pembekal Perkhidmatan Bilik Kebal dibuat di bawah nama Bank. Sehubungan itu, Bank hanya bertindak sebagai ejen Pelanggan untuk memudahkan penyimpanan Jongkong Emas Acuan Fizikal melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Bilik Kebal. Oleh itu, kebertanggungjawapan Bank terhadap Pelanggan adalah terhadap kepada tindakan cuai atau kewajipan yang tidak dilaksanakan oleh Bank berhubung dengan peranan Bank sebagai agensi yang diperkatakan di sini.
- 7.4 Pelanggan hendaklah membayar fi pengurusan yang terakru setiap hari berdasarkan nilai Pegangan Emas Peribadi Purata Harian Pelanggan dalam Ringgit Malaysia (ditentukan oleh Bank dengan niat baik dan menggunakan kadar pertukaran semasa Bank) didarab dengan

kadar peratusan tahunan yang berkenaan (seperti yang dinyatakan dalam fi dan caj Bank di laman web Bank) dibahagikan dengan 360 hari ("**Fi Pengurusan**"). Fi Pengurusan hendaklah dikira setiap hari pada penghujung hari. Fi Pengurusan terakru akan didebitkan daripada Akaun Penyelesaian Pelanggan setiap suku tahun di mana notis terdahulu tidak diperlukan.

Formula Pegangan Emas Peribadi Purata Harian adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Nilai buka Pegangan Emas Peribadi} + \text{nilai tutup Pegangan Emas Peribadi}}{2}$$

= Nilai Pegangan Emas Peribadi Purata Harian

- 7.5 Bank berhak untuk menyemak semula dari semasa ke semasa Fi Pengurusan yang dirujuk dalam Fasal ini mengikut Fasal 1.3 (**Perubahan dan Variasi**) Terma dan Syarat Am Bank.
- 7.6 Pelanggan mesti sentiasa memastikan bahawa terdapat amaun dijelaskan dan boleh pindah milik yang cukup dalam Akaun Penyelesaian supaya Bank boleh mendebitkan Fi Pengurusan setiap suku tahun atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 7.7 Sekiranya Fi Pengurusan Pelanggan tertunggak untuk dua (2) suku tahun berturut-turut ("**Fi Pengurusan Tertunggak**"), Bank akan mengeluarkan peringatan akhir kepada Pelanggan mengikut Fasal 28, Notis dan Komunikasi Terma dan Syarat Am Bank. Pelanggan dikehendaki menandatangani amaun belum bayar ke dalam Akaun Penyelesaian dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh peringatan akhir dianggap telah dihantar kepada Pelanggan mengikut Fasal 28.2 (**Masa Penghantaran**) Terma dan Syarat Am Bank ("**Tempoh Peringatan Akhir**"). Jika Bank masih tidak dapat mendebitkan Fi Pengurusan Tertunggak daripada Akaun Penyelesaian Pelanggan selepas tamat Tempoh Peringatan Akhir, Bank berhak melaksanakan usaha berikut untuk mendapatkan semula Fi Pengurusan Tertunggak:
- Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk melantik Bank sebagai ejen untuk menjual Pegangan Emas Peribadi Pelanggan yang tersedia dalam Akaun Pelanggan pada harga belian Emas semasa Bank. Apa-apa baki amaun daripada hasil jualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan selepas potongan Fi Pengurusan Tertunggak akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan; dan
  - melaksanakan hak Bank untuk menolak selesai Fi Pengurusan Tertunggak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 14 (**Tolak Selesai dan Penyatuan**) Terma dan Syarat Am Bank.

## 8. PENJUALAN EMAS

- 8.1 Tertakluk kepada Had Transaksi Penjualan, Pelanggan boleh dari semasa ke semasa menjual Emas kepada Bank mengikut Terma GI-i. Setiap Transaksi Penjualan mesti dibuat oleh Pelanggan di cawangan Bank (atau mana-mana saluran lain yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa) pada Hari Perniagaan menggunakan borang sedemikian yang ditentukan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan Bank selanjutnya, bukti identiti dan harga Emas semasa Bank.
- 8.2 Sebaik sahaja selepas Pelanggan membuat keputusan untuk menjual Emas, melengkapkan borang Transaksi Penjualan yang ditentukan dengan sewajarnya dan menyerahkannya kepada Bank, Bank kemudiannya akan mengeluarkan slip pengesahan penjualan kepada Pelanggan yang mengandungi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat berikut:
- Kuantiti Emas yang akan dijual; dan
  - Amaun Jualan.

- 8.3 Pelanggan dikehendaki menyemak butiran yang dinyatakan dalam slip pengesahan penjualan untuk memastikan butiran adalah betul. Sebaik sahaja Pelanggan berpuas hati bahawa butiran dalam dokumen itu adalah betul, Pelanggan dikehendaki mengemukakan slip pengesahan penjualan yang dilengkapkan dan ditandatangani dengan sewajarnya kepada Bank untuk menandakan persetujuan Pelanggan untuk meneruskan Transaksi Penjualan dan pengesahan bahawa butiran dalam slip pengesahan penjualan adalah betul. Setelah menerima pengesahan Pelanggan untuk meneruskan Transaksi Penjualan mengikut slip pengesahan penjualan yang dikemukakan, Bank kemudiannya akan meneruskan proses untuk melengkapkan Transaksi Penjualan.
- 8.4 Berikutan Transaksi Penjualan yang berjaya, Bank akan mengeluarkan resit kepada Pelanggan dengan maklumat berikut:
- Tarikh dan masa transaksi; dan
  - Amaun Jualan;
- 8.5 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa permintaan Transaksi Penjualan adalah terhad kepada Pegangan Emas Peribadi Pelanggan. Sekiranya Pegangan Emas Peribadi Pelanggan kurang daripada amaun yang akan dijual dalam borang Transaksi Penjualan yang ditentukan, Bank boleh menolak untuk melaksanakan Transaksi Penjualan Pelanggan.

## 9. AMAUN JUALAN MINIMUM

- 9.1 Setiap Transaksi Penjualan, setelah diterima oleh Bank, tidak boleh dibatalkan dan tertakluk kepada amaun jualan minimum yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Jenis Pelanggan	Amaun Jualan Minimum
Individu	Emas bernilai minimum RM 10 atau setara dalam gram
Bukan Individu	Emas bernilai minimum RM 100 atau setara dalam gram

## 10. HARGA JUALAN

- 10.1. Harga akhir Emas setiap gram bagi setiap penjualan yang dibuat oleh Pelanggan adalah harga jualan dalam Ringgit Malaysia seperti yang disebut harga oleh Bank kepada Pelanggan pada masa permintaan Transaksi Penjualan Pelanggan dibuat di cawangan Bank. Harga belian (dari perspektif Bank) akan disebut harga oleh Bank selepas mengambil kira semua faktor yang berkaitan seperti harga Emas yang disebut harga oleh Penjual Emas kepada Bank, keadaan semasa di pasaran dunia dan tempatan bagi Emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diterima pakai) dengan Ringgit Malaysia dan kehalusan Emas.

## 11. HASIL JUALAN

- 11.1 Hasil daripada Transaksi Penjualan yang berjaya akan dibayar kepada Pelanggan dalam Ringgit Malaysia melalui kredit terus ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan sebaik sahaja selepas Transaksi Penjualan dilaksanakan.

## 12. PEMINDAHAN EMAS

- 12.1 Pelanggan boleh menjalankan Transaksi Pemindahan Emas dari semasa ke semasa mengikut Terma GI-i. Setiap Transaksi Pemindahan Emas mesti dibuat oleh Pelanggan di cawangan Bank (atau mana-mana saluran lain yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa) pada Hari Perniagaan menggunakan borang sedemikian yang ditentukan oleh Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 12.2 Transaksi Pemindahan Emas maksimum setiap hari adalah tertakluk kepada nilai maksimum Emas sebanyak RM50,000.00 sehari berdasarkan harga belian semasa Bank.
- 12.3 Setelah menerima dan menyelesaikan Transaksi Pemindahan Emas Pelanggan, Bank akan mengeluarkan resit kepada Pelanggan yang mengandungi maklumat berikut:
- kuantiti pemindahan Emas dalam gram; dan
  - Amaun Jualan.
- 12.4 Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa selepas Bank menerima transaksi Pemindahan Emas Pelanggan:
- arahan sedemikian tidak boleh dibatalkan dan mengikat Pelanggan;
  - Pelanggan bersetuju tidak akan mempertikaikan arahan yang diberikan; dan
  - Pelanggan mengakui, menerima dan menanggung risiko tunggal dalam memberikan arahan sedemikian.

### **13. PENUKARAN PEGANGAN EMAS PERIBADI KEPADA JONGKONG EMAS CAP FIZIKAL**

- 13.1 Tertakluk kepada Fi Penukaran yang dinyatakan dalam fi dan caj Bank di laman web Bank, Pelanggan boleh membuat Transaksi Penukaran melalui Bank dari semasa ke semasa mengikut Terma GI-*i*. Setiap Transaksi Penukaran mesti dibuat oleh Pelanggan di cawangan Bank pada Hari Perniagaan menggunakan borang sedemikian yang ditentukan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan lanjut Bank dan bukti identiti.
- 13.2 Pelanggan bersetuju untuk membayar fi dan caj yang dinyatakan dalam Fasal 18 kepada Penjual Emas bagi Fi Penukaran dan Perkhidmatan Penghantaran (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 14 di bawah) untuk penghantaran Jongkong Emas Cap Fizikal kepada Pelanggan.
- 13.3 Berikutan Transaksi Penukaran yang berjaya, Bank akan mengeluarkan resit kepada Pelanggan dengan maklumat berikut:
- Amaun Jualan; dan
  - Perkhidmatan Penghantaran Khas dan Fi Transaksi Penukaran; dan
  - Baki Pegangan Emas Peribadi Pelanggan berikutan Transaksi Penukaran yang berjaya, jika ada.
- 13.4 Bagi mana-mana Jongkong Emas Cap Fizikal yang ditukar berikutan Transaksi Penukaran seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 13 ini, Bank tidak diwajibkan untuk membeli Jongkong Emas Cap Fizikal daripada Pelanggan.
- 13.5 Melainkan sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 13 ini dan Fasal 8, Pelanggan tidak dibenarkan mengeluarkan Emas daripada Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dalam Akaun GI-*i* Pelanggan kerana ia bukan akaun deposit.
- 13.6 Jika Pelanggan membuat Transaksi Penukaran dalam denominasi 1 Kilogram, Pelanggan akan menerima Jongkong Emas Acuan Fizikal.

### **14. PERKHIDMATAN PENGHANTARAN**

- 14.1 Berikutan Transaksi Penukaran yang berjaya dan pembayaran semua fi yang berkaitan (seperti yang dinyatakan dalam fi dan caj Bank di laman web Bank), Penjual Emas akan menghubungi Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan untuk mengatur masa dan tarikh yang dipersetujui untuk penghantaran Jongkong Emas Cap Fizikal ke alamat terkini Pelanggan dalam rekod Bank. Pelanggan hendaklah membuat persediaan yang perlu untuk memastikan dia hadir di alamat pada tarikh dan masa yang dipersetujui untuk menerima Jongkong Emas Cap Fizikal

Pelanggan pada masa dan tarikh yang dipersetujui ("**Percubaan Penghantaran Pertama**"). Jongkong Emas Cap Fizikal hanya akan diserahkan kepada Pelanggan selepas berjaya mengesahkan identiti Pelanggan pada tarikh penghantaran yang dipersetujui. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa alamat dalam rekod Bank adalah terkini.

- 14.2 Jika Percubaan Penghantaran Pertama tidak berjaya, Penjual Emas akan mengulangi proses dalam Fasal 14.1 di atas dan menghubungi Pelanggan dalam masa satu (1) Hari Perniagaan dari tarikh Percubaan Penghantaran Pertama yang tidak berjaya ("**Percubaan Penghantaran Kedua**").
- 14.3 Jika Jongkong Emas Cap Fizikal masih tidak dapat dihantar selepas Percubaan Penghantaran Kedua, maka Jongkong Emas Cap Fizikal akan dikembalikan kepada Penjual Emas dan disimpan olehnya. Penjual Emas kemudiannya akan memberitahu Bank bahawa Pelanggan belum mengambil Jongkong Emas Cap Fizikalnya dan meminta Bank memberitahu Pelanggan untuk mengatur masa dan tarikh yang dipersetujui untuk menghantar Jongkong Emas Cap Fizikal ke alamat terkini Pelanggan dalam rekod Bank. Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, proses dalam Fasal 14.1 dan 14.2 di atas akan dilakukan sehingga Jongkong Emas Cap Fizikal berjaya dihantar kepada Pelanggan.
- 14.4 Untuk mengelakkan keraguan, Percubaan Penghantaran Kedua adalah percuma. Perkhidmatan penghantaran tambahan selepas Percubaan Penghantaran Kedua yang diminta oleh Pelanggan akan dikenakan caj kepada Pelanggan dan Pelanggan bersetuju untuk membayar caj sedemikian kepada Bank sebelum pengaturan penghantaran Jongkong Emas Cap Fizikal dibuat oleh Penjual Emas.
- 14.5 Sekiranya terdapat apa-apa isu berkenaan dengan Jongkong Emas Cap Fizikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada berat Emas yang tidak tepat dan/atau kecacatan seperti calar atau kemik pada permukaan Jongkong Emas Cap Fizikal yang diterima, Pelanggan dibenarkan untuk menuntut penggantian daripada Penjual Emas tanpa apa-apa kos dengan membuat aduan kepada mana-mana cawangan Bank.
- 14.6 Penyerahan aduan mesti disertakan dengan laporan polis yang sah, yang difailkan oleh Pelanggan kepada pihak polis. Salinan laporan polis hendaklah dikongsi dengan Bank bersama-sama dengan tuntutan Pelanggan dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan yang dikira dari tarikh penerimaan Jongkong Emas Cap Fizikal oleh Pelanggan, jika gagal berbuat demikian, Jongkong Emas Cap Fizikal yang diterima akan dianggap bebas daripada apa-apa masalah atau kecacatan.
- 14.7 Pelanggan bersetuju untuk menghubungi Penjual Emas berkenaan apa-apa pertanyaan mengenai penghantaran jongkong Emas Cap Fizikal.

## **15. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN**

- 15.1 Sebagai tambahan kepada Fasal 9 (**Pendedahan Maklumat Pelanggan**) Terma dan Syarat Am Bank, Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberikan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan maklumat tertentu yang berkaitan dengan Pelanggan (contohnya alamat, nombor telefon) dan/atau butiran Akaun GI-*i* Pelanggan kepada Penjual Emas (atau mana-mana pengganti Penjual Emas berikutnya sebagaimana yang dilantik oleh Bank) untuk dan berkaitan dengan mana-mana tujuan berikut:
  - a) Untuk penyediaan Akaun GI-*i* dan/atau perkhidmatan yang berkaitan di bawah peruntukan ini kepada Pelanggan;
  - b) Untuk mematuhi atau memberi respons kepada permintaan, pertanyaan, aduan Pelanggan, secara umumnya berhubung dengan Akaun GI-*i* dan/atau perkhidmatan yang berkaitan di bawah peruntukan ini; dan/atau
  - c) Untuk membolehkan Bank mematuhi obligasinya di bawah Terma GI-*i* secara umum.

## 16. PEMBERIAN KUASA

- 16.1 Selepas Pelanggan memberikan arahan awal, Pelanggan memberikan kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada Bank atau wakil Bank, tanpa rujukan lanjut atau persetujuan daripada Pelanggan, untuk melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua perkara yang perlu atas nama Pelanggan dalam melaksanakan arahan Pelanggan.

## 17. RISIKO

### 17.1 Pelanggan:

- a) mengakui bahawa pelaburan dalam Emas adalah tertakluk kepada risiko (termasuk turun naik harga emas, kemungkinan kehilangan modal, risiko tidak memperoleh pulangan dan/atau menanggung kerugian) dan mungkin tidak menghasilkan pulangan yang lebih tinggi daripada deposit bank tradisional dan/atau produk pelaburan lain;
- b) mengakui bahawa Pelanggan bertindak atas analisis, pertimbangan dan keputusan bebas Pelanggan sendiri atau selepas mendapatkan nasihat kewangan atau profesional bebas berkenaan dengan pembukaan Akaun GI-*i*;
- c) mewakili dan menjamin bahawa Pelanggan memahami dan menyedari sepenuhnya risiko yang terlibat dalam pelaburan Emas;
- d) memahami bahawa prestasi masa lalu mana-mana pelaburan tidak menunjukkan prestasi masa depannya;
- e) memahami bahawa Pelanggan harus mengelakkan pelaburan yang berlebihan dalam satu jenis pelaburan berkenaan dengan jumlah perkadaran keseluruhan portfolio Pelanggan, untuk mengelakkan pendedahan berlebihan kepada apa-apa risiko pelaburan; dan
- f) mengesahkan bahawa Bank tidak mempunyai apa-apa kewajipan fidusiari terhadap Pelanggan, tidak diwajibkan untuk memberi dan tidak akan memberi Pelanggan apa-apa nasihat atau cadangan mengenai undang-undang yang berkaitan, layanan perakaunan, layanan cukai, layanan kawal selia, atau risiko dan merit pelaburan dalam Akaun GI-*i*. Jika apa-apa nasihat atau cadangan sedemikian diberikan oleh mana-mana syarikat bersekutu, wakil atau pekerja Bank, atau syarikat yang berkaitan dengannya, Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa nasihat atau cadangan tersebut diberikan atau dibuat tanpa apa-apa tanggungjawab pada pihak Bank dan atas dasar bahawa Pelanggan akan membuat penilaian sendiri dan bergantung kepada pertimbangan Pelanggan sendiri.

### 17.2 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan terhadap:

- a) kehabisan atau pengurangan nilai Emas yang dibeli di bawah Akaun GI-*i*; dan
- b) apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan lain yang dialami oleh Pelanggan berhubung dengan atau timbul daripada pembukaan Akaun GI-*i* atau berkenaan dengan mana-mana transaksi berhubung dengan Akaun GI-*i* termasuk tetapi tidak terhad kepada pegangan, penjualan, pembelian, penukaran atau pemindahan Emas.

## 18. FI & CAJ

- 18.1 Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada Bank semua fi dan caj yang disenaraikan berkenaan dengan atau berhubung dengan Akaun GI-*i* seperti yang dinyatakan dalam Terma GI-*i* dan mengikut fi dan caj Bank. Apa-apa fi dan caj yang dikenakan akan didedahkan kepada Pelanggan sebelum pelaksanaan transaksi dan akan didebitkan daripada Akaun Penyelesaian Pelanggan.

- 18.2 Pelanggan hendaklah membuat pembayaran fi/caj sedemikian dengan memastikan Akaun Penyelesaiannya sentiasa mempunyai dana yang mencukupi untuk dijelaskan dan boleh dipindah milik untuk didebitkan oleh Bank.

- 18.3 Pelanggan mengakui bahawa fi dan caj Bank yang berkenaan telah didedahkan dan boleh dilihat di laman web Bank di <https://www.alrajhibank.com.my> (seperti yang dikemas kini dari semasa ke semasa) dan merupakan sebahagian daripada Terma GI-*i* yang mengikat Pelanggan.
- 18.4 Bank berhak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula dari semasa ke semasa fi dan/atau caj sedemikian seperti yang dinyatakan dalam fi dan caj Bank di laman web Bank dan akan memaklumkan kepada Pelanggan tentang apa-apa perubahan dalam fi dan caj sedemikian menurut Fasal 1.3 (**Perubahan dan Variasi**) Terma dan Syarat Am Bank.

## 19. PENUTUPAN AKAUN

- 19.1 Pelanggan boleh menutup Akaun GI-*i* dengan menjual semua Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dengan melaksanakan Transaksi Penjualan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 8 hingga 10 di atas. Hasil daripada Transaksi Penjualan yang berjaya akan dibayar melalui kredit terus ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 11 di atas.
- 19.2 Pelanggan juga boleh menutup Akaun GI-*i* dengan memindahkan semua Pegangan Emas Peribadi Pelanggan ke Akaun GI-*i* lain yang didaftarkan di bawah nama pihak ketiga.
- 19.3 Pelanggan dikehendaki hadir sendiri di cawangan Bank untuk penutupan Akaun Pelanggan. Pasport, MyKad atau mana-mana dokumen pengenalan diri yang sah mengikut keperluan Bank mesti dikemukakan untuk menutup Akaun GI-*i*. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua keperluan semasa Bank berkenaan dengan penutupan Akaun GI-*i* seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini atau yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 19.4 Bank berhak untuk menutup Akaun GI-*i* Pelanggan pada bila-bila masa yang difikirkan munasabah oleh Bank, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- 19.5 Bank berhak untuk menutup Akaun GI-*i* Pelanggan jika baki Pegangan Emas Peribadi Pelanggan kurang daripada baki minimum yang ditetapkan oleh Bank untuk tempoh berturut-turut selama dua (2) tahun tanpa perlu memberikan apa-apa sebab dan/atau notis kepada Pelanggan.
- 19.6 Di samping itu, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa hak Bank untuk menutup dan menamatkan akaun, produk atau perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am Bank adalah terpakai kepada Akaun Pelanggan.
- 19.7 Sekiranya Bank melaksanakan haknya untuk menutup Akaun GI-*i* Pelanggan dan terdapat Pegangan Emas Peribadi dalam Akaun GI-*i*, Pelanggan memberikan kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada Bank untuk menjual Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dengan cara dan mengikut terma dan syarat sedemikian yang difikirkan sesuai oleh Bank. Hasil daripada jualan akan dibayar melalui kredit terus ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan. Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, jika ada, dalam penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan atau untuk apa-apa kerugian atau susut nilai atas apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada turun naik harga Emas dan/atau turun naik kadar pertukaran mata wang. Pelanggan bersetuju secara nyata dan tidak boleh dibatalkan bahawa pertimbangan dan budi bicara Bank berkenaan dengan masa, harga dan terma penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan oleh Pelanggan.

## 20. PENYATA BULANAN YANG DIKELUARKAN ADALAH BUKTI KONKLUSIF MELAINKAN ADA BANTAHAN DALAM TEMPOH 30 HARI

- 20.1 Jika Pelanggan tidak menghubungi Bank secara bertulis mengenai kegagalan penerimaan penyata daripada Bank atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penerimaan penyata yang dihantar ke alamat terkini Pelanggan dalam rekod Bank atau disediakan secara elektronik, maka akaun atau rekod Bank hendaklah menjadi bukti konklusif bagi entri transaksi dan baki berkenaan dengan Akaun GI-*i* Pelanggan dan Pelanggan dianggap telah menerima bahawa perkara-perkara yang terkandung dalam penyata itu adalah benar dan tepat dalam

semua aspek.

## **21. LIEN DAN TOLAK SELESAI**

- 21.1 Pelanggan mengakui bahawa hak Bank untuk menolak selesai, menggabungkan dan menyatukan akaun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am hendaklah terpakai kepada Akaun GI-*i* Pelanggan selagi mana-mana keterhutangan Pelanggan kepada Bank kekal tertunggak (sama ada sebenar, kontingen, masa kini atau masa depan, yang ditanggung secara tunggal atau bersama, tanpa mengira hasil daripada penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dan keterhutangan tidak boleh dinyatakan dalam mata wang yang sama).
- 21.2 Sebagai tambahan kepada hak Bank untuk menolak selesai dan tanpa menjejaskan mana-mana hak lain yang mungkin layak dinikmati oleh Bank di sisi undang-undang, Bank hendaklah mempunyai hak lien ke atas semua Pegangan Emas Peribadi Pelanggan selagi mana-mana keterhutangan Pelanggan kepada Bank kekal tertunggak (sama ada sebenar, kontingen, masa kini atau masa depan, yang ditanggung secara tunggal atau bersama, tanpa mengira hasil daripada penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dan keterhutangan tidak boleh dinyatakan dalam mata wang yang sama).
- 21.3 Sebaik sahaja berlaku keingkaran oleh Pelanggan (yang boleh ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya), Bank berhak, tanpa notis lanjut diberikan kepada Pelanggan, untuk menutup Akaun GI-*i* Pelanggan sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 19 di atas dan menjual Pegangan Emas Peribadi Pelanggan dan menggunakan hasil untuk membayar dan menyelesaikan semua atau mana-mana bahagian keterhutangan Pelanggan kepada Bank (untuk mengelakkan keraguan, hendaklah termasuk semua kos, perbelanjaan dan caj yang ditanggung berkaitan dengan pelupusan sedemikian). Pelanggan mengakui bahawa dia mungkin mengalami kerugian atau susut nilai, jika ada, akibat daripada penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan. Sementara menunggu pelaksanaan hak Bank dalam lien dan tolak selesai, Bank berhak untuk mengantung pembayaran berhubung dengan Akaun GI-*i* Pelanggan dan/atau menolak arahan Pelanggan untuk membeli, menjual, memindahkan, atau menukar Pegangan Emas Peribadi Pelanggan kepada Jongkong Emas Cap Fizikal.
- 21.4 Pelanggan bersetuju untuk melaksanakan semua tindakan dan/atau menyempurnakan semua dokumen yang mungkin diperlukan untuk tujuan mengekalkan, melindungi atau menyempurnakan hak Bank dalam lien dan tolak selesai terhadap Emas dalam Pegangan Emas Peribadi Pelanggan.
- 21.5 Jika keterhutangan dinyatakan dalam mata wang yang berbeza daripada hasil penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan, Bank hendaklah menjalankan penukaran mata wang pada kadar pertukaran semasa Bank.
- 21.6 Sekiranya keterhutangan bersifat kontingen, Bank boleh membayar hasil penjualan Pegangan Emas Peribadi Pelanggan ke dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan. Sebaik sahaja pembayaran dibuat, Bank boleh menahan amaun baki kredit sedemikian dalam Akaun Penyelesaian Pelanggan, setakat yang diperlukan untuk menampung liabiliti kontingen sedemikian.
-